

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 3

Selasa

18 April 2017

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN

LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

USUL-USUL:

Menjunjung Kasih Titah
Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong
- *YB Senator Dato' Khairudin Samad*

(Halaman 22)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan
Daripada Peraturan Mesyuarat

(Halaman 57)

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT PERTAMA**

Selasa, 18 April 2017

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah [*Di Bawah P.M. 23(2)*] minta Perdana Menteri menyatakan, manfaat yang diperoleh hasil kunjungan pemimpin tertinggi Arab Saudi, Raja Salman Abdulaziz Al-Saud baru-baru ini termasuk isu penambahan kuota haji dan penerimaan pelaburan oleh syarikat minyak Arab Saudi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Norliza binti Abdul Rahim; Yang Berhormat Mulia Senator Engku Naimah binti Engku Taib; dan Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah, bertarikh 24 April 2017 dan 26 April 2017.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan: Semua Ahli Yang Berhormat Senator berkenaan telah membangkitkan mengenai hasil lawatan negara Raja Arab Saudi ke Malaysia baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat lawatan negara oleh Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud ke Malaysia adalah sangat penting dan memberi impak besar yang *significant* kepada Malaysia khususnya dari segi hubungan ekonomi dan juga memperlihatkan hubungan diplomatik yang lebih akrab antara kedua-dua negara. Hubungan ini juga secara khusus memperlihatkan keyakinan Kerajaan Arab Saudi terhadap kestabilan politik dan ekonomi Malaysia di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak. Ini sekali gus meletakkan hubungan dua hala kedua-dua negara pada kedudukan yang tertinggi.

Dari segi aspek ekonomi di antara Kerajaan Malaysia dan Arab Saudi kedua-dua negara telah menandatangani perjanjian persefahaman atau MoU yang melibatkan kerjasama dalam perdagangan dan pelaburan yang meliputi pelbagai sektor ekonomi. Melalui MoU tersebut ia telah mewujudkan platform kerjasama baru bagi merencanakan lagi hubungan ekonomi kedua-dua buah negara. Untuk rekod, Arab Saudi adalah rakan dagang ke-19 terbesar Malaysia dan kedua terbesar Malaysia di kalangan negara-negara Timur Tengah.

Selain daripada MoU antara kerajaan, tujuh MoU kerjasama antara pihak swasta Malaysia dan Arab Saudi juga telah berjaya dimeterai. MoU ini melibatkan potensi perdagangan dan pelaburan rentas sempadan bernilai RM9.75 bilion. Perjanjian di antara syarikat-syarikat Malaysia dan Arab Saudi tersebut membabitkan pelbagai sektor seperti tenaga, kesihatan, pembinaan, pendidikan, industri kecil dan sederhana dan juga industri halal.

Seterusnya, melalui forum perniagaan yang diadakan pada 28 Februari 2017 yang lalu, telah membuka peluang-peluang kerjasama dan juga ekonomi kepada komuniti perniagaan Malaysia dan Arab Saudi. Sebanyak 610 wakil syarikat Malaysia yang hadir juga berpeluang bertemu dengan delegasi perniagaan Arab Saudi bagi meneroka peluang-peluang perniagaan dan pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan kuota haji Malaysia. Kerajaan Malaysia telah mengambil inisiatif dengan membuat permohonan kepada Kerajaan Arab Saudi bagi meningkatkan kuota jumlah jemaah haji.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan sekalian, sejak tahun 2013 hingga tahun 2016, Kerajaan Arab Saudi telah mengurangkan kuota haji semua negara sebanyak 20 peratus bagi memberi laluan kepada kerja-kerja pembangunan dan pembesaran pusat ibadah di Kota Mekah serta Madinah. Hasil daripada perbincangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud ketika lawatan tersebut, Kerajaan Arab Saudi bersetuju untuk meningkatkan kuota rasmi haji Malaysia daripada 27,900 orang kepada 30,200 orang jemaah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Memorandum Persefahaman antara Malaysia dengan Arab Saudi dalam bidang saintifik dan penyelidikan juga telah dimeterai pada 27 Februari 2017 yang lalu. Ia akan memperluaskan lagi kerjasama dalam bidang pendidikan tinggi antara kedua-dua buah negara. Ia turut merangkumi pertukaran kepakaran, pengalaman, maklumat dan latihan di pelbagai peringkat seperti pelajar, tenaga pengajar dan pegawai penyelidik.

Selanjutnya Kerajaan Arab Saudi juga memberi komitmen untuk meningkatkan jumlah pemberian biasiswa penuh kepada pelajar Malaysia bagi melanjutkan pengajian di negara itu pada tahun hadapan. Peluang sebegini akan menggalakkan dan memberi peluang kepada lebih ramai pelajar dari negara ini untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi di Arab Saudi.

Tuan Yang di-Pertua, kemuncak bagi lawatan tersebut adalah Perjanjian Jual Beli Pegangan Saham yang membabitkan Petronas dan Saudi Aramco. Perjanjian yang dimeterai ini adalah bagi mengesahkan kenyataan Saudi Aramco di dalam Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia ataupun RAPID Petronas di Pengerang, Johor dengan nilai pelaburan sebanyak RM31 bilion ataupun USD7 bilion. Jumlah pelaburan ini merupakan pelaburan terbesar yang pernah dibuat oleh sebuah syarikat Arab Saudi di Malaysia.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kompleks Bersepadu Pengerang atau PIC, adalah pelaburan terbesar Petronas di Malaysia dan terletak di *Pengerang Integrated Petroleum Complex*, Johor. Komponen pembangunan bertaraf dunia ini membabitkan pembangunan loji penapisan minyak, loji perekah, dan juga kompleks petrokimia. Projek PIC dengan kos pembangunan USD27 bilion ini direalisasikan bagi membolehkan Petronas menghasilkan *premium differentiated*

petrochemicals, dengan izin, yang akan memenuhi keperluan pasaran dan juga untuk menghasilkan produk petroleum gred Euro 5 pertama seumpamanya di Malaysia.

■1010

Sehingga kini keseluruhan Projek PIC yang turut merangkumi Projek RAPID telah hampir 60 peratus siap. Kompleks PIC ini dijangka siap dan memulakan operasi pada tahun 2019. Ini bermakna bahan api Euro 5 dijangka akan dapat dikeluarkan untuk pasaran Malaysia lebih awal daripada tarikh ditetapkan oleh kerajaan iaitu tahun 2020 untuk diesel dan tahun 2025 untuk petrol RON95.

Pembangunan Kompleks PIC akan membantu meningkatkan jaminan bekalan bagi petrol dan diesel di samping menyumbang secara positif kepada ekonomi negara secara keseluruhannya. Perjanjian ini dijangka memberi banyak kelebihan kepada Petronas seperti perkongsian kepakaran dan pengalaman pelaksanaan projek berstatus mega selain memastikan adanya bekalan minyak mentah jangka panjang untuk PIC.

Pembangunan RAPID dijangka akan mewujudkan lebih daripada 8,000 ribu peluang pekerjaan apabila siap sepenuhnya pada penghujung tahun 2019. Ia juga akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat dan memberi manfaat sosioekonomi kepada penduduk di sekitar kawasan berkenaan. Keputusan Saudi Aramco untuk melabur di dalam Projek RAPID di Pengerang juga merupakan satu pengiktirafan kepada usaha-usaha yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional dan juga Petronas yang merupakan permulaan lebaran baru kepada perkembangan hubungan ekonomi di antara kedua-dua buah negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya banyak lagi kelebihan ekonomi dan diplomatik yang boleh di kecapai dan dikongsi bersama antara Malaysia dan Arab Saudi di masa hadapan. Di samping itu lawatan negara Raja Arab Saudi dan perjanjian-perjanjian persefahaman yang telah dimeterai ini adalah penanda aras kepada keyakinan pelabur luar terhadap ekonomi negara dan juga terhadap kepakaran serta kebolehan insan anak tempatan kita. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan dia sudah panjang dan lebar terperinci, ada juga soalan Yang Berhormat?

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Ada sedikit soalan, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Menteri kalau di kampung-kampung kita melihat ada dua persepsi. Satu persepsi kampung, satu persepsi pekan berhubung dengan lawatan Raja Salman ini. Di kampung mereka *dok* tengok fasal haji, *alhamdulillah*, terima kasih banyak kerana kita dapat tambahan kuota haji. Di pekan pula tambahan dari segi pelaburan Arab ke Malaysia ini.

Ada yang di tengah-tengah itu Yang Berhormat, yang menyatakan bahawa dahulu waktu China *invest* di Malaysia, mereka kata Malaysia hendak tergadai dekat China, hendak jual dekat China. Sekarang ini Arab pula masuk, semalam *Malaysian League* datang jumpa Tuan Yang di-Pertua bagi pujian hebat kepada Tuan Yang di-Pertua kita. Ini kerana Tuan Yang di-Pertua kata di Malaysia ini Melayu, Cina, India, *a family and he was very happy*. Tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua mendapat sambutan yang cukup hebat... *[Tepuk]* Jadi bagaimana Yang Berhormat kita

melihat, adakah Malaysia ini hendak digadai pula kepada negara Arab bila mereka masuk kepada kita? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan: Saya ucapkan tahniah juga kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberikan gambaran yang terbaik, yang paling tepat berkenaan negara kita kepada pelawat-pelawat daripada luar negara. Tahniah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan: Saya sebenarnya, cerita fasal Pengerang ini bermula percubaan untuk mensabotaj projek ini bukannya bermula dengan lawatan ataupun penglibatan Arab Saudi, Yang Berhormat. Kalau kita lihat beberapa tahun yang lepas sebenarnya ada satu syarikat daripada Taiwan yang ingin melabur di Pengerang. Ada rakan-rakan kita daripada pihak pembangkang yang menghantar delegasi ke Taiwan meminta supaya syarikat itu tidak melabur di Pengerang. Dia orang tunjukkan gambar dugong, macam-macam sehinggakan syarikat tersebut telah menarik diri daripada melabur di Pengerang.

Bila Saudi Aramco bersetuju untuk melabur di Pengerang, pada awalnya pun kita melihat banyak suara-suara sumbang daripada rakan-rakan kita daripada pembangkang. Saya selalu menerangkan bahawa dalam masa kita menjadi pembangkang, kita boleh mempersoalkan dasar kerajaan tetapi janganlah sampai kepada satu tahap ianya memudaratkan ekonomi negara. Ini kerana yang akan terkesan daripada percubaan ini bukannya orang politik seperti kita. Akan tetapi yang akan terkesan ialah rakyat Malaysia terutamanya di negeri Johor yang akan menerima pelaburan sebanyak RM31 bilion dan kemudian 8,000 peluang pekerjaan yang akan bakal diwujudkan dalam Pengerang ini.

Jadi apa yang kita hendakkan ialah dalam soal kita memajukan ekonomi, ini bukan kerja kerajaan sahaja. Ia juga turut melibatkan tanggungjawab, tuntutan tanggungjawab terhadap pembangkang. Tadi Yang Berhormat mengatakan tentang lawatan daripada luar negara terhadap Pejabat Tuan Yang di-Pertua. Saya dahulu semasa saya menjadi *Backbencher* dahulu Tuan Yang di-Pertua, bila kita menerima lawatan daripada pemimpin-pemimpin luar negara termasuk pemimpin-pemimpin pembangkang daripada luar negara, satu patah perkataan pun mereka tidak akan memburukkan negara mereka walaupun mereka berstatus pembangkang di negara mereka. Mereka datang ke Parlimen kita ini malah akan memuji kerajaan mereka, memuji negara mereka. Ini kerana mereka tahu gelanggang ialah di luar negara mereka dan mereka perlu mempertahankan negara mereka, ekonomi mereka, imej mereka.

Akan tetapi pada kita pula di negara kita ini, bila ada kawan-kawan kita daripada pembangkang terutamanya daripada DAP yang pergi ke luar negara, mereka tidak mempunyai semangat patriotik, mengetepikan kepentingan politik dan hanya melihat kepada bendera Malaysia, negaraku Malaysia sebagai asas untuk mereka berinteraksi dengan pemimpin-pemimpin luar. Di situ saya rasa banyak perbezaan di antara pembangkang kita dengan di sebelah sana.

Sebagai penutup kepada ulasan daripada soalan Senator, saya semasa dalam Parlimen, kita dengar tuntutan daripada pihak pembangkang hendak minta supaya kerajaan bertaraf dunia. Mereka meminta supaya kerajaan kita ini bertaraf dunia. Boleh tetapi sepatutnya sama-sama, kita

mesti ada kerajaan bertaraf dunia tetapi kita juga perlu pembangkang bertaraf dunia. Ini yang paling penting. Terima kasih.

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Sedikit boleh Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Kita sekarang ada 1 jam.

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Sudah lama sangat hendak lepaskan pertanyaan ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Okeylah, sedikit sahaja.

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Saya melihat bahawa kunjungan pemimpin tertinggi Arab ini iaitu Raja Salman Abdulaziz Al-Saud baru-baru ini membuktikan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak mempunyai hubungan yang begitu rapat dengan pemimpin tertinggi Arab Saudi yang mempunyai kekayaan luar biasa. Maka sudah pastilah beliau sentiasa membantu sahabatnya iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak.

Jadinya soalan saya iaitu kenapa kah iaitu mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad masih tidak boleh memahami perkara ini dan sentiasa secara berterusan memfitnah berhubung kait dengan derma RM2.6 bilion tersebut yang kita yakin terbukti bahawa Raja Arab Saudi inilah sahabat dialah yang menderma jumlah wang tersebut. Jadi soalan saya, kenapakah Tun Dr. Mahathir masih terus memfitnah perkara ini tidak berhenti-henti? Apakah tujuan dia dan apa yang ada di dalam rancangan dan saya boleh bagi tahu perancangan hati dia yang berniat jahat itu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri tidak payah jawablah, tidak payah jawab.

2. Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif minta Menteri Pertahanan menyatakan, kejayaan yang telah dicapai semasa penganjuran LIMA 2017 yang telah dianggap sebagai yang terbaik daripada penganjuran yang lepas. Berapa banyak kah MoU yang telah dijalinkan di antara syarikat Malaysia dengan syarikat luar.

Menteri Pertahanan [Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein]: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Salim. Yang saya kasihi Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya untuk pengetahuan Dewan saya telah mendapat maklum daripada Sheikh Mohammed bin Abdul Karim Al-Issa menyatakan bahawa dia cukup kagum dengan perjumpaan dengan Tuan Yang di-Pertua semalam... [Tepuk]

■1020

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih... [Tepuk]

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Saya pun turut bangga di atas kewibawaan dan kesungguhan Tuan Yang di-Pertua mengangkat martabat dan juga kedudukan Dewan ini. Kembali kepada soalan nombor 2, izinkan saya Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan daripada Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B) yang ditetapkan untuk hari ini. Yang Berhormat Datuk Haji Megat Zulkarnain

bin Tan Sri Haji Omardin juga untuk hari ini dan Yang Berhormat Senator Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai yang telah pun ditetapkan pada tarikh 24 April kerana kesemuanya ada kaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Penganjuran Pameran Aeroangkasa dan Maritim Antarabangsa Langkawi telah diadakan secara dwitahunan sejak tahun 1991 dan LIMA 2017 merupakan edisi penganjuran yang ke-14. LIMA 2017 telah mencatatkan sejarahnya yang tersendiri apabila menjadi LIMA yang terbesar dan terbaik sepanjang edisi penganjurannya [*Tepuk*] berdasarkan kepada faktor-faktor berikut:

- (i) LIMA 2017 telah berjaya menarik penyertaan 555 pempamer dari 36 buah negara, termasuk 9 negara yang baru berbanding 512 pempamer semasa LIMA 2015. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 298 buah syarikat pertahanan tempatan telah menyertai pameran LIMA 2017 berbanding 266 buah pada LIMA 2015;
- (ii) secara keseluruhannya, kawasan ruang pameran adalah seluas 119,209 meter persegi, berbanding 104,209 meter persegi pada LIMA 2015;
- (iii) seramai 371 delegasi antarabangsa daripada 49 buah negara telah hadir, berbanding 337 delegasi antarabangsa dari 41 negara yang hadir pada LIMA 2015;
- (iv) LIMA 2017 telah mencatatkan kehadiran pelawat perdagangan seramai 40,280 orang bagi tempoh tiga hari pertama dan kehadiran seramai 236,689 orang pelawat awam, berbanding LIMA 2015 seramai 135,239 orang pelawat awam sahaja; dan
- (v) LIMA 2017 turut menyaksikan penganjuran 10 persidangan berimpak tinggi. Penglibatan buat julung kalinya kumpulan pertunjukan aerobatik udara Black Eagles dari Korea Selatan turut menjayakan LIMA 2017 dan penganjuran Dialog Transformasi Nasional 2050 (TN50) turut diadakan sebagai program khusus kepada golongan belia dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Dialog yang bertajuk "*Masa Depan Pertahanan Negara*" telah melibatkan penyertaan melebihi 500 peserta bertujuan membincangkan hala tuju dan harapan belia terhadap perkembangan dan pembangunan pertahanan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang LIMA 2017, keseluruhan kontrak yang telah ditandatangani adalah berjumlah RM3.82 bilion yang merangkumi 11 bentuk kontrak bernilai RM2.46 bilion serta penyerahan tujuh surat setuju terima dan lima surat niat dan sebanyak 12 memorandum persefahaman telah dijalinkan antara agensi kerajaan, syarikat Malaysia dengan syarikat luar negara bernilai RM97 juta.

Melalui pameran LIMA 2017, kementerian dapat menilai perkembangan teknologi terkini dan membuat kajian pasaran atau *market survey*, dengan izin, serta dapat memperhalus spesifikasi aset ATM, terutamanya bagi aset pesawat udara dan maritim. Ini bagi menentukan keupayaan aset ATM

yang dimiliki adalah *credible*, ianya dinamik, mengikut keperluan masa kini dan masa hadapan dan juga ekonomik.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa faktor telah dikenal pasti bagi memastikan pertunjukan LIMA di masa hadapan akan menjadi acara terunggul di rantau Asia Tenggara. Kementerian Pertahanan akan terus bekerjasama dengan kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang lain bagi mencapai hasrat dan matlamat di atas. Daripada segi skop pameran, segmen pertahanan aeroangkasa dan maritim akan terus menjadi teras dalam pameran LIMA:

- (i) penambahbaikan akan dibuat dengan pengembangan kepada skop *unmanned aerial vehicle* (UAV), dengan izin, dan *autonomous underwater vehicle* (AUV);

Selain itu, ada banyak ruang lagi untuk kerjasama daripada Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri kerana kita lihat untuk terus dipertingkatkan LIMA, banyak ruang untuk penyertaan sektor komersial dalam pameran yang telah pun diadakan.

- (ii) aktiviti promosi akan terus dipergiat di pameran-pameran antarabangsa di luar negara bagi mengukuhkan kerjasama dengan industri sedia ada dan juga menarik lebih ramai pemain industri antarabangsa;
- (iii) persidangan dan seminar bertaraf antarabangsa dalam usaha hendak menarik pelawat perdagangan untuk hadir ke pameran ini. Penyertaan dan penganjuran persidangan dan seminar adalah perlu dalam memberi lebih maklumat dan interaksi di antara kerajaan, pempamer dan juga pelawat-pelawat perdagangan;
- (iv) program sampingan. Program-program yang lebih efektif perlu diadakan bagi memberi peluang kepada pempamer berinteraksi dengan tetamu-tetamu VIP dan juga tetamu antarabangsa dan serantau yang hadir dan lokasi yang strategik yang ada kepada negara kita meletakkan kita dalam posisi yang terbaik untuk memastikan dan *leverage*, dengan izin, kelebihan yang ada kepada kita dalam konteks industri pertahanan dunia pada hari ini;
- (v) infrastruktur. Walaupun kemudahan infrastruktur di Pulau Langkawi berada di tahap yang memuaskan, penambahbaikan boleh dilaksanakan bagi memastikan Pulau Langkawi menjadi destinasi penganjuran pameran bertaraf antarabangsa yang lain;
- (vi) tapak pameran. Penambahbaikan ke atas dewan pameran utama dengan contoh, menyediakan jaringan internet yang laju dan kemudahan-kemudahan lain yang bertaraf dunia mesti dilihat dan diperhebat lagi;
- (vii) penginapan. Kadar bayaran penginapan semasa musim pameran perlulah berpatutan supaya ianya tidak membebankan dan dalam masa yang sama dapat menarik lebih ramai pengunjung.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya, impak positif hasil daripada pameran LIMA boleh dilihat daripada dua aspek berikut iaitu pertamanya, pembangunan ekonomi. Kehadiran pelawat perdagangan dan pelawat awam ke pameran LIMA 2017 telah membantu dalam

meningkatkan jumlah pelancong ke Pulau Langkawi dan secara tidak langsung, ekonomi penduduk setempat meningkat dengan wujudnya peningkatan permintaan. LIMA 2017 dianggarkan telah berjaya menjana pendapatan sejumlah RM340 juta dengan anggaran perbelanjaan RM5,000 bagi setiap pelawat perdagangan dan RM1,000 bagi pelawat awam. Sektor pelancongan. Selaras dengan peletakan Pulau Langkawi dan Malaysia sebagai destinasi *Meetings, Incentives, Conferences and Exhibitions* atau MICE, yang utama di Asia, Kementerian Pertahanan dan kementerian-kementerian lain akan terus mengatitkan beberapa program dan aktiviti bagi menarik kehadiran tetamu di Pulau Langkawi.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, secara keseluruhannya LIMA 2017 telah menunjukkan kejayaan Malaysia dalam menganjurkan pameran bertaraf antarabangsa setanding dengan penganjuran pameran pertahanan dunia yang lain. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak, khususnya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang dapat menjayakan LIMA 2017, agensi-agensi yang lain yang juga turut terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan LIMA tahun ini.

Saya berharap agensi-agensi yang terlibat dan Yang Berhormat-Yang Berhormat akan terus memberikan kerjasama dan sokongan kepada Kementerian Pertahanan untuk terus menganjurkan pameran berprestij ini pada masa-masa yang akan datang. Terima kasih.

■1030

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dewan Negara ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah di atas lantikan Yang Berhormat Menteri sebagai Menteri Tugas-tugas Khas... [Tepuk] Saya hendak mengingatkan semua Ahli Yang terhormat, tolong tujukan soalan itu kepada soalan pokok. Kalau you lari dari soalan pokok, saya tak boleh benarkan. Saya minta maaflah Datuk Hamzah. Silakan soalan tambahan.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah dan syabas kepada Yang terhormat Menteri pertahanan. Jawapan yang cukup mantap sampai tidak ada soalan yang boleh ditanya... [Ketawa] Tanya sikit, jawapan panjang, lebih 10 muka surat. Jadi ini menunjukkan bahawa keupayaan kebolehan Yang Berhormat Dato' Seri untuk mentadbir dan menguruskan Kementerian Pertahanan ini nampaknya lebih mencipta kejayaan yang mana LIMA baru-baru ini kehadiran saya pun dijemput hadir sebagai Ahli Dewan, kita melihat sendiri kejayaan yang dicipta oleh LIMA yang ke empat belas ini banyak menambah baik lagi, malah rakyat di Langkawi sendiri merasa penambahan dari segi kedatangan pengunjung dan sebagainya. Jadi dalam usaha kita buat LIMA dua tahun sekali, saya difahamkan berbagai-bagai teknologi yang telah dibangunkan.

Adakah pihak kementerian memikirkan suatu masa nanti kementerian ataupun syarikat Malaysia akan membina ataupun industri jet-jet pejuang ataupun roket peluru berpandu dan sebagainya lebih jauh daripada itu. Bukan sahaja kita datang melihat kejayaan negara lain untuk melabur di Malaysia ataupun menunjukkan senjata yang cukup canggih malah kita juga boleh memasarkan kita punya jentera, kita punya pemintas peluru berpandu dan sebagainya.

Yang keduanya, bagi pihak Negeri Sembilan juga mengucapkan terima kasih kepada Dato' Seri kerana lawatan baru-baru ini dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke PU Sendayan

dan hasil lawatan ini nampaknya segala persepsi daripada rakyat ataupun pihak pembangkang terjawab sudah. Pemindahan kem..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat..

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Sikit, Negeri Sembilan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan, ini sudah macam ucapan dah... *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Sikit sahaja. Ini mahu *jack* sikit. Ini pasal lawatan Yang Amat terhormat Perdana Menteri ke Negeri Sembilan. Jadi kejayaan ini kita lihat bahawa dahulunya mengatakan bahawa perpindahan kem tentera sungai besi ke Sendayan ini hanyalah cakap-cakap. Akan tetapi bila kita melawat sendiri dan saya berharap Yang Berhormat Menteri juga membawa Ahli-ahli Dewan datang melihat bagaimana kejayaan 40 peratus terbinanya rumah untuk anggota tentera yang begitu kemas, selesa dan sebagainya. Begitu juga dengan kemudahan-kemudahan lain. Jadi diucapkan tahniah sekali lagi kepada Yang Berhormat Menteri. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat. Saya harap bahawa ucapan tahniah tadi ini menggambarkan sentimen seluruh Dewan kerana almaklumnya, Yang terhormat bekas pegawai saya dahulu... *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Oh, baru tahu.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua pun jangan senyum kerana dia pun bekas PEMUDA saya dahulu... *[Ketawa]* Akan tetapi soalan tambahan tadi memang tepat pada waktunya. Di hati kecil saya memang bila kita hendak menganjur LIMA 2017 ini tertanya-tanya sama ada ia akan berjaya atau tidak. Kita semua tahu ekonomi dunia yang tidak menentu, kita bahawa geopolitik yang cukup rumit pada hari ini. Saya bimbang bahawa pameran-pameran seperti ini tidak akan dapat sambutan. Akan tetapi, *alhamdulillah*, saya tengok bahawa kelebihan yang ada kepada negara kita yang berbaik dengan semua pihak, tidak kira daripada Chinakah, Saudi Arabiakah, ini merupakan kelebihan, kebijaksanaan, kewarasan kepimpinan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional.

Seorang Ahli: Ya.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Dan tidak boleh dinafikan, ada pihak-pihak tertentu yang cuba menafikannya kerana pertimbangan politik... *[Tepuk]* akan tetapi bukan ramai, bukan banyak negara yang akan mendapat pengiktirafan seperti apa yang kita lihat di LIMA 2017 dan tidak ada Speaker atau Tuan Yang di-Pertua di negara-negara lain yang mendapat penghormatan, pengiktirafan dari Penasihat Malik Salman seperti Tuan Yang di-Pertua sendiri semalam... *[Tepuk]*

Seorang Ahli: Oh, hebat.

Seorang Ahli: Boleh panjang sikit?

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Boleh panjang sikit? Dengan izin *[Ketawa]* Jadi, saya rasa lega menunjukkan bahawa bukan sahaja kejayaan LIMA tetapi persepsi dunia terhadap negara kita. Persepsi dunia terhadap Islam, persepsi dunia terhadap pembangunan industri pertahanan kita dan ini tidak datang bergolek dan tidak datang melayang. Ia bersama-sama bersandarkan kepada hubungan dua hala, tiga hala, hubungan pelbagai dengan negara-negara

yang nampak bahawa kepimpinan kita konsisten dalam hendak memastikan keamanan, keharmonian, kestabilan negara kita, rantau kita dan dunia dan ini menggambarkan suatu situasi yang lebih penting bagi saya dengan kejayaan LIMA 2017.

Jadi apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi saya hargai sangat dan sebab itulah kita mesti memberi penghormatan dan pengiktirafan kepada mereka yang telah menjayakannya dan saya bagi pihak mereka, MINDEF, kementerian-kementerian yang merupakan pihak berkepentingan juga boleh menyatakan di sini bukan ia, bukan satu perkara yang mudah. Ini merupakan satu kejayaan sedikit-sebanyak menggambarkan penghormatan dan apa yang dunia lihat kepada negara kita.

Mengenai Sendayan, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dalam masa terdekat ini MINDEF akan membentangkan pelan induk kita secara terbuka, secara telus berhubung kait dengan perumahan ahli-ahli anggota kita. Ini akan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Pada masa yang sama, kita akan umumkan rancangan kita untuk veteran yang berpencen, yang tidak berpencen dalam bulan Julai *insya-Allah*, yang agenda perumahan bulan September di mana memang telah pun ditetapkan di dalam hala tuju MINDEF, kebajikan anggota dan veteran dan keluarga masing-masing akan kita bela.

Oleh sebab itu Sendayan merupakan sebahagian kecil sahaja Yang terhormat apa yang kita telah bincang dan kita akan telah putuskan berhubung kait dengan rumah keluarga angkatan tentera dan rumah mampu milik. Dalam masa terdekat ini kita akan buktikan bahawa kejayaan dan apa yang kita lihat di Sendayan tadi dan kita akan jemput Ahli-ahli Yang Berhormat untuk melihat apa yang telah kita buat di Sendayan tetapi saya hendak maklum kepada Dewan yang mulia ini bahawa banyak lagi perancangan kita yang kita akan umumkan dalam masa terdekat ini berhubung kait dengan Teras ketiga hala tuju MINDEF iaitu kebajikan anggota veteran dan keluarga mereka. Terima kasih.

3. Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, jumlah bilangan pekerja yang telah diberhentikan pada tahun 2015, 2016 dan 2017 (sehingga 31 Mac 2017) dengan pecahan mengikut negeri dan industri/sector.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera, salam negaraku Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengalu-alukan kehadiran Persatuan Kebajikan Masyarakat India, Ampang ke Dewan Negara [*Tepuk*] Mereka adalah pemimpin kesayangan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih izinkan saya menjawab sekali soalan Yang terhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusof pada 19 April dalam isu yang sama walaupun dikhususkan kepada punca pemberhentian.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan ini, terdapat dua kategori pemberhentian kerja berlaku di negara kita. Yang pertama ialah pemberhentian biasa. Pemberhentian biasa adalah tindakan penamatan kontrak oleh majikan kerana syarikat mengalami masalah kewangan ataupun

perubahan struktur perniagaan yang disusun semula mengakibatkan berlaku lebih tenaga kerja. Pekerja yang diberhentikan akan dibayar faedah penamatan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Kerja 1955 atau Perjanjian Bersama.

Kedua ialah pemberhentian secara sukarela. Pemberhentian Secara Sukarela (VSS) adalah tindakan alternatif kepada pemberhentian biasa di mana pekerja sendiri menawarkan diri dan bersetuju untuk ditamatkan pekerjaan oleh majikan dengan syarat majikan membayar faedah penamatan ataupun pampasan yang lebih baik daripada peruntukan undang-undang. Maksudnya pemberhentian ini bukan kerana syarikat memberhentikan mereka tetapi ada pilihan yang dibuat oleh pekerja sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada tahun 2015 seramai 38,499 orang pekerja telah diberhentikan manakala bagi tahun 2016, seramai 37,699 orang pekerja diberhentikan. Bagi tahun ini, seramai 5,549 orang pekerja diberhentikan sehingga Mac 2017.

■1040

Berdasarkan rekod Jabatan Tenaga Kerja pada tahun 2015, pemberhentian pekerja tertinggi berlaku di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu seramai 18,530 pekerja. Manakala bagi tahun 2016, negeri Pulau Pinang merekodkan pemberhentian pekerja tertinggi iaitu seramai 12,313 pekerja. Sehingga Mac 2017, pemberhentian tertinggi direkodkan di negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu seramai 2,121 orang pekerja. Perbandingan mengikut sektor menunjukkan pemberhentian pekerja tertinggi berlaku dalam sektor kewangan dan insurans pada tahun 2015 iaitu sebanyak 17,628 orang pekerja. Manakala bagi tahun 2016, pemberhentian tertinggi berlaku dalam sektor pembuatan iaitu sebanyak seramai 17,287 orang atau 4.58 peratus orang pekerja.

Sehingga Mac 2013, pemberhentian pekerja tertinggi berlaku dalam sektor yang sama iaitu sebanyak 2,982 ataupun 53.7 peratus daripada semua pemberhentian pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, majikan yang terjejas perlu mengambil langkah-langkah yang sewajarnya sebagaimana yang dicadangkan di dalam tatacara untuk keharmonian perusahaan iaitu:

- (i) membekukan pengambilan pekerja baharu kecuali bagi bidang-bidang yang kritikal;
- (ii) mengehendkan kerja lebih masa;
- (iii) mengehendkan kerja pada hari rehat mingguan dan cuti am;
- (iv) mengurangkan hari-hari bekerja dalam seminggu atau mengurangkan bilangan kerja giliran;
- (v) mengurangkan waktu bekerja harian, yang keenam mengadakan program latihan semula kepada pekerja;
- (vi) mengenal pasti kerja-kerja alternatif dan pertukaran ke bahagian kerja lain di dalam syarikat yang sama;
- (vii) melaksanakan pemberhentian pekerja sementara atau *lay-off*, contohnya dalam bentuk penutupan sementara dengan menawarkan gaji yang berpatutan dan membantu mereka mendapatkan kerja sementara di tempat lain sehingga operasi dapat diteruskan semula.

Jika majikan melaksanakan pemberhentian sementara, maklumat berapa lama tempoh pemberhentian sementara tersebut hendaklah dilaporkan kepada Jabatan Tenaga Kerja untuk tujuan pemantauan, sama ada pekerja tersebut diambil semula bekerja atau ditawarkan pemberhentian kerja secara sukarela atau pemberhentian tetap pada masa-masa hadapan. Tuan Yang di-Pertua, pemberhentian secara sukarela, VSS atau pemberhentian tetap pada masa hadapan.

- (viii) mengurangkan gaji pekerja yang dibuat secara adil di semua peringkat, boleh juga dilaksanakan sebagai langkah terakhir selepas langkah-langkah penjimatan awal sudah dilaksanakan; dan
- (ix) pelaksanaan pemberhentian kerja sementara dan pengurangan gaji pekerja hendaklah dilaksanakan dengan persetujuan bertulis daripada pekerja ataupun kesatuan pekerja yang mewakili mereka.

Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Terima kasih. Tadi kita sudah dengar banyak cerita kononnya kejayaan kerajaan yang ada sekarang serta puji-pujian. Saya hendak fokus kepada kegagalan kerajaan terutamanya soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah kegagalan kerajaan untuk meratifikasi konvensyen ILO, Konvensyen 158 dan Konvensyen 166 yang ada berkaitan dengan *termination of employee*. Adakah kerajaan bertujuan untuk meratifikasi konvensyen ini? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan dia kecil saja, jangan panjang sangat.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak boleh menerima apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator tentang kegagalan. Sebenarnya kita, setiap konvensyen yang dibentangkan di ILO, kita melihat dari segi faedah dan pulangan kepada negara kita termasuk pekerja-pekerja. Sebab itulah saya sebutkan tadi sebenar pemberhentian pekerja di negara kita bukan pemberhentian kerana keadaan ekonomi yang membimbangkan tetapi sebahagian daripada pemberhentian itu kerana pemberhentian pilihan yang dibuat oleh pekerja sendiri. Sebenarnya kalau kita lihat usaha-usaha kerajaan bagi memulih dan membantu pekerja-pekerja yang diberhentikan, banyak sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua.

Umpamanya penganjuran Karnival Pekerjaan, Program Penyesuaian Kerjaya, kerjasama dengan syarikat-syarikat mendaftar kekosongan jawatan, menaikkan taraf *Portal JobsMalaysia* dan lain-lain lagi. Salah satu lagi daripada usaha yang terkini yang dibuat oleh kerajaan ialah mengadakan insurans pekerjaan di mana insurans ini kita sediakan dan kita akan laksanakan, *insya-Allah* pada tahun depan bagi kita membantu pekerja-pekerja yang diberhentikan dalam negara kita seperti mana yang saya sebutkan tadi. Saya ingat ini satu sistem atau sesuatu program yang cukup besar yang memberi faedah yang cukup baik kepada pekerja-pekerja negara kita dan saya kira Tuan Yang di-Pertua, mungkin tidak ada negara lain.

Sebab itulah saya cukup bangga dengan perjuangan, pengorbanan yang dibuat, dilakukan oleh Perdana Menteri kita dan juga Barisan Nasional di negara kita ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Datuk Ng Chiang Chin, Yang Berhormat.

4. Datuk Ng Chiang Chin minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan:

- (a) apakah produk pertanian dan ternakan yang dikenakan *Approved Permit* (AP) pada masa kini dan apakah tujuan untuk mengenakan AP ke atas produk-produk tersebut; dan
- (b) adakah Kerajaan akan mempertimbangkan cadangan untuk meliberalisasikan import dengan memansuhkan AP bagi mengurangkan harga jualan produk-produk pertanian dan ternakan dalam pasaran.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ucap terima kasih kepada Datuk Ng Chiang Chin atas soalan yang dikemukakan. Ingin saya menjawab bahawa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pada asasnya telah meliberalisasikan hampir semua kawalan import baja produk agro makanan secara berperingkat sejak tahun 2016 kecuali beberapa produk sahaja iaitu seperti beras, kubis bulat, susu cair, keratan ayam dan ayam bulat. Ianya adalah lebih bersifat untuk perlindungan iaitu melindungi pengusaha agro makanan tempatan dan juga melindungi rakyat dari segi kualiti dan keselamatan makanan daripada penyakit dan aspek-aspek yang berkaitan dengan kebersihan, *sanitary* dan *phytosanitary*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan soalan tambahan.

Datuk Ng Chiang Chin: Soalan tambahan saya ialah adakah kementerian berhasrat untuk memudahkan proses AP ini melalui cara internet supaya pengguna akan dapat menikmati harga barangan yang berpatutan. Terima kasih.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Tujuan AP dikenakan sebagaimana yang saya sebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa negara kita perlu dibangunkan daripada aspek industri pertanian kita, industri agro makanan kita. Kita hendak menggalakkan petani-petani kita untuk maju berkembang. Kemungkinan kita akan berhadapan dengan masalah sekiranya lambakan barang-barang daripada luar datang ke negara kita. Mungkin pada suatu ketika kita dapati bahawa barang itu lebih murah daripada apa yang kita hasilkan sendiri.

Namun begitu kalaulah persaingan yang terlalu tidak menguntungkan pengusaha-pengusaha tempatan, ia sudah tentu akan mematikan bukan saja semangat industri tempatan dan akhirnya negara kita tidak ada keupayaan lagi untuk menghasilkan barang kita sendiri dan pada ketika itu kita tidak tahu kemungkinan yang datang daripada luar akan mengawal harganya. Dia akan menentukan harga apabila mereka dapat memonopoli apa yang disebutkan harga barang-barang mereka dalam negara kita.

Apabila kita memutuskan dalam tahun 2016 yang saya sebutkan tadi, tentang produk-produk yang tertentu untuk kita meliberalisasikan, kita perhatikan sejauh manakah liberalisasi itu akan dapat membantu untuk mengurangkan kos sara hidup di atas barang-barang yang kita rasakan kita tidak ada kemampuan untuk menghasilkannya sendiri. Namun begitu daripada semasa ke semasa kita lihat apakah ianya memberikan kesan sebagaimana yang kita sebutkan tadi untuk melindungi pengusaha tempatan kita tanpa ianya menjejaskan keperluan rakyat dari segi untuk

mendapatkan makanan pada harga yang berpatutan. Saya tidak ada masalah untuk kita maklumkan melalui internet dan sebagainya, siapa dan siapa, dan berapakah harga barangan makanan daripada semasa ke semasa. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih kerana sudi datang untuk menjawab soalan sendiri. Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin.

5. Datuk Chin Su Phin minta Menteri Kewangan menyatakan, sejauh manakah pemahaman orang ramai berkenaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) sejak dilaksanakan dan penambahbaikan yang dilakukan dari tahun ke tahun. Adakah kerajaan boleh memberikan jaminan bahawa kadar GST ini tidak akan dinaikkan dalam jangka masa 5 tahun yang akan datang.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada pemerhatian setelah dua tahun GST dilaksanakan, tahap kefahaman masyarakat umum adalah baik dan tiada isu kritikal yang dibangkitkan kepada pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

■1050

Ini boleh dilihat melalui aduan yang diterima oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia di mana ianya telah mengalami pengurangan bagi tempoh April hingga Disember 2016 berbanding tempoh yang sama pada tahun 2015. Bagi tempoh April hingga Disember 2016, Jabatan Kastam Diraja Malaysia mencatatkan sebanyak 840 aduan sahaja berbanding tempoh April hingga Disember 2015 yang telah mencatatkan sebanyak 6,823 aduan.

Kerajaan sentiasa menambah baik pelaksanaan GST dan menjalankan usaha yang berterusan untuk memberikan kefahaman yang tepat mengenai pelaksanaan GST kepada golongan peniaga melalui pelbagai program pendidikan dan latihan serta platform perbincangan isu GST. Antara program penerangan dan latihan yang terus dijalankan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia adalah *Program Hand Holding*, dengan izin, kepada syarikat yang telah mendaftar GST mengikut sektor atau industri untuk memberikan penjelasan secara lebih mendalam khususnya mengenai isu berbangkit berkaitan dengan sektor tertentu.

Sehingga kini lebih kurang 2,000 *Program Hand Holding* telah diadakan dengan penyertaan lebih daripada 320,000 orang dari pelbagai sektor perniagaan. Selain itu, kerajaan juga telah menyediakan platform perbincangan mengenai isu GST melalui Jawatankuasa Teknikal Pelaksanaan GST di Jabatan Kastam yang dianggotai oleh wakil industri dan kerajaan. Jawatankuasa ini memberi fokus kepada isu-isu teknikal mengenai layanan GST yang telah dibangkitkan oleh sektor perniagaan supaya dapat di analisa dengan teliti dan mendalam bagi membuat penambahbaikan yang perlu untuk memantapkan pentadbiran GST. Di samping itu, pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia juga sentiasa menjalankan penambahbaikan ke atas pengurusan GST dan sistem pengkomputeran GST.

Penambahbaikan ini ditumpukan kepada pelaksanaan urusan pentadbiran yang cekap untuk memberi kemudahan kepada peniaga termasuklah dari aspek penghantaran borang GST *return* dan membuat pembayaran mengguna pakai sistem pengkomputeran. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini kerajaan belum bercadang untuk mengkaji semula kadar GST yang telah ditetapkan pada kadar enam peratus.

Kadar yang ditetapkan tersebut adalah berdasarkan kajian terperinci yang dibuat untuk memastikan kadar GST yang dikenakan adalah yang paling bersesuaian untuk mengambil kira antara lain kedudukan kadar cukai yang telah dilaksanakan sebelum pelaksanaan GST iaitu cukai jualan pada kadar umum 10 peratus bagi barangan yang diimport dan dikilangkan dalam negara. Cukai perkhidmatan pada kadar enam peratus bagi perkhidmatan tertentu, komposisi sumbangan hasil daripada sektor tertentu dan pengenaan cukai ke atas pengguna.

Sekiranya terdapat keperluan untuk mengkaji semula kadar GST tersebut, kerajaan perlu melihat sistem percukaian negara secara menyeluruh termasuk mengkaji semula kadar cukai korporat dan individu. Selain itu, kerajaan juga perlu mengambil kira faktor-faktor lain yang akan menerima impak daripada perubahan kadar GST seperti kesan kepada pertumbuhan ekonomi, Indeks Harga Pengguna, pelaburan dan selainnya. Terima kasih.

Datuk Chin Su Phin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, peningkatan inflasi yang berterusan merupakan *indicator* ketidakstabilan ekonomi sesebuah negara dan boleh membawa kepada krisis ekonomi. Jika kita lihat melalui laporan Bank Negara, dapat dirumuskan bahawa kadar inflasi negara meningkat melebihi purata kadar inflasi bulanan iaitu dua peratus hingga ke tiga peratus. Pada waktu permulaan pengenalan GST dan juga pada bulan Februari 2017 iaitu 22 bulan selepas 1 April 2015. Kadar inflasi tahunan pada bulan Februari 2017 ialah 4.5 peratus dan ianya merupakan paras yang tertinggi sejak November 2008 iaitu pada kadar 5.7 peratus.

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, jika trend peningkatan inflasi ini berterusan bagi tempoh lima tahun ini, apakah kerajaan masih mahu mengekalkan kadar GST sedia ada ataupun kerajaan akan mempertimbangkan alternatif lain yang dapat mengurangkan indeks harga pengguna Malaysia pada ketika itu. Terima kasih.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, apabila GST dilaksanakan pada 1 April 2015 kerajaan menjangkakan kadar inflasi akan meningkat sedikit iaitu 1.08 peratus. Peningkatan ini dijangka akan stabil dalam tempoh enam bulan selepas pelaksanaan. Ini jelas dapat dilihat pada tahun 2016 di mana kadar inflasi adalah sebanyak 2.1 peratus.

Namun demikian, kadar inflasi pada bulan Februari pada tahun ini iaitu tahun 2017 telah meningkat kepada 4.5 peratus. Ini adalah sebahagian besar disebabkan oleh kesan daripada harga minyak mentah global yang semakin pulih. Ini bermakna GST bukanlah penyebab utama kenaikan kadar inflasi.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang telah mengambil beberapa langkah seperti diumumkan dalam bajet tahun 2016 dan tahun 2017 dalam usaha menangani kenaikan inflasi antaranya memperluaskan barangan kadar sifar GST kepada semua jenis ubat, makanan terpilih dan susu bayi. Pelepasan GST bagi pengimportan barangan terpilih terutamanya barangan makanan, ubat-ubatan, bahan bacaan dan lain-lain lagi, meningkatkan kadar pemberian bantuan BR1M, bantuan persekolahan kepada semua pelajar sekolah rendah dan menengah, meningkatkan gaji minimum dan menyediakan rumah mampu milik.

Bagi mengurangkan kos barang keperluan harian rakyat, kerajaan telah melaksanakan dan menggalakkan penawaran atau bekalan seperti membuka pasar belian terus hasil pertanian, jumlah

kedai harga patut ditingkatkan daripada 640 buah pada tahun 2016 kepada lebih daripada 1,000 buah kedai pada tahun 2017. Dalam menangani kenaikan kos sara hidup, kerajaan akan terus mengambil langkah proaktif agar dapat membantu rakyat dalam menghadapi masalah kenaikan kos sara hidup serta menangani kenaikan inflasi. Sekian, terima kasih.

6. Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, berapakah kos yang ditanggung oleh pihak kementerian bagi melaksanakan kerja-kerja pembersihan iklan tanpa permit di papan tanda jalan, pondok telefon, tiang lampu, tiang lampu isyarat, peti utiliti Telekom, jejantas, pengadang tepi jalan, malah di pokok-pokok dan apakah tindakan selanjutnya ke atas pelaku dan bagaimana untuk menyekat perbuatan vandalisme ini.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Suhaimi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Wilayah Persekutuan melalui agensi-agensinya iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya dan Perbadanan Labuan memandang berat dan serius berkenaan isu iklan haram yang dipasang dan mengambil tindakan-tindakan sewajarnya terhadap isu ini.

■1100

Secara keseluruhan, perbelanjaan bagi kerja-kerja penurunan iklan-iklan papan tanpa permit di tempat-tempat awam seperti di papan tanda jalan, pondok telefon, tiang lampu jalan, tiang lampu isyarat, peti utiliti, jejantas, pengadang jalan, tepi jalan dan pada pokok-pokok di sekitar Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan pada tahun 2016 adalah sebanyak RM1.3 juta. Perbelanjaan ini merangkumi kerja-kerja pembersihan harian seperti menanggalkan kesan-kesan gam kekal, mengecat semula permukaan yang terjejas, memperbaiki infrastruktur yang mengalami kerosakan serta memasang cat anti stiker di lokasi strategik.

Bagi menyekat perbuatan vandalisme ini, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui agensi-agensinya telah menyusun pemantauan iklan tanpa permit secara berjadual untuk- lesen, tindakan penurunan iklan tanpa permit secara serta-merta oleh penguat kuasa serta lantikan pihak ketiga bagi menguruskan pemasangan serta penurunan iklan-iklan tanpa permit di tiang-tiang lampu dan struktur iklan sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, mana-mana pihak pelaku yang didapati memasang iklan tanpa permit telah dikenakan tindakan kompaun melalui aktiviti penguatkuasaan dan diberikan arahan menurunkan iklan dengan serta-merta sebagai mekanisme untuk menekan penyalahgunaan atau lanjutan masa iklan. Setiap permohonan penggantungan iklan akan dikenakan deposit dan perlu mematuhi syarat-syarat ditetapkan. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di England diadakan kajian, Yang Berhormat Menteri. Vandalisme di England, tangkapan kes lebih kurang dua juta dalam setahun. Dibuat kajian juga kenapa vandalisme ini berlaku khususnya kepada graviti dan juga penampalan iklan-iklan kerana mereka ini tidak ada kerja. Mengikut kajian tersebut, mereka ini tidak ada kerja dan mereka ini suka melepak. Bila suka melepak dan tidak ada kerja, maka berlakulah vandalisme ini. Apabila *computer games*, *Pokemon* diintroduce, dengan izin, maka vandalisme ini turun. Jadi dalam kajian tersebut, dia kata dengan permainan *games computer* di

telefon ini, maka anak-anak muda dan dibuat kajian 18 tahun ke bawah, mereka ini banyak yang membuat vandalisme ini.

Jadi saya hendak bertanya kepada kementerian. Kalau di Malaysia ini lain. Di bandar raya lain. Saya tidak nampak grafiti banyak tetapi vandalisme yang berlaku di Kuala Lumpur ini khususnya banyak penampalan along, penampalan *sex toys*, penampalan yang kadang-kadang memalukan kita sehinggakan *massage* pun diletakkan di situ juga. Dulu kalau kita ke London, di pondok-pondok telefon kita tengok gambar-gambar wanita-wanita cantik yang mengiklankan diri mereka. Sekarang sudah tidak ada.

Jadi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Kenapa ini berlaku? Kalau vandalisme grafiti itu kita boleh menuduh anak-anak ini tetapi sudah kurang. Akan tetapi yang vandalisme yang melekat *banner massage*, *sex toys*, bomoh dan macam-macam lagi yang memalukan kita. Kenapa perkara ini berlaku, Yang Berhormat Menteri? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah ini dalam bidang kuasa kementerian?

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kalau kita kaji sebab-sebabnya kenapa iklan-iklan haram ini dinaikkan, satu ini dilakukan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Mereka ingin melakukan perkara ini sebagai kadang-kadang digunakan sebagai sabotaj untuk memalukan seseorang ataupun memburuk-burukkan seseorang. Ada pula lagi satu pihak yang ingin mengelakkan daripada membayar fi atau permit bayaran iklan. Mereka menggunakan secara haram untuk mengiklankan produk-produk mereka. Bagi pihak ketiga pula, mereka ini tidak akan dapat lesen macam yang disebut oleh Yang Berhormat tadi yang *massage*, *sex toys*.

Benda-benda ini tidak akan dikeluarkan iklan oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ataupun agensi-agensi lain di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan. Memandangkan tiga perkara utama ini yang menyebabkan mereka ini menaikkan iklan-iklan haram. Dalam kes iklan haram di Wilayah Persekutuan ini, kebanyakannya dilakukan kerana ketiga-tiga perkara. Ini tidak dilakukan secara vandalisme. Tidak dilakukan. Ini dilakukan oleh kerana ada pihak yang tidak bertanggungjawab ingin mengambil kesempatan untuk menggunakan iklan untuk merosakkan ataupun memburukkan nama orang.

Kedua, yang tidak mahu bayar fi, mahu elak daripada membayar fi atau permit dan yang ketiga tidak akan dapat lesen untuk produk-produk mereka. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua .

7. Puan Hajah Rahemah binti Idris minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, langkah yang diambil oleh kementerian dalam membendung kes-kes penderaan di pusat penjagaan, dan adakah kementerian menetapkan syarat tertentu bagi pengusaha taska dalam pengambilan pekerja.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat

Senator Puan Hajah Rahemah binti Idris bertarikh 18 April ini bersekali dengan pertanyaan Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Norahan binti Abu Bakar pada 19 April 2017, kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut menyentuh isu yang sama.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian telah mengadakan program *advocacy* seperti Program "*Jom Daftar*" bagi setiap negeri untuk memastikan lebih banyak taska berdaftar. Melalui pendekatan ini, ia dapat mencegah berlakunya penderaan kanak-kanak di taska kerana selepas pendaftaran, pihak kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat akan membuat pemantauan secara berkala bagi memastikan taska memberi perkhidmatan yang berkualiti. Hasil daripada program tersebut, pendaftaran taska telah meningkat sebanyak 41 peratus di mana pada tahun 2015 sebanyak 362 buah taska berdaftar manakala pada tahun 2016, sebanyak 510 taska berdaftar.

Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa komited dalam memberi perkhidmatan terutamanya dalam menangani kes-kes penderaan di taska dan kriteria pemilihan pengasuh oleh pengusaha taska dalam pengambilan pekerja. Antara usaha-usaha yang dijalankan oleh kementerian untuk kita menangani isu penderaan adalah:

- (i) kementerian telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan *Task Force Ramp-Up the ECCE Industry* iaitu *task force* di bawah *Early Childhood Education* yang berperanan untuk mengatasi isu-isu taska termasuk isu keselamatan dan juga penderaan kanak-kanak di taska;
- (ii) Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016 turut menambah baik maklumat dalam daftar kanak-kanak di mana butiran berkaitan dengan individu yang melakukan kesalahan penderaan terhadap kanak-kanak direkodkan. Oleh yang demikian, pengusaha taska boleh membuat permohonan kepada Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan membuat semakan bagi memastikan pengasuh yang diambil bekerja bukan seorang pesalah di bawah akta tersebut;
- (iii) di bawah Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016 juga iaitu kita meningkatkan hukuman kepada individu yang melakukan penganiayaan atau mendedahkan kanak-kanak hingga mengakibatkan kanak-kanak mengalami kecederaan fizikal, emosi atau seksual di bawah seksyen 31(1) Akta Kanak-kanak termasuk di taska;
- (iv) memastikan semua taska memasang CCTV mengikut pekeliling ketua pengarah bilangan 1/2015;
- (v) pegawai diberi kuasa iaitu untuk membuat pemantauan berkala ke taska berdaftar bagi memastikan taska mematuhi akta dan juga peraturan yang ditetapkan; dan
- (vi) mengadakan audit pematuhan terhadap taska bagi memastikan akta dan juga peraturan taska dipatuhi.

■1110

Untuk makluman, Tuan Yang di-Pertua, kementerian amat prihatin akan isu penderaan kanak-kanak bukan sahaja di TASKA tetapi juga di tempat-tempat lain. Akan tetapi bagi kami, usaha-usaha ini tidak dapat kami lakukan dengan baik jikalau kami tidak mendapat maklum balas atau pengaduan atau *feedback* untuk kami dapat betul-betul melakukan penguatkuasaan dengan lebih ketat lagi. Terima kasih.

Puan Hajah Rahemah binti Idris: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan sebentar tadi. Cuma satu persoalan saya yang bermain di benak kepala saya. Selalunya bila terjadi kes penderaan ini, akhirnya kita akan dapat satu jawapan iaitu TASKA yang tidak berdaftar yang melakukan penderaan. Jadi saya hendak tanyalah kepada pihak kementerian, ada tak pemantauan yang dilakukan kepada TASKA-TASKA yang tidak berdaftar ini? Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Hajah Rahemah. Memang kita telah menetapkan satu peraturan yang begitu ketat khususnya kepada- tetapi ini adalah kepada TASKA berdaftar. Saya cerita dahulu TASKA berdaftar. Memang kita mengadakan pra-pendaftaran, kita melakukan semasa untuk mendaftar dan kita mengadakan pemantauan selepas. Seperti saya katakan tadi di dalam pembukaan jawapan saya, kita telah dapat mendaftar peningkatan 41 peratus TASKA yang berdaftar. Ini adalah satu *advocacy* kami.

Akan tetapi Yang Berhormat, seperti Yang Berhormat katakan, masih juga ada dengan berleluasanya TASKA-TASKA yang tidak berdaftar.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, TASKA-TASKA berdaftar ini kita telah memastikan bahawa mereka akan mengikut SOP yang begitu ketat. Di situlah kalau ada kes-kes penderaan, persoalan pertama saya, TASKA itu berdaftar atau tidak dan besar kemungkinan Yang Berhormat, ia datang daripada TASKA yang tidak berdaftar.

Jadi oleh yang demikian, kami memang begitu tegas sekali untuk memastikan bahawa TASKA-TASKA di negara ini boleh dikatakan kami hendak semua TASKA berdaftar. Akan tetapi Yang Berhormat, oleh sebab ada situasi *demand and supply* sebab kadang-kadang kita pada satu ketikanya kita berkehendakkan ramai wanita ini bekerja, itu juga menjadi SOP saya. Jadi bila kita berkehendakkan ramai wanita bekerja, masalah penjagaan anak-anak ini juga timbul. Jadi oleh yang demikian, di sinilah berlakunya ada juga kejadiannya banyak juga TASKA yang tidak berdaftar dengan jabatan atau kementerian sebab ada permintaan yang tinggi.

Saya juga selalu di dalam saya- pegawai-pegawai saya turun padang, kita memberi ceramah, kita memberitahu hantarlah anak-anak ke TASKA berdaftar. Akan tetapi Yang Berhormat, situasi inilah saya kata serba salah ini, dia dalam keadaan terpaksa. Ada juga, Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada ibu bapa, saya kata janganlah hantar lagi anak kepada TASKA tersebut sebab itu adalah tidak berdaftar tetapi dia kata keadaan mendesak, dia hantar juga.

Jadi kami ini bersituasi dengan satu keadaan yang sebenarnya kita cukup faham. Oleh sebab itu, kami mengadakan aktiviti pemutihan yang dinamakan tadi Jom Berdaftar. Jadi kami pergi. Kami pergi dapat maklum balas mana-mana TASKA yang tidak berdaftar tetapi mendapat satu sambutan yang begitu baik, jadi kami pujuk supaya berdaftar sekali sebab bila berdaftar ini, kita boleh mengimplementasikan satu SOP walaupun pada mulanya ketat tetapi itu adalah untuk

menjamin keselamatan anak-anak yang ada di TASKA. Jadi ini juga harapan saya supaya ibu bapa dia semak dahulu, hantarlah ke TASKA yang berdaftar. Terima kasih.

8. Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai minta Menteri Luar Negeri menyatakan, sejauh manakah krisis KL-Pyongyang menjejaskan hubungan dua hala negara dan apakah rasional kerajaan tidak membatalkan terus hubungan diplomatik sedia ada susulan daripada krisis yang belum berkesudahan ini.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Seri Reezal Merican]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai di atas pertanyaan pada soalan ini.

Saya juga ingin mohon izin untuk menjawab kerana hampir 12 orang Ahli Yang Berhormat telah menanyakan soalan yang sama iaitu Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan; Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah Sulaiman; Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani; Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin; Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin; Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun; dan Yang Berhormat Senator Datuk Lihan Jok yang bertanyakan berkaitan soalan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Seri Reezal Merican: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Dewan yang mulia ini sedia maklum, insiden pembunuhan seorang lelaki warganegara Republik Demokratik Rakyat Korea atau pun lebih dikenali dengan Korea Utara yang telah pun dikenal pasti melalui pasport beliau sebagai Kim Chol telah berlaku di Lapangan Terbang Antarabangsa KLIA2 pada 13 Februari 2017.

Pada peringkat awal, ia dikendalikan oleh pihak PDRM kerana ia merupakan satu kes jenayah dan ia masih lagi berada dalam siasatan. Namun begitu, keadaan menjadi sedikit tegang daripada suasana hubungan diplomatik antara dua negara bila mana Duta Besar DPRK ataupun Korea Utara ke Malaysia telah mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang berupa satu tuduhan dan dakwaan yang amat-amat tidak berasas dan tidak benar.

Antara tuduhan yang beliau nyatakan pada waktu itu ialah Kerajaan Malaysia cuba menyembunyikan fakta-fakta berkaitan kejadian yang berlaku di KLIA2 yang membabitkan rakyat *Northern Korea* dan juga tuduhan bahawa Kerajaan Malaysia *collude*, ataupun bersekongkol ataupun berkonspirasi dengan kuasa-kuasa luar berkaitan dengan insiden kematian tersebut. Susulan daripada itu, duta tersebut telah pun dipanggil pada 20 Februari 2017 dan telah dimaklumkan berkaitan dengan perkara yang berlaku. Namun, ia masih lagi meneruskan kenyataan pada hari-hari berikutnya.

Sebagai tindakan awal, pada 21 Februari, Kerajaan Malaysia telah mengambil tindakan untuk memanggil ataupun, dengan izin, *to recall our Ambassador in Pyongyang* untuk kembali ke negara sebagai salah satu tanda *to stated our displeasure*, dengan izin, terhadap apa yang telah dilakukan oleh Duta Korea di Kuala Lumpur.

Ini menjadi lebih rumit bila mana rakyat Malaysia tidak dibenarkan keluar daripada DPRK pada 7 Mac 2017. Namun, pada waktu itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun menerima cadangan daripada pihak DPRK untuk mengadakan rundingan secara bersemuka tanpa menggunakan mana-mana pihak ketiga bagi mencari jalan penyelesaian kepada kemelut yang berlaku. Pada waktu itu, keutamaan yang diberikan oleh pihak kerajaan adalah keselamatan sembilan orang rakyat Malaysia di Pyongyang terutamanya mereka yang bertugas di kedutaan.

■1120

Hasil daripada rundingan tersebut, Alhamdulillah pada 31 Mac 2017 yang lalu, kesemua rakyat Malaysia tersebut telah pun pulang ke tanah air dengan menggunakan pesawat khas milik Kerajaan Malaysia.

Untuk makluman dan untuk rekod Dewan yang mulia ini, hal ini dipantau secara personel oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

Berkaitan dengan hubungan dua hala antara Malaysia dengan Korea Utara, iklim hubungan kedua-dua ini sememangnya tidak akan lagi menjadi hubungan yang sama. Namun begitu, sebagaimana kelaziman yang dilakukan dalam mana-mana hubungan diplomatik pada waktu ini tidak ada lagi cadangan untuk kita menutup kedutaan ataupun kita memutuskan hubungan diplomatik antara dua negara. Apa yang telah kita buat dan kita lakukan, antara yang kita ambil tindakan yang paling drastik ialah ketika kita mengusir Duta Besar *Northern Korea* ke Malaysia ini kerana telah dianggap sebagai persona non grata yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia pada 4 Mac 2017.

Ini dilakukan setelah berulang-ulang kali insiden berlaku dan yang terakhir sekali bila dipanggil ke kedutaan untuk membuat kenyataan dan juga untuk diberi peringatan, namun beliau tidak hadir. Disebabkan itu, maka Kerajaan Malaysia di bawah Kementerian Luar Negeri telah mengambil keputusan untuk mengisytiharkan beliau sebagai persona non grata yang sememangnya termaktub di bawah Artikel 41, Konvensyen Vienna mengenai hubungan diplomatik 1991. Pada waktu ini sebagaimana yang telah saya maklumkan, walaupun kita masih ada hubungan diplomatik dengan *Northern Korea*, namun hubungan ini, hubungan yang sama sekali tidak sama dengan keadaan yang pernah kita jalinkan selama empat dekad yang lalu. Terima kasih.

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana menjawab. Soalan tambahan saya, mengapakah Malaysia tidak menggunakan orang tengah dalam rundingan dengan pihak Korea Utara? Terima kasih saudara, tolong jawab.

Dato' Seri Reezal Merican: Garangnya. Inilah kelebihan yang ada pada kerajaan Malaysia. Kita mengamalkan dasar *pragmatism* dalam hubungan luar dan diplomasi dengan negara-negara luar. Dan sebab itulah sebab kita amalkan *pragmatism in our diplomatic relation*, dengan izin, kita tidak ada tekanan daripada mana-mana negara. *Nobody decided whom we should be friended and whom we shouldn't be friended to.*

Maka sebab itu bila berlakunya insiden ini. Kita lihat bahawa tidak ada keperluan untuk kita menggunakan orang ketiga, sebaliknya kita boleh membuat rundingan secara langsung. Akan tetapi saya hendak maklumkan juga, oleh kerana *pragmatism practices* yang kita gunakan ini, dalam kemelut yang berlaku di antara kita dengan *Northern Korea* ini, banyak negara-negara Asia yang

membantu. Saya mungkin boleh sebut antara negara yang membantu ketika sembilan rakyat Malaysia, saya secara *personally* Tuan Yang di-Pertua, menghubungi rakyat Malaysia hampir *every alternate day*. Mereka berada dalam keadaan yang aman waktu itu, *they have a freedom of movement*. *They were living* dalam keadaan yang biasa, tetapi mereka dibantu oleh rakan-rakan kita, antaranya kedutaan daripada Indonesia, malahan salah seorang daripada mereka membantu ketika mereka ditahan di *airport*. Begitu juga rakan-rakan kita daripada kedutaan Pakistan dan juga EU. Inilah kelebihan yang kita ada bila mana kita mengamalkan *pragmatism* dalam hubungan diplomasi.

Akan tetapi pada waktu itu kita memberi apa yang penting adalah kita hendak pastikan bahawa keselamatan rakyat kita dapat dibawa pulang *swift, safe and sound back to home*. Saya hendak kata dalam hal *pragmatism* ini, sebagaimana yang saya tekankan tadi, kita beri penekanan kepada negara kita. Kalau Donald trump mengatakan *American first*, dasar luar di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita memberi penekanan *Malaysia and Malaysian first*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat masa untuk pertanyaan-pertanyaan jawab lisan sudah selesai.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan tamat]

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku, Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Kelima, Parlimen Yang Ketiga Belas”. **[17 April 2017]**

Tuan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar untuk menyambung. Silakan.

11.25 pg.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kelmarin sebelum Tuan Yang di-Pertua tangguhkan perbahasan Titah Diraja, saya telah menyentuh tentang hubungan

kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri dalam sistem federal. Di mana kuasa harus diagihkan secara adil dan saksama antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri, supaya sistem federalisma di negara ini, negara Malaysia mempunyai makna. Itu sebabnya kuasa negeri jangan diusik ataupun diganggu, atau disekat tanpa sebarang sebab yang benar-benar munasabah. Saya ingat balik kes Stephen Kalong Ningkan di Sarawak, di mana sebaik sahaja dia berdiri untuk mempertahankan hak dan kepentingan negeri Sarawak, maka Kerajaan Pusat bertindak terhadap beliau dan dia diturunkan dengan cara yang amat menyedihkan.

Itulah sebabnya saya bercadang bahawa Kerajaan Pusat jangan usik ataupun ganggu kuasa dan kepentingan negeri-negeri ini. Sebaliknya kuasa dan kebajikan dan kepentingan negeri-negeri harus dipelihara dengan pengembalian *Local Government Election*.

Tuan Yang di-Pertua: Mencilah?

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dia hendak celah.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Silakan.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Ini soal *Local Government Election*. Ini hendak tanya pendapat Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar.

Tuan Yang di-Pertua: Ya silakan.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Tapi sedikit latar belakang. Kalau kita tengok pada tahun 1965, masa itu kerajaan telah tubuhkan satu Jawatankuasa Siasatan Diraja, *Royal Commission of Enquiry* yang dipengerusikan oleh Senator Athi Nahappan pada tahun 1965. Suruhanjaya itu habis dia punya kerja pada hujung tahun 1968 dan salah satu *recommendation*, *Royal Commission* punya *recommendation* ialah *representative* dalam *Local Government* mesti secara elektif *representative*. Pada masa itu kerajaan pada saya tidak berapa sedia untuk melaksanakan *recommendation* itu fasal kalau kita tengok pada masa itu *racial composition urban areas dominated by satu single waste*.

So, soalan saya kepada Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin, apakah pendapat Yang Berhormat Senator, sedangkan sekarang kalau kita tengok *urban areas* sudah *mix population*. Apakah pendapat, perlu kah kerajaan perlu melaksanakan *recommendation* itu pada masa sekarang? Terima kasih.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya memang setuju dengan apa yang dicadangkan oleh Senator Athi Nahappan pada masa itu dan saya berpendapat bahawa *local election* itu, *Local Government Election* memang penting. Ini kerana kalau kita rujuk pada sejarah, pada masa kerajaan *Alliance* berkuasa di Pulau Pinang, *local election* telah diadakan bukan dikuasai oleh *Alliance*, tetapi dikuasai oleh *socialist front*. Saya berpendapat bahawa ini satu caralah, *check and balance* yang dapat mengurangkan rasuah dan juga salah guna kuasa.

Di samping itu untuk mengeratkan hubungan antara kuasa federal dan kuasa negeri, pengagihan wang kepada negeri-negeri pun mestilah ikut satu formula yang adil dan saksama. Memanglah tidak elok dan adil jika kerajaan negeri terpaksa melutut dan menadah tangan seperti pengemis untuk diberi wang dan projek pembangunan yang sebenarnya hak setiap negeri.

■1130

Saya berharap ini semua akan diberi perhatian sewajarnya. Beralih kepada gejala kerosakan alam sekitar yang disentuh dalam Titah Yang di-Pertuan Agong, satu perkara yang harus diberi perhatian untuk kepentingan negara ialah pembekalan air bersih kepada orang ramai.

Di sini saya ingin keterangan daripada kerajaan bahawa adakah kerajaan sedang memantau kawasan-kawasan tadahan air dan sungai bagi setiap negeri di Malaysia. Kawasan-kawasan tadahan air serta hutan rimba dicerobohi tanpa dikawal, kadangkala tanpa disedari pun dan ini merosakkan alam sekitar dengan kesannya yang amat buruk. Sungai yang dulu bila cantik dan elok yang besar, lama-lama jadi sempit macam longkang. Sikap tindakan tegas tidak diambil, maka pada suatu hari nanti kita akan menghadapi masalah bekalan air bersih serta berlakunya banjir-banjir di merata-rata tempat. Di mana pencerobohan terhadap kawasan-kawasan tadahan air serta hutan-hutan dilakukan.

Duli Yang Maha Mulia juga telah menyentuh masalah kos sara hidup yang dihadapi oleh orang ramai, khususnya kumpulan yang miskin. Perkara ini pun telah disentuh oleh beberapa Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini. Kita sedar bahawa setiap kali harga petrol meningkat, kos barang-barang keperluan pun meningkat. Akan tetapi yang paling pelik sekali ialah bila harga petrol turun, kos barang-barang keperluan masih kekal dan tidak turun, ini sudah berlaku beberapa kali. Maka di sini saya ingin tanyalah, adakah kerajaan mempunyai sebarang mekanisme yang dapat mengawal harga barang keperluan supaya beban kos tinggi rakyat dapat diringankan dan perkara ini haruslah diberi perhatian.

Kemudian dalam masalah berlakunya penyelewengan, rasuah, ketirisan sudah pastilah rakyat akan hilang kepercayaan terhadap kerajaan jika masalah-masalah ini tidak dibendung, untuk membendung masalah-masalah ini kerajaan harus menggalak penjawat awam serta orang-orang ramai membongkar kegiatan penyelewengan, perbuatan rasuah dan ketirisan. Khususnya di kalangan elit-elit politik yang berkedudukan tinggi, bukan saja di kalangan kerajaan, tetapi di kalangan pembangkang juga. Saya tidak berdiri atas platform politik di sini, yang mana yang terlibat dengan rasuah adakah dia dalam kerajaan atau dalam pembangkang heretlah dia ke mahkamah.

Ekoran daripada ini, MACC juga janganlah bertindak terhadap pegawai-pegawai rendah yang terlibat dalam kegiatan rasuah walhal, individu-individu di kelompok atasan kebal daripada dihukum. Jika tindakan yang adil dan saksama tidak diambil terhadap mana-mana pihak atau kelompok yang terlibat dalam rasuah, tidak kira status atau kedudukan mereka, rakyat akan hilang kepercayaan mereka terhadap kerajaan dan di sini ada beberapa kes pecah amanah yang saya nak sentuh di sini. Kes jualan tanah di bawah harga pasaran oleh seorang pemegang amanah Yayasan Bumiputera Pulau Pinang kepada *Hunza Properties* merupakan satu kes yang amat sedih, sedih bagi saya.

Kita sedia maklum bahawa Pulau Pinang tidak dapat disamakan dengan negeri-negeri yang lain di Semenanjung Tanah Melayu kerana Pulau Pinang adalah tanah jajahan Kerajaan Inggeris dan oleh sebab itu tiadalah *Malay Reservation* dalam negeri itu. Maka, tanah-tanah orang Melayu haruslah dijaga dan dilindungi supaya tidak dimiliki oleh syarikat-syarikat pemaju untuk mengaut keuntungan, sebab itulah Yayasan Bumiputera Pulau Pinang haruslah bertindak untuk kepentingan

masyarakat Melayu. Tetapi malangnya pemegang amanah serta individu-individu yang berkait rapat dengan beliau telah jual tanah yayasan untuk kepentingan peribadi.

Walaupun MACC telah mengambil tindakan terhadap mereka yang terlibat yang saya nak tahu di sini, apakah tindakan yang dapat diambil untuk mengambil balik tanah yang dijual secara tidak halal kerana pada akhirnya yang menjadi mangsa ialah orang Melayu sendiri. Ada lagi dua, tiga kes macam ini yang saya boleh sentuh tetapi masa tidak mengizinkan. Kalau nak tahu boleh jumpa dengan sayalah.

Akhirnya, Duli Yang Maha Mulia sentuh juga usaha kerajaan untuk menentukan rakyat hidup dalam keadaan aman dan selesa dan ini hanya dapat dicapai jika keselamatan individu dan kelompok dapat dijamin di dalam negara ini. Akan tetapi kalau individu tertentu boleh hilang, boleh hilang begitu tanpa diketahui di mana mereka berada, ataupun mereka masih hidup atau mati saya kkuatirilah kita telah tiba ke tahap yang bahaya dan tidak selamat.

Oleh sebab itu, saya berharap bahawa PDRM akan menyiasat secara terperinci dan berkesan apa yang telah terjadi kepada Pastor Raymond Koh, Hilmy Joshua dan isterinya yang telah hilang beberapa bulan yang lalu. Perkara ini penting untuk meyakinkan rakyat negara ini bahawa negara Malaysia masih aman, damai dan selamat dan berdiri atas hukum yang bertamadun bukan atas, dengan izin, *the law of the jungle*. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar dan sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian, silakan.

Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, selamat sejahtera, selamat pagi dan Salam 1Malaysia. Izinkan saya menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena Pembukaan Penggal Ketiga, Parlimen Ke-15, pada 17 April 2017. Saya memohon dan menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana menganggap kita semua sebagai penggubal undang-undang atau *law maker*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Senator yang diketuai oleh Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin yang telah mengadakan lawatan ke Sarawak untuk memahami Sarawak dengan lebih mendalam. Tuan Yang di-Pertua, saya khususnya dan penduduk Sarawak secara umumnya berasa sedih atas kehilangan seorang pemimpin yang berkaliber iaitu Yang Amat Berhormat Tan Sri Adenan Satem. Di dalam Dewan yang mulia ini saya ingin merakamkan ucapan takziah kepada Yang Berhormat Puan Sri Jamilah dan keluarga atas sumbangan dan jasa Allahyarham Yang Amat Berhormat Tan Sri Adenan Satem kepada Dewan yang mulia ini sebagai bekas Menteri Kabinet Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedar bahawa kita sedang memasuki era yang mempunyai potensi meletusnya peperangan *from Middle East to Korean Peninsular*, dengan izin. Sudah tiba masanya untuk kita tidak boleh memandang ringan tentang keselamatan dunia ini kepada orang awam. Dalam hal ini saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan rasa terima kasih kepada PDRM kerana telah menjalankan tugas yang diamanahkan dengan penuh tanggungjawab. Semoga rakyat Malaysia akan sentiasa mematuhi dan memberi kerjasama kepada

pihak berkuasa untuk mengelakkan sebagai ancaman yang boleh menggugat keharmonian dan keamanan.

■1140

Tuan Yang di-Pertua, semua ini memerlukan kerjasama semua pihak, termasuk peranan kerajaan tempatan dalam menganjurkan pelbagai aktiviti yang boleh membawa kepada kesedaran tentang kepentingan hidup dalam masyarakat yang harmoni dan aman. Peranan PDRM bukan sahaja meliputi tugas mengambil tindakan terhadap laporan yang dibuat, malah perlu proaktif dan mengambil tindakan terhadap gejala penyalahgunaan dadah, dengan izin, *online gambling and illegal gambling* yang telah mula menular ke kawasan *semi urban* dan *rural* di Sarawak. Kita memerlukan semua pihak, termasuk agensi kerajaan, masyarakat, sekolah, ibu bapa, ahli keluarga untuk membantu dan menangani masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun keadaan, dengan izin, *national figures, economic figures looks good, but sentiment on grounds is not*. Kita memerlukan langkah secara spesifik untuk mengatasi kos kehidupan iaitu kita mesti, dengan izin, *action must be impactful*. Tuan Yang di-Pertua, saya percaya *freedom of speech, but not abuse of freedom of speech*, dengan izin. Sekarang kita ada banyak *fact news, hate news, confusion news* dan kita memerlukan kedua-dua keadaan untuk menghadapi *current situation*. Manakala ia memulakan dan ia menyebabkan berita palsu sama ada secara sedar mahupun secara halus dihadapkan ke mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat berharap kita boleh mendapat hasil daripada TN50. Kita perlu mendengar kepada *ideas* dan pandangan para belia agar segala polisi untuk 25 tahun akan datang boleh bermula dari sekarang. Saya sangat gembira melihat TN50 *ambassador* tetapi amat menyedihkan tidak dapat wakil daripada Sabah dan Sarawak. Jangan lupa Sabah dan Sarawak bukan sahaja sebahagian daripada Malaysia, malah merupakan rakan yang mempunyai kuasa seimbang dalam Persekutuan Malaya, Sabah dan Sarawak. Sabah dan Sarawak bukannya salah sebuah negeri dalam 14 buah negeri di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang *Stamp Act* dan Rang Undang-undang Cukai Pelancongan 2017 termasuk Sarawak tetapi bila faedah Sarawak *at best we are second class, at worst we got left out*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan Dewan dan Kerajaan Persekutuan, Sabah dan Sarawak, dengan izin, *the only two states under Constitution allowed to collect taxes*. Nanti saya akan debat Rang Undang-undang Cukai Pelancongan 2017 bila *bill* itu di *table*.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebahagian daripada *devolution of power* yang dipersetujui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Yang Amat Berhormat Tok Nan, kami rakyat Sarawak mahu secepat mungkin *devolution* itu direalisasikan. Kalau tidak Tuan Yang di-Pertua, kami BN Sarawak tidak akan berani berjanji Sarawak akan terus menjadi deposit tetap dalam PRU Ke-14 yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, semasa Persekutuan Malaysia ditubuhkan pada tahun 1963, 1.3 daripada Ahli Parlimen adalah dari Sabah dan Sarawak. Namun, amat menyedihkan apabila penggal saya berakhir bulan Mei depan, daripada 70 orang Senator, hanya tinggal dua orang Senator dari Sarawak. Ini tentu bukan satu perwakilan yang adil untuk Sarawak. Saya berharap

Kerajaan Persekutuan dan Dewan yang mulia ini akan mengambil perhatian bahawa penduduk Sarawak tidak diwakili dengan sepenuhnya dan sepatutnya di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah membangkitkan isu ini dua tahun lepas berkaitan *Sarawakian* yang memegang jawatan KSU atau ketua pengarah. Saya berasa gembira kerana terdapat seorang penduduk Sarawak yang memegang jawatan KSU sekarang. Saya amat berharap Kerajaan Persekutuan dapat memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini tentang bilangan penduduk Sarawak yang menjawat jawatan JUSA 'A' dan atas dalam perkhidmatan awam Persekutuan, guru, PDRM dan ATM.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan penduduk Sarawak yang menjawat jawatan tinggi mungkin disebabkan kurangnya kelayakan. Akan tetapi pada kaca mata rakyat, setelah lebih 54 tahun dalam Malaysia, kepercayaan terhadap kebolehan penduduk Sarawak masih dipertikaikan. Kita tentu tidak mahu penduduk Sarawak berpandangan bahawa walaupun sudah berkahwin lebih 54 tahun, kita masih saling tidak mempercayai di antara satu sama lain, dengan izin, *otherwise people will ask for divorce*.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan bilangan penduduk Cina dalam perkhidmatan awam dan dalam usaha untuk meminimumkan masalah yang timbul daripada pelaksanaan polisi seperti insiden berus mengecat. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana mengambil tindakan yang berani dengan menghentikan perampasan berus mengecat. Dalam hal ini, kita memerlukan lebih ramai rakyat berketurunan Cina untuk bersama dalam perkhidmatan awam Persekutuan agar interpretasi terhadap isu tertentu dapat dijelaskan dan tidak timbul salah faham. Di samping itu, slogan 1Malaysia bukan sahaja merupakan slogan untuk agenda politik sahaja, dengan izin, *translate into actions and put into practice*.

Tuan Yang di-Pertua, saya diberi keistimewaan bersama dengan beberapa pemegang biasiswa Petronas dan mendapati terdapat penambahan dalam pemberian biasiswa Petronas kepada penduduk Sarawak. Namun, amat menyedihkan penambahan ini untuk bahagian ke majoriti di teknikal sahaja. Saya berpendapat bahawa penduduk Sarawak, dengan izin, *not just trained to be a coolie, but for the professional and senior management position as well*.

Oleh kerana Petronas mendapat lebih 20 percent daripada pendapatan petroleum daripada Sarawak, maka saya ingin mencadangkan agar Petronas juga memberikan 20 percent biasiswa kepada penduduk Sarawak agar Sarawak dapat berdiri sama tinggi dengan negeri yang lain. Dengan izin, *please help us, we need to catch up*.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Sabah Malaysia, Sarawak perlu dalam kemudahan *infrastructure*. Banyak sekolah di kawasan pedalaman Sarawak yang tidak memiliki kemudahan elektrik, air dan telekomunikasi. Penduduk Sarawak ingin mengetahui rancangan serta jangka masa dari kementerian-kementerian yang diperlukan untuk menambah baik kemudahan sekolah dan klinik. Tuan Yang di-Pertua, Pusat Jantung Hospital Umum Sarawak merupakan satu pusat jantung yang mempunyai *Cardiac MRI* sejak 2003, dengan izin, *the earliest in Malaysia*.

■1150

Pusat Jantung Hospital Umum Sarawak juga tidak hanya memfokuskan kepada memberi perkhidmatan malah kepada penyelidikan. Oleh sebab *research*, Pusat Jantung Hospital Umum

Sarawak, dengan izin, *urgently need MRI to be upgraded in order not to lose the competitive edge in research.*

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pesakit kanser yang semakin bertambah di Sarawak memerlukan sebuah institut kanser seperti Pusat Jantung Hospital Umum Sarawak supaya pesakit tidak perlu pergi ke Institut Kanser Negara di Putrajaya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat CM Abang Johari telah menekankan tentang ICT. Semalam saya *speed test line* di Kuala Lumpur yang mempunyai *500 megabit per second* sedangkan Kuching, dengan izin, *only 100 megabit per second*. Telefon bimbit saya mempunyai di Kuala Lumpur *speed test 12 megabit per second* tetapi apabila saya balik ke Kuching hanya enam *megabit per second*. Sementara kawasan DUN Batu Kawah saya, dengan izin, *there are more blind spots than hotspot*. Saya berharap rakan baik saya Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak, Menteri Komunikasi dan Multimedia akan turun padang secepat mungkin ke kawasan DUN Batu Kawah, kawasan saya untuk memantau dan melaksanakan lebih banyak kemudahan *infrastructure digital*.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa gembira kerana ramai Senator dari Dewan yang mulia ini sudah datang ke Sarawak mendapat maklumat berkaitan, dengan izin, *National Income and GNI* untuk Malaysia dan Sarawak. Hubungan perdagangan China-Malaysia telah mencapai lebih RM160 bilion. Sarawak merupakan rakan dalam Persekutuan Malaysia memohon agar diberikan lebih banyak perdagangan dengan China. Dalam hal ini, Kerajaan Persekutuan memainkan peranan penting.

Tuan Yang di-Pertua, minggu lepas saya berpeluang melawat ke Janda Baik bagi kali pertama. Saya berasa *green with envy* kemudahan perparitan dan lampu jalan di Janda Baik. Saya berharap Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan mendapat lebih peruntukan untuk menyediakan taman rekreasi, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah akan menyediakan lebih banyak peruntukan untuk lampu jalan dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan memberikan lebih peruntukan untuk kemudahan perparitan untuk DUN Batu Kawah, saya dan juga Parlimen 196 Stampin. Dengan izin, rakyat *rather have those facilities than yearly receiving one in sunk from flood*.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Baginda juga disebut mengenai rasa dukacita Baginda ekoran kegiatan penyelewengan dan rasuah yang masih lagi berlaku di kalangan penjawat awam mahupun bekas penjawat awam. Namun saya ingin memberi jaminan bahawa semua Menteri Kabinet macam Kerajaan Negeri Sarawak juga telah mengambil surat aku janji. Ini dimulakan dari Tok Nan dan akan *continues serious about it*, dengan izin, *but the new captain of Tim Tok Nan, Captain Abang Johari*.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat berbangga kerana berkesempatan untuk berkhidmat bagi negara bersama Senator-senator yang lain dalam Dewan yang mulia ini. Saya bukan sahaja menghargai semua Senator sebagai rakan saya dalam Dewan yang mulia ini tetapi juga sebagai kawan untuk *forever*. Ucapan jutaan terima kasih saya untuk mantan Yang di-Pertua Tan Sri Abu Zahar Ujang, mantan Timbalan Yang di-Pertua Dato Sri Doris, Tuan Yang di-Pertua dan juga Timbalan Yang di-Pertua, dengan izin, *for your mentorship support and advice over my turn*.

Oleh sebab itu mungkin merupakan kali terakhir saya berucap dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama semua Senator dalam Dewan yang mulia ini untuk satu penggal dan semoga persahabatan kita akan berkekalan. Saya dengan ini memohon dan menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian yang banyak memberi peluang kita cukup baik dan untuk kita perhatikan. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Norahan binti Abu Bakar, dipersilakan.

11.56 pg.

Dato' Hajah Norahan binti Abu Bakar: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada hari ini.

Pada tahun ini Parlimen telah dibuka dengan upacara rasmi oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 6 Mac 2017. Pada tahun ini juga kita bertuah kerana Sultan Muhammad Ke-V yang bakal yang akan dilantik secara rasminya pada 24 April 2017. Patik menjunjung kasih ke atas keberangkatan Baginda bagi merasmikan Istiadat Pembukaan Rasmi Penggal Keempat, Parlimen Ketiga Belas pada tahun ini. Tidak lupa juga patik mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad Ke-V di atas pelantikan Baginda sebagai Ketua Negara Malaysia yang baru.

Baginda merupakan seorang yang terkenal dengan sifat rendah diri dan berjiwa rakyat. Saya rasa banyak kisah menarik yang telah kita baca dan tersebar di media sosial mengenai sifat Tuanku yang berjiwa rakyat. Dengan sifat mulia dan tabah dan ditambah pula dengan kepimpinan Perdana Menteri kita sudah pastinya negara kita yang sentiasa berada di bawah landasan yang betul dari segi pertumbuhan ekonomi mampan serta kebajikan rakyat yang sentiasa dijaga. Apa tidaknya dengan pertumbuhan sektor perdagangan dan nilai eksport yang melebihi RM70 bilion sepanjang akhir tahun 2016 dan sehingga tahun 2017 meningkat kepada 27.1 peratus iaitu mencecah kepada RM130 bilion berbanding dengan tahun sebelumnya.

Ini di antara lain merupakan petunjuk kepada pertumbuhan yang disifatkan walaupun di sebalik limpahan tuduhan daripada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang mengatakan bahawa negara kita mufliis. Di dalam Titah Diraja baru-baru ini, Baginda Tuanku turut menzahirkan rasa kagum beliau dengan pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan. Ini menandakan bahawa kita semua harus berganding bahu bersama Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan barisan Kabinetnya dalam melangkah ke arah sebuah negara Malaysia yang maju.

■1200

Saya percaya, kepimpinan kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melakukan satu tindakan yang tepat dan dengan memperkenalkan visi yang segar untuk Malaysia melalui, "Transformasi Malaysia 2050" atau lebih dikenali dengan TN50. Saya kira

tidak keterlaluan untuk menyatakan bahawa TN50 ini adalah satu visi yang benar-benar membawa aspirasi kepada rakyat Malaysia khususnya kepada golongan muda.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya melakukan perbahasan ini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Perdana Menteri, Menteri Luar dan agensi-agensi kerajaan yang telah membawa pulang rakyat Malaysia yang berada di Korea Utara baru-baru ini. Tahniah dan syabas diucapkan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi perbahasan ini saya ingin menyentuh beberapa kementerian dan agensi yang membawa isu-isu yang dekat di hati rakyat negeri Pahang secara khususnya. Pertama-tamanya saya ingin menyentuh tentang Kementerian Pertahanan. Ini perkara penting yang pertama disentuh dari ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam perasmian baru-baru ini.

Tidak dinafikan keadaan politik dunia sentiasa bergolak. Banyak benar negara besar dan ancaman-ancaman besar yang datang dari darat dan laut serta udara. Kita mesti memperkukuhkan pertahanan dan keupayaan Angkatan Tentera Malaysia dari segi aset, pengetahuan baru dan industri pertahanan. Dengan penganjuran LIMA baru-baru ini, menambah lagi keyakinan rakyat kepada kerajaan dalam memelihara bumi bertuah ini.

Dengan itu saya ingin tahu apakah kelengkapan-kelengkapan tentera terkini yang disediakan oleh kerajaan memelihara kedaulatan negara kita dari ancaman musuh. Bagaimana pula pertahanan laut dan udara di bumi Sabah dan Sarawak yang sentiasa menjadi rebutan penceroboh dan penganas serta saya juga ingin tahu apakah hasil penganjuran LIMA ini dan kos yang ditanggung oleh Kerajaan Malaysia pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin beralih kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Walaupun tadi telah pun dijawab oleh kementerian tetapi memang kita tahu masalah-masalah di taska ini. Pada mulanya mengenai dengan isu taska kementerian baru-baru ini yang sering kita dengar bahawa kejadian penderaan kanak-kanak. Tadi memang kita tahu bahawa tentang taska ini ada taska yang diwujudkan memang di satu tempat tetapi bagaimanakah pengendalian kementerian mengenai dengan penjagaan kanak-kanak yang biasanya dibuat di rumah-rumah. Jadi kita mohon juga pihak kementerian supaya dapat memantau ataupun menyelidik mengenai dengan pusat penjagaan kanak-kanak yang di luar pengetahuan pihak kementerian.

Entah apa dosanya kanak-kanak, kita rasa sedih entah apa dosa kanak-kanak yang sehingga menyebabkan mereka didera sedemikian. Itu pun terdapat juga kes-kes yang berjaya dikesan oleh pihak kementerian. Bagaimanapun, kes-kes ini tidak dilaporkan kepada pihak berkuasa. Saya sedih mendengar kes-kes penderaan yang melibatkan kanak-kanak yang melibatkan kecederaan yang lebih malang lagi sehingga menyebabkan kematian.

Saya ingin bertanya mengenai kementerian, berapakah bilangan penderaan kanak-kanak yang jagaan taska yang direkodkan oleh kementerian, khususnya bagi negeri Pahang bagi tempoh lima tahun daripada 2012 hingga 2016. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian mengenai perkara ini dan seterusnya berapakah kes yang telah dibawa ke mahkamah mengenai pesalah yang telah disabit dan dihukum mengenai dengan penderaan ini? Seterusnya saya ingin

bertanya apakah mekanisme terkini yang diambil oleh kementerian dalam melatih dan membuat tujuan terhadap tinjauan terhadap penjagaan taska.

Seterusnya saya ingin tahu mengenai dengan ibu tunggal. Apakah langkah-langkah terkini mengenai kementerian menjaga ataupun memelihara kepentingan ibu tunggal khususnya di negeri Pahang. Ini kerana antara perkara yang disentuh dalam Bajet 2017 adalah program mengarusperdanakan wanita dan menjaga kepentingan ibu-ibu tunggal. Antara program yang dijalankan ialah Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal dan Keusahawanan Wanita dalam Program Wanita Berkerjaya.

Sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai melalui program-program ini? Saya juga ingin tahu statistik ibu tunggal khususnya di negeri Pahang dan bilangan mereka yang telah berjaya menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Saya juga ingin memohon kementerian untuk kemukakan statistik ibu tunggal yang memohon bantuan di bawah Amanah Ikhtiar Malaysia dan juga TEKUN, bilangan mereka yang terutamanya bagi negeri Pahang.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin beralih tentang mengenai dengan PTPTN. Pendidikan merupakan nadi kepada sebuah bangsa yang maju. Tanpa pendidikan kita sudah tentu tidak menikmati pembangunan ekonomi seperti yang dinikmati sekarang. Apabila seseorang anak bangsa sedang belajar di institusi pengajian tinggi merupakan satu kebanggaan kepada pelajar tersebut mahupun kepada ibu bapa.

Di sini saya ingin merujuk kepada satu masalah yang dihadapi oleh sesetengah pelajar yang biasiswa mereka dipotong atau dihentikan disebabkan mereka memperoleh markah yang rendah daripada peperiksaan mereka. Akibat daripada markah ataupun *pointer* mereka yang rendah ini maka biasiswa mereka disekat oleh PTPTN. Perkara ini menyebabkan ramai di antara pelajar-pelajar di luar sana putus asa, harapan dan ada juga di antara mereka yang baru-baru ini datang berjumpa saya dan menyatakan mereka mahu berhenti daripada belajar dan tidak sanggup untuk menanggung kos pembelajaran mereka yang tinggi.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, kebanyakan mereka ini adalah daripada anak-anak kita yang berada di luar bandar yang susah, yang miskin dan ada di antaranya anak, ibu mereka ibu tunggal dan daripada golongan B40, malah ada yang lebih rendah daripada itu. Saya faham dan sudah pasti jawapan balas daripada kementerian, mereka ini akan mengatakan bahawa PTPTN tertakluk kepada peraturan dan ketetapan dari pihak universiti. PTPTN hanya mengikut prosedur dan peraturan yang ditetapkan oleh universiti. Ini merupakan tanggungjawab hak universiti.

Walau bagaimanapun, kita harus ingat ada juga banyak sebab lain dan faktor lain yang boleh menyumbang kepada seorang murid itu memperoleh markah yang rendah. Mungkin disebabkan oleh keluarga mereka sebagai yang saya kata tadi anak ataupun ibu tunggal. Maknanya menanggung keluarga disebabkan faktor kehilangan keluarga yang terdekat, berlaku masalah kewangan yang teruk daripada keluarga mereka, tertekan perasaan dan berbagai-bagai lagi.

■1210

Kita juga tidak boleh menolak walaupun pelajar tersebut telah belajar dengan rajin tetapi sudah takdir menentukan peperiksaan mereka rendah. Dalam hal ini, saya memohon pihak PTPTN

untuk memikirkan atau membantu pelajar-pelajar ini. Mungkin boleh memberi pilihan lain kepada pelajar ini menebus kembali markah mereka untuk melayakkan mereka dapat kembali PTPTN.

Ataupun pihak PTPTN berbincang dengan pihak universiti. Saya rasa lebih baik dan mencapai kata sepakat dalam menentukan mereka daripada golongan susah. Janganlah memusnahkan harapan mereka untuk meneruskan pengajian di universiti. Paling utama, janganlah memusnahkan harapan dan aspirasi yang terkandung dalam TN50 ataupun perjanjian dengan Pengajian Tinggi Awam.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya beralih kepada isu Jabatan Perdana Menteri mengenai dengan isu FELDA kerana di negeri Pahang ini banyak FELDA. Saya ingin bertanya mengenai dengan isu FELDA, berapakah jumlah bilangan rumah kakitangan FELDA yang telah disediakan dalam tempoh dua tahun? Saya nampak Yang Berhormat Timbalan Menteri ada di sini.

Kita dapati di FELDA-FELDA masih terdapat rumah-rumah kakitangan yang masih bertaraf rumah lama. Saya difahamkan sebahagian daripada rumah-rumah rancangan FELDA tersebut masih rumah lama. Saya pohon statistik bilangan khususnya bagi Rancangan FELDA negeri Pahang. Saya juga ingin tahu, apakah sektor pembinaan rumah kakitangan FELDA ini diteruskan atau pun berapa telah pun dijalankan di negeri Pahang?

Di bawah Jabatan Perdana Menteri juga, saya ingin membangkitkan isu penjawat awam di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam. Ada lebih 1.8 juta perjawatan awam di Malaysia. Saya amat memahami kerajaan sentiasa menjaga kebajikan penjawat awam. Cuma, yang saya lihat sekarang, banyak jawatan penting, profesional seperti doktor pakar, jurutera dan guru berada di dalam skim gaji pemberian elaun. Saya juga melihat bahawa skim penjawat awam, kakitangan awam seolah-olah tidak ada kesinambungan. Ini juga apabila perkara skim perkhidmatan, elaun dan gaji mempunyai perbezaan yang amat ketara di antara mereka.

Perdana Menteri melancarkan Strategi Lautan Biru bagi meningkatkan lagi jentera pentadbiran pekerjaan supaya lebih cekap dan berdaya saing. Saya ingin tahu, apakah penambahbaikan yang telah dilakukan oleh perkhidmatan awam terhadap masalah ketidakseimbangan ini? Adakah Jabatan Perkhidmatan Awam akan menambah skim pegawai sains dan pegawai bukan guna sama yang selaku dibangkitkan di dalam Dewan Negara ini? Serta, apakah Strategi Lautan Biru yang telah ditetapkan oleh JPA setakat ini?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai dengan Kementerian Pelancongan. Di dalam Titah Diraja, Tuanku ada menyebut mengenai dengan pelancongan merupakan antara penyumbang ekonomi di negara kita. Tuanku juga menyeru agar produk-produk pelancongan ditingkatkan demi untuk membangunkan ekonomi tempatan dan juga negara.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana telah dua kali menganjurkan pesta pelancongan ataupun MITA baru-baru ini. Saya lihat penganjuran kedua mendapat sambutan yang begitu menggalakkan dari orang ramai. Maka ini menjadi bukti bahawa rakyat Malaysia selain dari suka melancong keluar negara, mereka juga suka melancong di dalam negara sendiri. Apa tidaknya, dengan keadaan dunia yang tidak menentu dan ancaman penganas antarabangsa, ramai rakyat Malaysia memilih untuk melancong dan selamat melancong di dalam negara.

Dengan tidak membuang masa, saya ingin mengutarakan pandangan-pandangan dan cadangan saya. Antaranya, saya berharap agar pesta jualan pelancongan tempatan diteruskan pada masa-masa akan datang. Kedua, ramai lagi penglibatan daripada pemain-pemain industri pelancongan di dalam negara akan terlibat.

Seterusnya, saya betul-betul mengharapkan kementerian memberi nama lain mengenai dengan penganjuran ini kerana ramai rakyat terkeliru dengan *MATTA Fest* dan *MITA Fest*. Apa salahnya kalau kita letakkan nama bercirikan tempatan. Ini pun produk pelancongan tempatan. Maka saya rasa lebih wajar diletakkan nama dengan menggunakan bahasa kebangsaan.

Saya juga ingin bertanya mengenai dengan Tahun Melawat ASEAN yang dibangkitkan oleh Titah Diraja tahun ini. Apakah program-program dan kos yang ditanggung oleh kementerian menjalankan kempen Tahun Melawat ASEAN tahun ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat berbagai-bagai tuduhan fitnah dilemparkan kepada kerajaan terutamanya Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dan barisan Kabinet. Memang semuanya resam dunia politik tetapi apabila ia menyentuh kepada aspek keselamatan dan imej negara, maka langkah-langkah harus diambil untuk mengatasinya. Sekiranya negara kita mufliis, sudah tentu BR1M tidak dapat disalurkan kepada rakyat. Sekiranya negara kita tidak dihormati dunia, mana mungkin kita akan menerima lawatan ketua-ketua negara *Asian* ke Malaysia seperti baru-baru ini daripada Perancis dan juga Raja Salman daripada Arab Saudi.

Sekiranya Malaysia sebuah negara yang gagal, bagaimana pula seorang individu penjaga masjid suci, Raja Salman, sudah tentu tidak akan memilih Malaysia sebagai destinasi pertama yang membawa rombongannya ke Malaysia. Kita juga berjaya membawa perjanjian-perjanjian dengan PETRONAS bernilai berbilion ringgit.

Saya juga ingin menyentuh mengenai dengan kesihatan. Baru-baru ini saya ditimpa musibah, baru sakit dan berada beberapa lama di hospital. Saya ingin menyentuh mengenai dengan kelengkapan di Hospital Temerloh kerana saya dirawat di Hospital Temerloh. Saya memohon Kementerian Kesihatan agar dapat menambah peruntukan di Hospital Temerloh kerana kekurangan peralatan yang mana tidak ada *CT Scan* ataupun MRI yang telah rosak dan tidak dapat beroperasi. Jadi pesakit-pesakit di Hospital Temerloh terpaksa ke Hospital Selayang ataupun ke Kuantan. Jadi saya mohon supaya dibaikpulih atau ditambah dengan yang baru di Hospital Temerloh.

Selain daripada itu, tidak salah sekiranya saya menyampaikan ucapan tahniah kepada kerajaan, hasil- minta maaf saya. Tidak lupa juga saya mengutarakan- minta maaf saya.

Ini menunjukkan bahawa kepentingan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mengatakan perjanjian yang berusaha untuk menjadikan rakyat Malaysia sebagai sebuah negara yang membangun. Yang pasti, segala tohmahan dan tuduhan yang telah dibuat oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Kita harus mengambil langkah yang seharusnya membangunkan negara ini.

■1220

Saya sentiasa bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana negara kita masih makmur, aman maka sama-sama lah kita kekalkan suasana yang aman damai ini bagi masa hadapan. Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong Titah Diraja Yang di-Pertuan Agong sekian Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Norahan binti Abu Bakar yang banyak menghujah tentang yang baik, keinsafan dan terima kasih kepada kerajaan kita dan sekarang saya hendak sambung lagi kepada No.4 tadi Yang Berhormat Mulia Senator Engku Naimah binti Engku Taib dipersilakan.

12.21 tgh.

YBM Engku Naimah binti Engku Taib: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam negaraku Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ingin melafazkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan inayahnya maka saya diberi ruang dan kesempatan untuk turut serta membahaskan Usul Menjunjung Kasih Di Atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-IV, Sultan Muhammad V kerana sudi berangkat bagi menyampaikan Titah pada Pembukaan Mesyuarat Pertama, Parlimen Ketiga Belas, pada hari Isnin 6 Mac 2017 yang lalu. Saya mendoakan Tuanku Yang di-Pertuan Agong di anugerahkan kesihatan dan kekuatan yang berterusan untuk menaungi dan memayungi negara Malaysia tercinta ini serta meneruskan kesinambungan pemerintahan yang adil dan saksama demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara berlandaskan prinsip Raja Berperlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya tanggal 6 Mac 2017 yang lalu telah melakar sejarah negara dan Parlimen Malaysia khususnya kerana buat pertama kalinya dan julung kalinya Seri Paduka Baginda telah menyampaikan Titah pada Majlis Istiadat Pembukaan Parlimen semenjak di isytiharkan sebagai Duli Yang Maha Mulia Sri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-15, berkuat kuasa 13 Disember 2016 lalu.

Tuan Yang di-Pertua, di awal Titah Baginda Tuanku telah mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Perdana Menteri, Jemaah Menteri, anggota pentadbiran, penjawat awam, pemimpin masyarakat dan seluruh warga rakyat jelata yang telah berpenat lelah membangunkan negara keharmonian hubungan pemimpin dan rakyat ibarat aur dengan tebing yang saling memerlukan. Hubungan yang akrab ini lah yang sepatutnya diteruskan bagi terus memacu dan membangunkan negara.

Tuanku juga merakamkan tahniah kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam memastikan keamanan dan keselamatan negara khususnya dalam mengurangkan kadar jenayah membasmi fahaman radikal dan ajaran sesat serta ideologi militan.

Tuanku dalam Titah Baginda telah menyentuh secara menyeluruh pelbagai aspek negara antara termasuklah pengurusan kelengkapan aset dan fasiliti keselamatan, langkah konsolidasi fiskal ekonomi berteraskan produktiviti, kreativiti dan inovasi, masalah penyusutan nilai ringgit keprihatinan kerajaan kepada golongan B40 dan M40, menangani kos sara hidup program pembinaan rumah mampu milik, pembangunan prasarana peningkatan pengangkutan awam, peningkatan kualiti hidup rakyat luar bandar dan jaminan bekalan makanan negara yang mencukupi.

Baginda Tuanku turut menyentuh berhubungan dengan sumbangan wanita memelihara kebajikan kanak-kanak, warga emas dan OKU, kepentingan memelihara alam sekitar, menangani kes-kes tidak berjangkit atau *non-communicable disease* (NCD), visi transformasi Nasional atau

TN50, kejayaan program latihan teknikal dan vokasional (TVET), pembangunan modal insan melalui pendidikan tinggi, agenda perpaduan dan integrasi nasional, amalan prinsip wasitah dan kesederhanaan, persediaan dan pengurusan kerajaan terhadap menghadapi bencana banjir.

Baginda turut menghargai sumbangan rakyat ini telah mengharumkan nama negara dalam pelbagai bidang seperti penyelidikan ekonomi, sosial dan sukan. Akhirnya Baginda Tuanku turut menyentuh berhubungan dengan kunjungan Raja Salman bin Abdulaziz Al Saud penjaga dua masjid suci, dan Raja Arab Saudi ke Malaysia yang telah berjaya mengukuhkan hubungan ke dua-dua negara di pelbagai bidang.

Tuan Yang di-Pertua, izin kan saya dalam ucapan menjunjung kasih Titah Diraja ini untuk menyentuh beberapa perkara penting berhubung dengan usaha untuk memartabatkan dan memperkasakan Islam sebagai Agama Persekutuan, kejayaan dan pencapaian dalam bidang pendidikan dan perpaduan, serta integrasi nasional melalui pendidikan nasional melalui pendidikan kejayaan universiti awam dalam *world ranking university*, PTPTN, menangani kos sara hidup di kalangan pelajar universiti, Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK), dasar 30 peratus penyertaan wanita isu warga emas, isu kesihatan termasuk berkaitan penyakit tidak berjangkit atau NCD dan penyakit berjangkit TB, TN50, impak lawatan Raja Salman bin Abdulaziz Al Saud Raja Arab Saudi ke Malaysia dan mentransformasikan Parlimen Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Jabatan Perdana Menteri hal ehwal Islam. Pertamanya saya ingin menyentuh berhubung dengan Jabatan Perdana Menteri iaitu berhubung dengan hal ehwal Islam. Saya memulakan perbahasan saya dengan memetik ayat dari surah As Saba' juz 22 ayat ke 15... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* "Sesungguhnya bagi kaum Saba' ada tanda (kekuasaan Allah) di tempat kediaman mereka, iaitu dua buah kebun di sebelah kanan dan di sebelah kiri. (Kepada mereka di katakan), makanlah olehmu dari rezeki yang di anugerahkan Tuhan mu dan bersyukurlah kamu kepada-Nya (negerimu) adalah negeri yang baik dan Tuhanmu adalah Tuhan yang maha pengampun". Ayat ini menyebut negeri Saba' adalah negeri... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Ia sebuah negara baik aman dan makmur dan mendapat keampunan Allah. Saya membawa ayat ini adalah untuk membawakan gambaran sebuah negara yang aman makmur serta mendapat kerahmatan Allah.

Saya ingin membangkitkan negeri sabak ini dengan negara kita yang kaya dengan hasil bumi dan sumber asli, aman dan makmur tiada bencana besar dan rakyatnya dapat hidup dengan damai dan harmoni tanpa mengira bangsa, keturunan dan agama. Sesungguhnya rakyat di negara ini sepatutnya bersyukur dengan segala nikmat yang telah diberikan oleh Allah ini dan sewajarnya lah kita menjaga keharmonian antara rakyat pelbagai kaum di negara ini.

Perkara ketiga, Perlembagaan Persekutuan menyebut bahawa Islam adalah agama bagi persekutuan tetapi agama lain boleh di amalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian persekutuan. Sehubungan dengan itu saya ingin menyatakan sokongan di atas apa juga langkah untuk memartabatkan dan memperkasakan mahkamah syariah di negara ini termasuk pindaan Rang Undang-undang 355 (RUU355) yang terpakai khusus untuk umat Islam dan tujuannya untuk menaikkan hukum maksimum penjara dari tiga tahun kepada 30 tahun, denda dari RM5,000 kepada RM 100 ribu dan sebatan syarie dari enam kali kepada 100 kali. Walaupun ianya di bentangkan

sebagai rang undang-undang ahli persendirian *Private Members' Bills*, dengan izin, di Dewan Rakyat, tetapi adalah perlu umat Islam dan bukan Islam diberi penerangan yang jelas.

Sehubungan dengan itu saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan apakah langkah kerajaan bagi memberikan maklumat dan penerangan yang lebih jelas kepada umat Islam dan bukan Islam berhubung dengan pindaan Rang Undang-undang 355 ini supaya pindaan Rang Undang-undang 355 ini tidak di manipulasi dan di jadikan dagangan politik murahan.

Seterusnya saya ingin menyentuh mengenai dakwaan bahawa melawat Masjid Al Aqsa dan Baitul Maqdis dan hukum menjalankan perniagaan pelancongan ziarah ke Masjid Al-Aqsa dan Baitul Maqdis sebagai haram.

■1230

Semenjak kebelakangan ini telah *viral* bahawa melawat Masjid Al-Aqsa dan Baitul Maqdis adalah haram atas alasan Al-Aqsa dalam kawalan Zionis Israel. Sebagaimana maklum, Masjid Al-Aqsa adalah masjid ketiga terpenting dalam Islam sebagaimana dalam hadis sahih Bukhari bahawa Rasulullah bersabda, "*Tidak dituntut untuk kamu menziarahi mana-mana masjid kecuali tiga masjid iaitu Masjid Al-Haram, Masjid Nabawi dan Masjid Al-Aqsa*".

Kita tidak mahu umat Islam keliru dan dikelirukan dengan pelbagai pandangan dan fatwa. Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan. Apakah fatwa atau hukum melawat ke Masjid Al-Aqsa dan Baitul Maqdis bagi masa ini dan apakah hukumnya menjalankan perniagaan pakej lawatan berkenaan?

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan pada masa ini terdapat kekurangan mesin hemodialisis di seluruh negara. Sehubungan dengan itu, saya ingin mencadangkan dan menyarankan agar Jabatan Agama Islam Negeri dan Majlis Agama Negeri memperuntukkan sebahagian kutipan zakat dan wakaf untuk mewujudkan lebih banyak pusat hemodialisis di seluruh negara dan membekalkan mesin hemodialisis serta rawatan hemodialisis memandangkan keperluan mendesak pada masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian yang kedua ialah Kementerian Pendidikan. Keduanya saya ingin menyentuh berhubung dengan Kementerian Pendidikan sebagai bekas pendidik. Hal pendidikan ini bagi saya, dekat di hati saya, sudah menjadi darah daging. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan yang terus memastikan kejayaan cemerlang anak-anak pelajar dalam UPSR, PT3, SPM dan STPM 2016. Dalam peperiksaan SPM 2016 umpamanya, telah mencatatkan indeks Gred Purata Nasional (GPN) 5.10 iaitu lebih baik dengan perbezaan 0.05 berbanding 5.15 pada tahun 2015.

Lebih membanggakan lagi prestasi calon luar bandar yang terus meningkat dari jurang GPN antara calon bandar dengan luar bandar mengecil kepada 0.47 berbanding 0.50 pada tahun 2015. Bagaimanapun, hanya 102 atau 1.94 peratus sahaja calon SPM 2016 yang mendapat keputusan A+ dalam semua mata pelajaran berbanding 163 calon atau 2.6 peratus pada tahun 2015. Mereka adalah sebahagian daripada 8,647 atau 2.13 peratus calon meraih pencapaian cemerlang A+, A dan A- dalam semua subjek merosot berbanding 9,721 ataupun 2.38 peratus pada SPM 2015.

Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan. Pertama, punca pencapaian yang menurun dari segi semua A+ dalam bilangan untuk mencapai

kecemerlangan dan kedua, apakah sasaran atau *target* pencapaian bagi SPM 2017 ini? Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan atas pencapaian yang membanggakan dalam peperiksaan STPM 2016 yang mencapai Purata Gred Nilai Keseluruhan (PNGK) 2.71 berbanding 2.65 tahun 2015. Pencapaian ini adalah kejayaan yang terus meningkat dari tahun ke tahun iaitu 2.62 pada tahun 2014 dan 2.57 pada tahun 2013.

Lebih membanggakan, calon yang memperoleh PNGK empat juga bertambah kepada 565 calon atau 1.31 peratus berbanding 335 calon dalam tahun 2015. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua guru, pegawai dan kakitangan Pejabat Pendidikan Daerah dan negeri juga ibu bapa serta pelajar di atas kejayaan-kejayaan ini dan berharap prestasi pencapaian SPM dan STPM akan terus meningkat bagi tahun 2017.

Berhubung dengan pendidikan, saya ingin menyentuh tentang dasar pendidikan negara kita yang mempunyai pelbagai aliran seperti aliran kebangsaan, Cina dan Tamil. Keadaan ini adalah dikatakan sebagai punca kurangnya perpaduan di kalangan rakyat negara ini. Asasnya kita menerima hakikat kepelbagaian bangsa, bahasa dan budaya di negara sehingga perlunya mewujudkan sekolah pelbagai aliran bahasa ini. Bagaimana pun Kementerian Pendidikan adalah bertanggungjawab bagi mengukuhkan perpaduan di kalangan rakyat negara ini bermula dari usia muda lagi terutama semenjak di peringkat sekolah rendah lagi.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Kementerian Pendidikan. Apakah langkah yang diambil bagi menanamkan dan menyuburkan semangat perpaduan di kalangan pelajar di negara ini? Apakah kaedah dan pendekatan kementerian bagi menggunakan kepelbagaian sekolah yang ada sekarang ini untuk membina perpaduan negara dan integrasi nasional yang lebih kukuh?

Tuan Yang di-Pertua, ketiga saya ingin menyentuh berhubung dengan Kementerian Pendidikan Tinggi. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan Tinggi yang telah mencapai pelbagai kejayaan di dalam bidang pengajian tinggi khususnya mencapai pencapaian universiti awam kita dalam *world ranking university*, *QS World University Ranking* bagi tahun 2017 merekodkan 11 bidang di IPT berada di kedudukan 50 terbaik dunia. *QS World University Ranking* juga mencatatkan hampir kesemua universiti awam telah meningkat prestasi kecuali USM, UIA, UiTM dan UUM.

Universiti Malaya mencatatkan kedudukan ke-133 pada tahun 2016 berbanding 146 pada tahun 2015. UPM berkedudukan 270 pada tahun 2016 daripada 331 pada tahun 2015. UTM kedudukan 288 pada tahun 2016 daripada 303 tahun 2015 dan UKM berkedudukan 302 tahun 2016 daripada 312 tahun 2015. Manakala USM mencatatkan penurunan sebanyak 41 mata daripada 289 pada tahun 2015 kepada 330 pada tahun 2016. Lebih mendukacitakan, Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) terus merosot dari kedudukan antara 551 ke 600 pada tahun 2015 kepada 601 hingga 650 pada tahun 2016. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apakah punca kemerosotan ranking bagi Universiti Sains Malaysia (USM) dan UIAM? Apakah langkah kerajaan khususnya UIA, UiTM dan UM bagi meningkatkan ranking pada masa hadapan? Apakah langkah bagi memantapkan lagi pengurusan universiti-universiti yang berkedudukan di bawah 500?

Saya berharap kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan Tinggi memandang serius kedudukan universiti-universiti yang terus tercicir ini terutamanya dari segi pengurusan dan pentadbiran universiti-universiti berkenaan. Berhubung dengan pendidikan tinggi, saya ingin menyentuh berhubung dengan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang telah ditubuhkan pada 1 Julai 1997 dan mula beroperasi pada 1 November 1997 iaitu kira-kira 20 tahun yang lalu. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang berpandangan jauh dengan menubuhkan PTPTN dan bagi menyediakan pembiayaan pendidikan di peringkat diploma dan ijazah bagi pelajar IPTA dan IPTS.

Langkah kerajaan ini telah membuka peluang yang luas kepada pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi tanpa mengira bangsa dan keturunan. Saya ingin mendapatkan penjelasan jumlah peminjam terkini dan jumlah tunggakan pinjaman yang belum dikutip. Apakah langkah PTPTN untuk memastikan tunggakan pinjaman dapat dikutip sepenuhnya? Apakah kaedah dan pendekatan PTPTN bagi memastikan peminjam PTPTN membayar balik pinjaman mengikut jadual yang ditetapkan? Berhubung dengan PTPTN ini juga, saya ingin mendapat penjelasan bilangan pelajar dan jumlah pinjaman yang dikecualikan untuk pembayaran balik sebagai insentif kepada pelajar yang mendapat kelas pertama dari IPTA dan IPTS.

Adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula insentif ini kepada pelajar-pelajar IPTS termasuk menghentikan insentif ini memandangkan taraf kelulusan IPTS yang lebih rendah berbanding universiti awam dan kos pengajian yang tinggi di IPTS serta pelajar sendiri yang memilih untuk mengikut pengajian di IPTS antaranya disebabkan keputusan peperiksaan yang rendah.

■1240

Di samping itu, kerajaan juga perlu memastikan tabungan yang mencukupi di dalam PTPTN untuk meneruskan pembiayaan pembelajaran kepada generasi seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pendidikan tinggi ini, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia berhubung dengan keadaan anak-anak kita yang sedang belajar di universiti-universiti dari segi tekanan kos sara hidup yang tinggi yang terpaksa mereka alami. Harga makanan di kafe dikatakan agak tinggi, malah ada yang lebih tinggi dari harga di luar kampus. Pembiayaan yang diterima dari PTPTN, JPA dan badan lain tidak semuanya meliputi makan minum. Saya mengalu-alukan langkah sesetengah universiti dan alumni yang membantu pelajar dengan mengadakan program *Soup Kitchen* dan *Suspended Meal* kepada pelajar yang memerlukan. Saya difahamkan tiket dan kupon, contohnya RM5 akan diletakkan di kafe atau kantin bagi pelajar yang memerlukan, hanya perlu mengambil tiket dan kupon berkenaan dan ditukarkan dengan makanan atau minuman yang disediakan.

Saya juga tertarik dengan inisiatif di bawah program *Glitters* yang dijalankan di UIAM melalui bantuan bulanan antara RM200 hingga RM300 daripada mentor atau penaja kepada mentee iaitu pelajar terdiri daripada 150 orang pelajar yang kurang berkemampuan dan mempunyai pencapaian cemerlang dalam CGPA 3.0 ke atas dan menerima sumbangan makanan dari program *Soup Kitchen* setiap Isnin, Rabu dan Jumaat. Program seumpama ini memberikan harapan kepada pelajar untuk terus *survive* dalam pelajaran dan kehidupan sebagai pelajar. Setiap dua bulan sekali mentee akan mengemas kini kemajuan pelajaran mereka. Masih terdapat ramai pelajar di UIA yang

memerlukan bantuan di bawah program *Glitters* ini. Saya menyeru ramai lagi mentor atau penaja yang sudi menyertai program *Glitters* yang dianjurkan oleh Alumni UIAM ini. Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, apakah langkah yang diambil kerajaan bagi meringankan beban kos sara hidup siswa siswi di universiti awam? Apakah kerajaan bercadang menyediakan kupon makanan kepada pelajar yang memerlukan, khususnya melalui Program Wakaf Tunai Pendidikan?

Tuan Yang di-Pertua, keempat saya ingin menyentuh berhubung dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Tuanku dalam Titah Baginda menekankan betapa pentingnya keseimbangan antara kemajuan dan kesejahteraan masyarakat. Institusi keluarga adalah penting dalam pembangunan negara dan kesejahteraan keluarga perlu diukur untuk menentukan kemajuan sesebuah keluarga. Saya difahamkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah membangunkan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia. Melalui Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) tahun 2011 lalu dengan pencapaian keseluruhan 7.55 peratus berdasarkan tujuh domain iaitu antaranya domain agama dan kerohanian, keselamatan keluarga, kesihatan keluarga, keluarga dan persekitaran dan ekonomi keluarga.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan, khususnya KPWK dan LPPKN yang telah lima tahun berjaya membangunkan pula Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia (IKK) 2016 yang lalu iaitu dengan pencapaian keseluruhan 7.33 peratus. Saya ingin mendapatkan penjelasan iaitu perbezaan pencapaian keseluruhan IKK bagi 2011 dan 2016.

Sejauh manakah ia memberi impak atau gambaran kesejahteraan keluarga negara secara keseluruhannya? Sejauh manakah penemuan dan kesimpulan dalam Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia ini digunakan dalam penggubalan dasar dan polisi kerajaan bagi perancangan pembangunan negara? Seterusnya, berhubung dengan wanita, saya ingin menyentuh berhubung dengan dasar 30 peratus wanita dalam peringkat pembuat keputusan di sektor awam dan swasta yang telah diperkenalkan semenjak tahun 2004 lagi. Agak membanggakan juga sasaran untuk mencapai 30 peratus wanita dalam peringkat pembuat dasar di sektor awam telah tercapai sebanyak 33 peratus, manakala di sektor swasta tercapai hanya 19 peratus sahaja.

Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, apakah kekangan atau halangan bagi mencapai sasaran 30 peratus wanita dalam membuat keputusan di sektor swasta? Apakah sasaran kerajaan bagi pembuat keputusan di sektor awam, khususnya menjelang tahun 2050 selari dengan Wawasan TN50?

Bilangan penduduk wanita hampir separuh penduduk negara ini, peratus pelajar wanita di institut pengajian tinggi juga mencapai 65 peratus berbanding hanya 35 peratus pelajar lelaki. Begitu pun hanya 45 peratus sahaja graduan wanita yang akan menyertai bidang pekerjaan, penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan masih terhad. Penglibatan tenaga kerja wanita sebanyak 46.6 peratus pada tahun 2009 dan 53.6 peratus pada tahun 2014, tenaga kerja wanita meningkat sebanyak 1.4 peratus kepada 55 peratus pada tahun 2015. Peningkatan ini adalah didorong oleh pelbagai inisiatif untuk meningkatkan penyertaan wanita melalui amalan tempat kerja yang lebih baik. Antaranya insentif cukai dan menggalakkan majikan menyediakan latihan dan mengambil

semula wanita yang telah keluar dari pasaran tenaga kerja dan geran pengubahsuaian dan kelengkapan pusat penjagaan kanak-kanak di pejabat kerajaan. Kajian mendapati 67.1 peratus wanita yang tidak menyertai sektor pekerjaan adalah atas alasan keluarga.

Saya ingin mencadangkan agar dasar inklusif untuk wanita dilaksanakan bagi meningkatkan lagi penyertaan wanita di sektor pekerjaan, termasuklah peraturan-peraturan dan skim perkhidmatan yang lebih fleksibel dan anjal kepada wanita.

Saya mengalu-alukan langkah kerajaan memperkenalkan cuti bersalin selama 90 hari kepada penjawat awam yang memberi manfaat kepada 1.3 juta penjawat awam. Namun, bagaimana pula nasib 3.7 juta pekerja wanita di sektor swasta? Saya menyarankan agar Kementerian Sumber Manusia menyemak Akta Pekerjaan 1955 supaya memberikan harapan kepada semua pekerja wanita di sektor swasta. Penyertaan 30 peratus wanita juga harus merangkumi penyertaan dalam politik supaya suara wanita dapat didengari memandangkan bilangan pengundi wanita berdaftar adalah 50.2 peratus dan amat signifikan bagi negeri-negeri di Pulau Pinang, Perak dan Terengganu. Harus juga diingat peratus pengundi wanita yang keluar mengundi adalah lebih tinggi berbanding dengan pengundi lelaki.

Bilangan Ahli Parlimen wanita di Dewan Rakyat masa kini dianggarkan hanya 10.4 peratus sahaja berbanding sebelum ini 2.9 peratus pada tahun 1959, 5.3 peratus pada 1990, 7.3 peratus pada tahun 1995, 10.4 peratus pada tahun 1999, 9.6 peratus pada tahun 2004, 10.4 peratus pada tahun 2008 dan 10.4 peratus pada tahun 2012. Bilangan Ahli Dewan Negara wanita masa kini hanya 12 peratus sahaja.

Telah tiba masa dan waktunya, harapan baru kepada rakyat untuk menyaksikan lebih ramai suara wanita di Dewan Rakyat dan Dewan Negara bagi menyuarakan pelbagai isu berkaitan wanita, anak-anak dan keluarga serta keganasan rumah tangga dan sebagainya. Kerusi yang diperlukan kepada wanita bagi Parlimen Asia Tenggara pada tahun 2012 adalah sebanyak 17.8 peratus berbanding Malaysia hanya 10.4 peratus. Rwanda mempunyai 56.3 peratus perwakilan Parlimen wanita mengatasi Sweden yang sebelum ini merekodkan 47.3 peratus Ahli Parlimen wanita. Dalam hubungan ini, saya ingin mencadangkan agar sistem kuota 30 peratus untuk perwakilan wanita dalam politik diperkenalkan di negara ini. Langkah ini akan meningkatkan pernyataan dan perwakilan wanita dalam politik serta memperhebatkan perjuangan wanita dalam membela nasib wanita, keluarga dan masyarakat dan seterusnya menyumbang lagi kemajuan negara secara menyeluruh dan holistik.

■1250

Tuan Yang di-Pertua, berhubung KPWKM ini saya ingin juga menyentuh berhubung dengan warga emas negara kita dijangka akan menjadi negara tua menjelang tahun 2035 apabila 15 peratus daripada penduduk negara ini akan menjadi warga emas iaitu berusia 60 tahun dan ke atas termasuk saya. Kebanyakan warga emas ini adalah pesara yang tidak mempunyai pekerjaan serta berpendapatan rendah. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan khususnya KPWKM adakah kerajaan mempunyai pangkalan data mengenai butir-butir warga emas ini dari segi nama, lokaliti serta kedudukan ekonomi dan kesihatan mereka. Sejauh manakah dasar warga emas negara dan pelan tindakan warga emas negara benar-benar memberikan harapan dan dapat membela warga

emas? Apakah langkah yang berkesan dan praktikal dalam memastikan kebajikan warga emas terbela dan terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh berhubung dengan Kementerian Kesihatan...

Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencelah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat.

Saya ingin bertanyakan pendapat Yang Berhormat mengenai warga emas yang miskin terutama yang berada di luar bandar di mana kerajaan atau Jabatan Kebajikan Masyarakat memberi elaun kepada warga emas miskin yang tidak ada waris dan tidak ada anak sebanyak RM300. Jadi saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat setuju RM300 ini kita perlu naikkan sama ada RM400 atau RM500. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YBM. Engku Naimah binti Engku Taib: Sudah lama juga saya juga turut mengatakan bahawa RM300 ini memang tidak cukup. Apabila rata-rata kita berjalan ke kampung sebagai ketua wanita, maka kita akan melihat bahawa ini memang tidak cukup. Lebih menyedihkan lagi apabila RM300 ini dipotong. Ada kalanya dilihat bahawa rumahnya besar yang rumah pusaka didiami oleh warga emas ini yang dikatakan mereka ini berupaya dan elaun ini ditarik balik. Ini lebih menyedihkan lagi. Saya harap pihak kerajaan boleh menimbang tara di antara RM400 hingga RM500 saya rasa lebih wajar untuk keadaan sekarang. Setuju?

Seterusnya saya ingin menyentuh berhubung Kementerian Kesihatan Tuanku dan Titah Baginda...

Dato' Dr. Johari bin Mat: Boleh Yang Berhormat?

YBM. Engku Naimah binti Engku Taib: ...Menyentuh berhubung dengan keprihatinan baginda dengan peningkatan dan...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Mohon mencelah. Terima kasih. Saya rasa saya tertarik Tuan Yang di-Pertua berhubung dengan ucapan Yang Berhormat Engku Naimah, dan khasnya berhubung dengan warga emas diberi perhatian. Kebetulan saya ramai dalam Dewan ini termasuk golongan yang warga emas. Soalannya, saya sangat bersetuju supaya insentif tadi dilihat semula berhubung dengan bantuan yang diberikan. Kalau kita sekiranya orang miskin, kita beri RM300 tidak mengeluarkan dia daripada kemiskinan. Maknanya kita terus mengekalkan dia miskin sedangkan matlamat kita kerajaan adalah untuk mengeluarkan masyarakat daripada kemiskinan. Oleh sebab itu kita perlu memikirkan cara yang berkesan bagaimana hendak mengeluarkan sebahagian daripada masyarakat walaupun mereka sudah tua, tidak apa jangan miskin dan boleh membantu orang lain kalau dia kaya.

Kedua, saya semalam tertarik dengan Yang Berhormat Abdul Shukor, dia kata anak yatim RM8 sahaja? Sejumlah RM8 hendak makan apa? Sudah serupalah warga emas dapat RM300 sahajalah. Jadi dalam hubungan ini saya bersetuju sangat supaya dikaji dan buat penelitian apa-apa yang telah disebut di dalam Dewan ini supaya terbela.

Saya dengar Yang Berhormat Abdul Shukor banyak kali membangkitkan hal yang serupa tetapi saya tidak sebut berapa banyak kali. Jadi apabila kali ini juga dibangkit maka saya rasa tidak

ada apa-apa tindakan yang telah diambil. Jadi saya mengharapkan pihak yang berkenaan kementerian dan kerajaan perlu memberi perhatian yang serius terhadap rungutan atau pandangan atau juga yang dibangkit di dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

YBM. Engku Naimah binti Engku Taib: Terima kasih yang dikasihi Yang Berhormat Dato' Dr. Johari. Tuanku dalam Titah Baginda menyentuh berhubung dengan keprihatinan baginda dengan peningkatan membimbangkan bagi kes penyakit tidak berjangkit atau *Non-Communicable Disease* (NCD) seperti diabetes, paras kolesterol yang tinggi dan hipertensi.

Terdapat juga penyakit yang berpunca daripada rokok, alkohol, obesiti, kanser dan *cardiovascular*. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan setakat manakah keseriusan Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) ini di negara kita? Apakah langkah kerajaan bagi menyedarkan rakyat tentang bahaya NCD ini?

Salah satu kesan daripada diabetes adalah kerosakan buah pinggang yang menyebabkan pesakit memerlukan rawatan hemodialisis. Saya ingin mendapatkan penjelasan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bilangan pesakit buah pinggang pada masa kini dan jumlah pesakit yang memerlukan rawatan hemodialisis. Setakat ini berapakah jumlah pusat hemodialisis kerajaan dan swasta terdapat masa kini? Saya difahamkan mesin hemodialisis ini tidak mencukupi. Apakah langkah kerajaan dan KKM bagi mengatasi masalah ini?

Berhubung dengan kesihatan ini juga, saya ingin menyentuh berhubung dengan saringan kesihatan di pintu-pintu masuk negara ini. Saya membangkitkan perkara ini kerana mendapatkan kebimbangan masyarakat berhubung dengan peningkatan kes jangkitan Tuberkulosis (TB). Penyakit TB telah menjadi pembunuh nombor satu di Malaya pada tahun 1945 hingga tahun 1955. Semenjak tahun 1991 penyakit TB ini dianggap telah terkawal dan Malaysia dikategorikan sebagai sebuah negara dengan beban penyakit TB sederhana.

Walau bagaimanapun sejak tahun 1995, kes-kes baru TB meningkat dan kemuncaknya sebanyak 15,051 kes dilaporkan pada tahun 2000. Semenjak akhir-akhir ini bilangan kes TB terus meningkat berpunca daripada kehadiran pendatang tanpa izin (PATI). Bilangan pesakit yang disaring penyakit TB telah meningkat daripada 35,000 pada tahun 2010 kepada 113,000 pada tahun 2015. Keadaan ini amatlah kritikal, maka saringan kesihatan di pintu-pintu negara perlu diperketat lagi. Saya ingin mendapatkan penjelasan KKM apakah status terkini kes TB di negara ini? Apakah langkah kawalan yang telah diambil bagi mengatasi jangkitan TB daripada terus merebak?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh bahawa berhubung dengan Kementerian Belia dan Sukan sebagai mediator untuk Transformasi Nasional 2050 atau (TN50). Sesungguhnya wawasan atau gagasan yang dicetuskan idea oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah tepat waktunya sebagai kesinambungan wawasan negara sebelum ini. Memeta dan merangka hala tuju negara bagi tempoh 30 tahun selepas tahun 2020 adalah amat penting memandangkan keadaan dan kemajuan global yang sangat berbeza serta *futuristic*.

Dalam hubungan ini, TN50 adalah berpaksikan rakyat di mana cadangan dan pandangan rakyat akan di terima melalui dialog TN50 yang dilaksanakan oleh KBS. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan selain dialog, apakah mekanisme yang digunakan bagi memastikan segala idea, aspirasi rancangan dan rakyat terutama golongan muda dapat dikumpulkan dan dinilai

memandangkan TN50 adalah satu gagasan negara maka ia akan merangkumi pelbagai aspek seperti ekonomi, pendidikan sosial dan politik. Apakah *framework* dan *psychological foundation* bagi TN50 ini agar sasaran dan *target* yang jelas dapat dikenal pasti.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Baginda turut menyentuh berhubung dengan lawatan Raja Salman bin Abdulaziz Al Saud, penjaga dua masjid suci dan Raja Arab Saudi ke Malaysia pada 26 Februari hingga 1 Mac 2017 lalu bersama 600 orang delegasi. Lawatan Raja Salman ini telah mengukuhkan hubungan kedua-dua negara termasuk hubungan tahap tertinggi. Hasil lawatan ini kuota jemaah haji telah dinaikkan kepada lebih 30,000 orang jemaah haji tahun ini. Kerajaan Malaysia juga memohon dua pusat jemaah haji berhampiran Masjidil Haram dan Masjid Nabawi.

Malaysia dan Arab Saudi telah menandatangani memorandum persefahaman dalam bidang kerjasama, ekonomik, saintifik dan pendidikan tenaga kerja dan sumber manusia serta pertukaran berita. Selain itu syarikat petroleum Arab Saudi, Aramco dikatakan akan melabur sebanyak RM31 bilion. Sesungguhnya lawatan Raja Arab Saudi ini memberikan impak yang besar kepada negara dari segi kepentingan agama Islam, ekonomi, pendidikan dan sebagainya.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan bilangan pelajar Malaysia di Arab Saudi dan penyertaan rakyat Malaysia di bidang ekonomi dan pekerjaan di Arab Saudi. Apakah potensi untuk menghantar lebih ramai rakyat Malaysia untuk bekerja di Arab Saudi? Tuan Yang di-Pertua akhirnya saya ingin menyentuh...

Dato' Dr. Johari bin Mat: Boleh hendak mencelah sedikit?

YBM. Engku Naimah binti Engku Taib: Ya, ya.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Sikit sahaja. Tuan Yang di-Pertua, apabila sebut berhubung dengan kuota haji ini ramai orang Malaysia menunggu lama untuk pergi haji. Jadi saya hendak minta kalau boleh masukkan soalan saya ini bersekali? Setelah kuota ini dinaikkan, daripada tahun lepas ke tahun ini dalam 30,000 orang jemaah haji, berapa lagi dijangka berapa lama jangka seorang yang mendaftar untuk hendak pergi haji. Terima kasih.

YBM. Engku Naimah binti Engku Taib: Okey Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Johari. Akhirnya saya ingin menyentuh berhubung dengan usaha ke arah mentransformasikan Parlimen Malaysia. Sebagai Ahli Dewan Negara saya amat mengalu-alukan cadangan untuk mentransformasikan Parlimen bagi memperkasakan lagi institusi Parlimen sebagai sebuah institusi unggul perundangan negara. Saya ingin mencadangkan pertamanya kerajaan mengkaji keperluan untuk tambahan seorang lagi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan di Dewan Negara...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

YBM. Engku Naimah binti Engku Taib: ...Memandangkan bebanan tugas yang semakin bertambah.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, lama lagi?

YBM. Engku Naimah binti Engku Taib: Ya, sedikit sahaja lagi. Boleh saya teruskan sedikit Tuan Yang di-Pertua? Sedikit sahaja lagi. Dalam dua minit sahaja, boleh ya. Keduanya, kerajaan mengkaji sejauh manakah kemungkinan untuk menambah tempoh perkhidmatan Ahli Dewan Negara dari tiga tahun kepada lima tahun, setuju? Amin, *alhamdulillah* lah.

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara] [Ketawa]*

YBM. Engku Naimah binti Engku Taib: 20 minit, tambah lagi. Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengakui bahawa negara ini ditadbirkan dengan baik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan memastikan kesejahteraan rakyat terjamin, mendahulukan kebajikan rakyat dan membawa kemajuan menurut aspirasi rakyat serta mengekalkan ekonomi negara terus mapan, terus bergerak menuju negara maju berpendapatan tinggi melangkaui tahun 2050. Ketelusan dan keterusan negara hari ini bukan sahaja membuktikan pembinaan negara bertanggungjawab, malah melaksanakan tanggungjawab.

Pimpinan hari ini memberikan harapan masa hadapan yang lebih gemilang. Pimpinan kerajaan hari ini memberikan harapan bukan sahaja kepada rakyat yang sedia ada tetapi generasi masa depan negara, inilah negeri *baldatun thayyibatun wa rabbun ghafur* iaitu negeri yang aman, baik, aman dan makmur dan mendapat keampunan Allah. Inilah negaraku, negara Malaysia tercinta. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat YBM. Engku Naimah binti Engku Taib. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya melihat, mendengar dan meneliti tiap-tiap patah yang disuarakan oleh warga saya Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya dapat tahu bahawa tiap-tiap peristiwa yang dijadikan itu ada hikmahnya. Baiklah, kita tengok juga tadi.

*Nasi lemak berlauk sotong,
Sotong dibeli berikat-ikat,
Bulat air kerana pembedung,
Bulat manusia kerana muafakat.*

Nampak itu dia tadi, saya nampak. Muafakat. Kita punya Yang Berhormat tadi, kita tengok Yang Berhormat Engku Naimah bin Taib bercakap, bercakap jiran sebelah dia tadi iaitu Yang Berhormat Senator Tuan Chia Song Cheng, sibuk ambil gambar dia, gambar dia macam ada kemesraan muhibah, nampak. Ada enam, tiga kali tadi Yang Berhormat nampak ya.

Saya juga tadi tengok tadi saya kata yang pernah saya katakan dahulu Perdana Menteri selalu cakap hidup harmoni berpaksikan kepada, 'yang tua dihormati, yang muda dikasihi'. Itu dia. Saya tengok dan perhatikan satu-satu tiba-tiba sahaja saya tengok tadi Seputeh, Yang Berhormat Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff masih ada dan masuk pula soalan daripada Batu, Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani pun masuklah selepas itu, hormati pada orang tua itu ya, dihormati.

Selepas itu Yang Berhormat Gombak pun masuk, Yang Berhormat Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin masuk selepas itu masuk pula orang bernama Yang Berhormat Tan Sri Nallakaruppan. Ini ialah hasil daripada yang tua dihormati. Dia tahu orang tua yang mempengerusikan- supaya muhibah ini berlaku, dan saya minta supaya Dewan kita sentiasa penuh, itu saya minta. Nampak tadi ada kita punya wakil mencadangkan lima tahun, nampak itu. Jadi macam-macam, kita doalah ya.

Jadi pagi ini saya sukacita nampak perbahasan yang baik, hujah yang bagus berpaksi kepada harmoni dan saling mengerti-erti. Jadi dengan itu Ahli Yang Berhormat, jam sudah pukul 1 lebih, saya tangguhkan Mesyuarat hingga pukul 2.30 petang. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.05 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

■1450

Tuan Yang di-Pertua: Sambung perbahasan. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim. Tidak ada. Yang Berhormat Senator Tuan Chia Song Cheng. Semua tidak ada?

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: *[Berjalan masuk ke dalam Dewan]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim itu Yang Berhormatkan?

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Saya.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

2.33 ptg.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat petang, salam Negaraku Malaysia, salam sehati sejiwa. Yang dikasihi Tuan Yang di-Pertua yang baik hati dan saya tengok ada *talent* untuk naik lagi. Saya, kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kalau boleh Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim bercakap bahasa surat sedikit, dia takut Tuan Yang di-Pertua pun tidak faham. Ini sebab Tuan Yang di-Pertua daripada MIC, saya daripada UMNO. Jadi dia kata biar sama faham. Tuan Yang di-Pertua cakap faham, saya pun cakap biar Tuan Yang di-Pertua faham. Hari ini saya hendak berpantun sedikitlah.

*Tahun Islam tahun Masihi,
Setiap hari sibuk kerja,
Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi,
Mohon bahas ucapan Titah Diraja.*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Cuma dalam perbahasan ini saya hendak junjung terima kasih kepada Seri paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang ke-15, Sultan Muhammad V. Lebih-lebih lagi beliau daripada negeri Kelantan, saya amat bangga dan rasa bertuah menjadi Ahli Dewan Negara di waktu Sultan Muhammad V menjadi Yang di-Pertuan Agong negara.

Saya juga hendak berterima kasih banyak kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia kerana di bawah kepimpinannya banyak membantu rakyat negara ini walaupun difitnah, dibangkang dan segala-galanya dibuat kepada Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak tetapi *alhamdulillah* Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak hari ini dilihat segar dan terus sihat untuk terus tadbir negara walaupun di Pulau Pinang, Kelantan, Selangor di bawah pemerintahan pembangkang tetapi bajet dan keperluan negeri bukan sahaja dikurangkan bahkan bertambah.

Seperti mana kata Yang Berhormat Mohan semalam, dia kata minta Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak utamakan negeri-negeri di bawah pembangkang.

Sebenarnya kalau di Penang sekalipun kita tengok dari segi belanjawan melebihi daripada peruntukan. Malah negeri Pulau Pinang sendiri pun mendapat peruntukan yang lebih daripada biasa. Jadi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Pada zaman Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak inilah, banyak bantuan sumbangan pertolongan diberi kepada rakyat. Kalau kita tengok makin banyak sumbangan, makin banyak bantuan, makin banyak pertolongan diberi oleh Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri makin banyak kecaman, fitnah, dilemparkan, dilontarkan oleh pihak pembangkang.

Tujuan sebenar tidak lain, kalau pada zaman Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak ini slogannya, "Rakyat Didahulukan". Kalau pembangkang tidak bangkang, tidak kata zalim kejam maka ini akan melenyapkan cita-cita dia untuk menjadi pemerintah kepada negara ini. Saya yakin dan amat percaya pada zaman Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak ini saya amat yakin dan percaya, jangan harap pembangkang untuk memerintah negara ini selagi orang Melayu bersatu padu di bawah UMNO dan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya tengok bila isu-isu permasalahan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan Negara, saya hendak pihak kementerian memberi jawapan, saya tidak dengar lagi kaji timbang, kaji timbang. Setiap kali sesi, kaji timbang, kaji timbang. Saya hendak benda ini jawab *yes or no*, boleh atau tidak boleh. Ini sebab kita lebih-lebih lagi dekat pilihan raya ini dalam ini ada empat, lima orang Ketua Bahagian, hendak jawab dengan rakyat. Kita dok main kaji timbang, kaji timbang. Sekali tanya kaji timbang, kaji timbang. Saya hendak biar kalau boleh, boleh, tidak boleh, tidak boleh. Jadi senang kita hendak jawab dengan rakyat. Kalau kita main di sini kaji timbang, kita dengan rakyat pun dok main jawab kaji timbang, kaji timbang. Saya rasa pilihan raya sudah dekat ini jadi agak rumit sedikit rakyat untuk yakin kepada kita, Kerajaan Barisan Nasional.

Bercakap mengenai ini juga kaji timbang, kaji timbang ini, saya sudah bangkit banyak kali soal Hospital Pasir Mas. Menteri sudah jawab kaji timbang, *until now*, dengan izin, sampai sekarang pun kita tengok dari segi layanan kepada masyarakat, kepada rakyat masih sama, tidak berubah lagi. Hari itu Timbalan Menteri jawab kaji timbang, kaji timbang, selama mana hendak kaji dia hendak timbang. Jadi benda ini saya minta pihak Kementerian Kesihatan mengambil tindakan tegas, letak dekat sana satu bulan unit naziran, tengok bagaimana. Saya rasa perkara ini bukan sahaja berlaku di Hospital Pasir Mas, di hospital-hospital lain pun jaga. Ini sebab rakyat yang pergi ke hospital kerajaan ini kebanyakannya orang yang pendapatannya kurang, pendapatan rendah ataupun orang yang tidak mampu, terdiri daripada mereka yang tidak mampu.

Jadi kebanyakan di luar-luar bandar ini yang menyokong Kerajaan Barisan Nasional ialah terdiri daripada mereka-mereka daripada luar bandar. Jadi saya minta perkara ini pihak Kementerian Kesihatan buat kajian dan hantar unit naziran tengok bagaimana keadaan, layanan pesakit di unit-unit kecemasan hospital. Ini pihak Kementerian Kesihatan kena ambil tindakan betul. Jangan kaji tengok, kaji tengok sahaja, ini dekat pilihan raya, bahaya kepada Kerajaan Barisan Nasional. Sebab rakyat hendak sokong kita ini. Kadang-kadang sedikit punya hal, dia jadi putus angin, balik dia menentang kerajaan.

■1440

Jadi saya minta Kementerian Kesihatan supaya membuat kajian terperinci dan menghantar unit naziran ke setiap unit kecemasan di hospital bukan sahaja di Pasir Mas tetapi di seluruh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Titah Diraja juga, Yang di-Pertuan Agong mahukan negara ini sentiasa berada dalam keadaan aman dan Yang di-Pertuan Agong memberi sokongan penuh kepada pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak. Ada juga di kalangan- tidak ada jugalah, pembangkang sendiri. Tadi saya dengar dan saya pun sudah tahu betapa pembangkang di Malaysia ini dia tidak jaga imej negara. Pergi luar negara *dok* buruk-burukkan kerajaan. Saya duduk sempadan dengan Thailand. Walaupun Thailand kerajaan dia menganiaya orang-orang Islam di empat wilayah Selatan Thai, tetapi rakyat dia bila datang ke Kelantan, tidak cakap pun soal kezaliman pemimpin dia.

Akan tetapi berbeza dengan kita. Kita pergi luar negara *dok* cakap hodoh. Sepatutnya jaga imej negara. Memang pembangkang Malaysia ini tidak ada kelas. Tidak ada kelas. Patut imej negara, pergi luar negara cakap- permasalahan kita dalam negara sahaja, jangan dibawa ke luar negara. Sampai pergi ke Taiwan. Bila Taiwan hendak melabur dekat RAPID, cakap tidak boleh, Dato' Najib panggil *you* melabur ini kerana hendak mempertahankan dia sebagai Perdana Menteri. Maka Taiwan tarik *handbrake*. Nasib baik hubungan Malaysia dengan Saudi ini rapat, dapat *cover* balik.

Saya pun tidak fahamlah pembangkang di Malaysia ini. Kalau pelabur tidak masuk, dia kata Malaysia tidak laku, Malaysia ini orang tidak minat sebab kadang-kadang politik mungkin kestabilan huru-hara, tidak menjamin keselamatan pelaburan. Masuk pelabur, dia kata hendak jual negara pula. Saya pun hairanlah, tidak tahu macam mana. Apa pun, saya minta Dato' Najib teruskan. Jangan hirau soal komen pembangkang, jangan hirau soal fitnah. Dan kebanyakan orang Melayu ini- saya pun hairan sekarang ini. Fitnah ini berleluasa, dia tidak fahamkah hukum hakam? Saya rasa soal fitnah ini nanti Yang Berhormat Dato' Dr. Johari Mat boleh hurailah apa dia fitnah, apa hukum fitnah, apa dosa fitnah ini.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Minta laluan sedikit boleh? Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat. Pembangkang telah mengatakan kerajaan kita adalah satu kerajaan yang gagal ataupun *failed state*, dengan izin. Kalau kita tengok pelaburan yang kita terima daripada Arab Saudi RM31 bilion... [*Disampuk*] RM40? Dicampurkan dengan RM9.75 bilion yang terdahulu. Kalau kita tengok daripada Perancis, setelah lawatan Perdana Menteri Perancis pada bulan Mac yang lalu, kita lihat Perancis melabur di negara kita lebih kurang RM15 bilion. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat dan rombongan termasuk Tuan Yang di-Pertua mengikut rombongan Yang Amat Berhormat ke negara India, pun India juga bersetuju untuk melabur ke negara kita.

Akan tetapi yang menjadi persoalannya dan saya hendak tanya Yang Berhormat, kalau pelabur China masuk ke negara kita mereka menuduh kita sudah jual negara kita kepada orang China, kepada negara China, tetapi bagaimana kalau Arab Saudi sudah masuk melabur ke negara

kita dan bagaimana kalau India, orang India juga melabur ke negara kita? Dan sudah tentu Perancis juga melabur ke negara kita, apakah ini juga negara kita akan tergadai, terjual kepada mereka? Saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat. Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Abbas, Ketua Bahagian Batu dan juga Ahli Dewan Negara. Sebenarnya apabila China, Jerman, Perancis, Arab Saudi masuk melabur ke Malaysia ini bukan kita gagal, pembangkang yang gagal menghalang mereka masuk ke sini. Itu menunjukkan kepada kita keyakinan Arab Saudi, China, Jerman dan Perancis dan ada lagi negara-negara lain yang merasa yakin kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak. Yang gagal ialah pembangkang. Pembangkang gagal untuk menyekat dia orang masuk ke Malaysia, itu sebenarnya. Bukan Dato' Sri Najib gagal, pembangkang gagal. Pakatan Harapan gagal.

Jadi saya rasa dalam perkara ini, *insya-Allah*, dalam pilihan raya akan datang ini kita dapat *two third* dan pembangkang pun tidak banyak lagi, fitnah pun tidak banyak sudah, pembohongan pun tidak banyak lagi dan rakyat akan terus hidup aman damai dalam negara Malaysia yang tercinta ini.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap soal pembangunan yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia, saya hendak sentuh soal ECRL. Saya hendak terima kasihlah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib kerana sudah berpuluh tahun rakyat Pantai Timur ini dahagakan *transport* yang banyak memberikan kemudahan. Jadi *alhamdulillah*, zaman Dato' Najib inilah terbina, tercapai dan akan dibinanya ECRL, kereta api laju sebanyak 350 batu satu jam. Makna tiga jam sampai Kuala Lumpur. Lepas ini kapal terbang tidak laku lagi sudah, orang tidak naik lagi, sebab orang Kelantan, Terengganu ini takut jatuh kapal terbang. Jadi ECRL ini boleh menjana ekonomi Pantai Timur.

Cuma satu sahaja, semalam ada dibangkitkan permasalahan soal tanah. Soal tanah ini tidak timbul masalah. Benda ini sudah digazet dalam perlembagaan. Mana-mana tanah yang digazet untuk pembangunan negara boleh diambil alih, *land acquisition* oleh kerajaan, tidak jadi masalah.

Cuma yang jadi masalah sayanya, kenapa ECRL ini sampai ke Tumpat tidak sampai ke Rantau Panjang? Itu masalah saya. Saya pandang apa lebihnya Tumpat, apa kurangnya Rantau Panjang? Trek sudah ada, bina sahaja landasan kereta api. Ini saya hairan. Pergi Machang, Kota Bharu, Ketereh sampai Tumpat, Rantau Panjang ditinggalkan. Sedangkan Rantau Panjang ini kalau dalam bahasa Inggeris kata, *main international entrance*, jalan masuk utama antarabangsa. Tumpat laut dah lepas itu. Jadi saya minta ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tolong masukkan, jangan timbang-timbang lagi sebab trek sudah ada, *trekking* sudah ada, jalan kereta api sudah ada. Tanah sudah ada, tidak menjadi masalah tanah... *[Disampuk]* Itu pil kuda itu ikut Singapura masuk, pil kuda ini, Tuan Yang di-Pertua. Pil kuda ini KLIA pun masuk juga, tidak perlu Rantau Panjang.

Jadi saya minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri jangan timbang, jangan kaji lagi, trek sudah ada, *just* masuk sahaja. Sebab apa, Tuan Yang di-Pertua? Di Thailand sekarang ini saya tengok stesen dia, jalan kereta api memang dibina canggih sekali sebab menanti sambungannya jalan kereta api ECRL ini ke Thailand. Jadi saya minta di Dewan yang mulia ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri jangan kaji, jangan timbang, setuju terus sebab Tumpat dengan Rantau Panjang

itu lebih dekat Rantau Panjang lagi dengan Tumpat. Jadi saya minta ECRL *ending* dia di Rantau Panjang, Kelantan. Setuju?

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya pergi umrah bersama dengan keluarga. Saya bila sampai di Terminal C KLIA itu, tengah hari saya cari surau tidak jumpa. Surau tidak jumpa. Rupa-rupanya surau-surau di KLIA ini letak tersorok. Ini sebab yang rajin sembahyang. Kalau yang malas, tidak pergi sudah sebab hendak cari surau satu masalah. Surau ini dibuat zaman Mahathir, zaman Tun M. Jadi saya hendak surau pada zaman Dato' Najib ini letak di tengah-tengah supaya yang malas pun akan sembahyang, yang rajin macam saya lagi sembahyang. Betul, Tuan Yang di-Pertua.

■1450

Kalau siapa yang malas sembahyang tanya masa surau, hujung sana, hujung sana naik tangga turun tangga cari surau tidak jumpa. Kalau yang malas sembahyang memang tidak sembahyang sudah. Jadi saya hendak zaman Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib ini surau diletak di tengah-tengah macam kita pergi di Hong Kong di terminalnya ada *prayer room* di tengah-tengah, jadi kita di Malaysia sebuah negara Islam suraunya letak di hujung-hujung, sempit pula itu. Jadi saya hendak surau-surau ini ditempatkan di tengah-tengah sesuai dengan negara kita negara Islam, memperjuangkan Islam. Jadi letak di tengah-tengah.

Jadi ini tugas Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bawa benda ini, surau ubah sebab jangan pandang soal di tengah-tengah itu pusat niaga terutama, sewanya mahal, jangan pandang. Ini mahal lagi. Surau itu mahal lagi daripada berniaga. Yang Berhormat Senator Tan Sri Nallakaruppan tengok sahaja, ini sebut surau... [Disampuk]

Jadi ini Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir kena tengok supaya surau-surau ini dibuat di tengah-tengah. Jangan di tepi-tepi ceruk sempit pula itu. Hendak ambil air sembahyang pun susah. Zaman Dato' Sri Mohd. Najib ini kena memperkasakan Islam sebab Dato' Sri Mohd. Najib soal agama dia tidak ada tolak ansur. Minta derma untuk masjid, surau tidak tanya sudah terus *sign* lulus. Ini zaman Dato' Sri Mohd. Najib jadi benda ini kena baiki sebab *airport* ini dibuat zaman Tun Mahathir. Mungkin dia tidak tengok macam mana soal surau-surau di *airport* ini.

Kemudian saya hendak sentuh soal GST. GST ini Tuan Yang di-Pertua, dia hidup sepanjang masa, sebab apa bila kita pergi *supermarket* bila beli barang RM2,000 ini RM120 GST diasingkan. Jadi benda ini hidup sepanjang masa, panas sepanjang masa. Jadi kalau dahulu SST boleh masuk dalam harga belian selalu kenapa GST tidak boleh masuk dalam harga terus? Baru benda ini tidak hidup. Ini pergi beli barang, ini harga barang, ini GST. Celaka punya orang kata, ada GST. Tidak payah sebut. Ini yang menjadikan rakyat ini ingat, yang dia orang ini pembangkang ini memang setuju macam ini fasal benda itu panas. Orang kita ini walaupun sedikit dia jadi panas sebab sepanjang masa.

Jadi yang ini saya minta Menteri KPDNKK masuk dalam harga terus tidak kira berapa pun. Kalau RM2,000, RM2,000. Kalau RM3,000, RM3,000. Ini tidak ada bila bayar itu ini RM2,000, ini RM120 ini GST. Kita pun tengok ini bayaran menatang apa ini? Jadi terus masuk rangkum terus. SST boleh mengapa GST tidak boleh. Kita berkuasa kita hak untuk buat ini, buat Menteri KPDNKK.

Itu hari saya sudah bangkit soal harga rumah. Saya hendak tanya Kementerian Kewangan ini sekarang ini harga rumah PPRT sudah naik, RM56,000. Rumah SPNB ini RM60,000 beza

RM4,000 sahaja dengan rumah PPRT. Jadi saya sudah tanya itu hari pihak Kementerian Kewangan, kaji baliklah. Kaji dan setuju supaya SPNB ini dinaikkan ke harga RM80,000 atau RM90,000. Lulus selalu jangan ditimbang-timbang lagi sebab malu. Orang tengok rumah PPRT RM56,000, Rumah Mesra Rakyat punya hebat banglo RM60,000 beza RM4,000 sahaja. Rumah banglo beza RM4,000 hendak setaraf dengan rumah PPRT. Ini kena pihak Kementerian Kewangan kena timbang dan lulus. Timbang, kaji dan lulus jangan timbang, kaji senyap *and no ending*.

SPNB juga saya cakap lebih kurang *100 percent* kontraktor rumah SPNB ini adalah Melayu. Saya pun sudah hendak pecah telinga sudah. Bila kontraktor buat rumah, banyak kesusahan bayaran lambat, ada duit tahan *50 percent*, tidak payah tahan-tahanlah ini rumah murah kontraktor Melayu mana ada duit. Kalau ada duit dia tidak buat rumah SPNB ini, untung RM6,000 sebuah. Lebih banyak untung rumah PPRT daripada rumah SPNB. Jadi yang ini saya minta Kementerian Kewangan kaji supaya biar kontraktor Melayu Bumiputera ini dapat hidup selesa walaupun tidak mewah, selesa hasil daripada pembinaan rumah SPNB.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan guru-guru ini memang satu masyarakat yang kalau di kampung dipandang tinggi, disanjung oleh masyarakat dan percayalah kalau antara guru dengan kita orang politik ini orang kampung lebih percaya kepada guru-guru lagi. Jadi saya hendak pihak Kementerian Pendidikan sebab zaman sekarang sudah zaman milenium, guru-guru sekarang ini banyak yang hendak menyambung belajar buat *master*, PhD. Saya tengok cikgu-cikgu yang belajar, yang menyambung pelajaran *master*, *degree*, PhD ini pergi itu cerdik, balik itu jadi bodoh balik. Buat *master*, PhD okey pergi cerdik, balik jadi bodoh balik.

Jadi saya tengok mengajar tempat yang sama, sekolah yang sama, gred yang sama tidak ada apa-apa insentif untuk mereka. Jadi saya hendak cadang kepada kementerian untuk melahirkan guru-guru yang berdedikasi dan berkualiti pendidikan supaya guru-guru yang hendak buat *master*, *degree* ini bagi insentif sedikitlah, bagi imbuhan. Tidak bagi duit pun- duit itu kalau boleh bagilah ataupun kalau *time based* dia lima tahun naik pangkat, yang *master* ini bagi tiga tahun, yang PhD bagi dua tahun bagi insentif dia orang ini. Kalau kita hendak lahirkan pelajar berkualiti dan guru-guru berkualiti.

Ini kementerian kena fikir untuk melahirkan guru-guru yang lebih cerdik, lebih pandai dan melahirkan anak murid yang membina insan yang gemilang masa hadapan kita galak. Tidak payah letak *10 percent*, *20 percent* mana-mana guru yang hendak belajar, beri. Pergi belajar buat *master*, buat PhD, itu galakan insentif kena ada. Saya tidak hendak dia balik dia pergi belajar *master*, *degree* balik ilmu yang dia belajar, peroleh tidak dimanfaatkan di sekolah. Jadi yang ini kementerian kena buat kajian supaya guru-guru ini mempunyai potensi dan masa depan yang baik dan gemilang.

Soal guru ini juga. Akhir-akhir ini Tuan Yang di-Pertua, sekarang berlumba-lumba hendak jadi pengetua dan guru besar. Hendak jadi guru besar dan pengetua sekarang ini kena kursus NPQEL, ikut 'Orang Putih'... *[Disampuk]* Aku tahu sebut sahaja tidak tahu makna-makna itu. *[Ketawa]* Dia orang sebut NPQEL Tuan Yang di-Pertua saya sebut NPQEL juga. Akan tetapi sekarang ini berlumba-lumba guru-guru yang hendak menghadiri kursus NPQEL. *National qualification*- tidak apalah. Janji semua orang tahu.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini guru PK HEM, PK KO berebut-rebut hendak ambil kursus NPQEL sebab balik dia jadi pengetua atau guru besar. Saya rasa kursus ini saya minta kementerian kaji, tidak relevan saya rasa sebab dia meninggalkan kekananan, *seniority*, dengan izin. Jadi ini banyak di cakap oleh guru-guru. Guru umur 45 tahun pergi kursus NPQEL balik jadi guru besar hendak jaga guru umur 55 tahun, 59 tahun. Saya rasa ini Kementerian Pendidikan kena kaji dari segi relevan atau tidak kerana dia meninggalkan *seniority* dan kekananan.

Soal isu harga minyak Tuan Yang di-Pertua, saya hendak terima kasih kepada kerajaan, kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib dan Menteri KPDNKK, dahulu harga minyak setiap 30 hari bulan dalam *Facebook* penuh. Naik penuh hentam kerajaan, marah kerajaan bila turun senyap. Akan tetapi *alhamdulillah* bila buat mingguan macam ini Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim pun datang isi minyak, sekarang ini tidak lagi kedengaran, tidak dengar lagi. Tidak ada sudah rakyat kata harga minyak marah dia tidak tahu. Dia tidak tahu bila harga naik bila buat harga mingguan. Terima kasih had ini yang ini bagus, yang ini terbaik.

Sekarang ini mana lagi timbul persepsi persoalan harga minyak naik marah kerajaan, tidak ada lagi. Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib hari ini... [*Tepuk*] Soal harga minyak ini saya bila pergi Arab Saudi baru ini pakai *driver* dia orang Mekah, saya tanya di sini macam mana harga minyak, dia kata di sini harga minyak bulan ini tidak naik bulan depan naik, RM1.15. Maknanya harga naik ini tidak di Malaysia lah di negara lain pun naik harga minyak. Jadi pembangkang tidak usah hendak kata zalim kejam lah, siapa memerintah pun harga akan naik, tidak pernah turun harga minyak dunia ini. Jangan dibawa lagi kes-kes begini memalukan.

■1500

Tuan Yang di-Pertua, kenapa sekarang ini Rukun Negara yang kedua, "*Kesetiaan kepada Raja dan negara*" di Malaysia *la ni* saya tengok semakin menurun kesetiaan. Mungkin perlu satu peraturan atau akta. Saya duduk dekat sempadan. Saya pergi Thailand Tuan Yang di-Pertua, pukul 7 petang menyanyi lagu Thailand, semua berhenti. Berjalan kaki kah, motosikal kah, kereta kah, terpacak. Oh! Saya kata, hebat Thailand. Hebat Thailand! Lagu negara, bukan soal lain tidak lain Tuan Yang di-Pertua, soalnya *enforcement*. Peraturan negara kita, membiarkan berlari dan berjalan semasa menyanyi lagi Negeraku.

Di Thailand, pukul 7 petang, siapa pergi Thailand pukul 7, dengar lagu dia, ini... [*Berdiri tegak*] Terpacak tegak. Saya ingat kalau ada yang berlari, berjalan semasa itu Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kena tembak dah, kena bedil. Saya pun teringatlah, *isy, isy*, kalau Malaysia macam ini, tidak ada orang menderhaka pada Agong, tidak ada orang menderhaka pada negara. Siam boleh buat, mengapa kita tidak boleh buat? Hendak kira peraturan, hebat kita dengan dia.

Dekat dia, kalau kena tembak, kena bedil, senyap tidak boleh cari. Kalau dekat kita, tembak hari ini, esok tangkap. Betul. Akan tetapi kita, saya rasa soal kaedah ini, peraturan ada, kena *enforcement* sahaja. Sebab itu sekarang ini rasa hormat kepada negara berkurang sebab kita tak adapun. Peraturan yang ada kita tidak perketatkan. Jadi, saya kira KDN, boleh buat perkara ini. Thailand boleh buat, kita tidak boleh buat. Saya pun tidak tahu sebab apa.

Dalam soal kawalan sempadan ini Tuan Yang di-Pertua, saya minta KDN kena ketat sikit. Perketatkan kawalan sempadan. Lebih-lebih lagi kita hendak pilihan raya ini. Yang Amat Berhormat

Timbalan Perdana Menteri, katanya itu hari, dia pergi buat MoU dengan Thailand, cap ibu jari ini, *biometric* ini. Jadi dekat-dekat dengan pilihan raya Tuan Yang di-Pertua, kita Kelantan kalah bukan sebab apa Tuan Yang di-Pertua, sebab masuknya pengundi-pengundi Thailand yang ada dua IC ini. Kalau kita *enforcement*, kuat *enforce*, kuatkuasakan cap jari yang ada IC dua ini, *insya-Allah* Kelantan pilihan raya akan datang ini BN boleh menang. Tidak masuk orang Siam boleh menang, sebab yang ada IC dua ini.

Jadi yang ini saya minta KDN kalau boleh saya hendak bila jawab nanti, saya hendak kalau boleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri mari jawab sebab orang lain dah jawab dah, tidak jadi. *Dok* kaji tengok timbang, kaji tengok timbang sahaja. Saya hendak kalau boleh Datuk Zahid, mari sendiri hendak tanya bagaimana hasil rundingan dia dengan Kerajaan Thailand supaya yang ada IC dua ini, kita dapat *trace*, kita dapat kesan, dia tidak boleh mari mengundi di Kelantan. Ini yang Kelantan kalah sokmo-sokmo ini, yang selalu kalah ini sebab masuknya orang daripada Thailand.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, rumuskan dalam tiga minit lagi. Kita ada 13 orang lagi untuk hari ini.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Sikit lagi ya.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Ah! Bila Tuan Yang di-Pertua tegur, hilang habis dah [*Ketawa*] Jangan lupa Tuan Yang di-Pertua, soal banjir. Banjir di Rantau Panjang ini setiap tahun, setiap akhir tahun banjir. Bila tanya Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, *dok* cakap soal tebatan banjir itu. Tebatan banjir itu satu daripadanya untuk atasi banjir.

Saya tengok baru-baru ini, bila banjir ini saya siang dan malam berada dengan mangsa banjir. Saya tidak tahu sistem pengaliran atau saliran di Rantau Panjang ini dia kena kombinasi. Kombinasi kementerian, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebab *local authority* di bawah dia. Cari satu kaedah bagaimana untuk mengalirkan air daripada Sungai Golok ke Sungai Kelantan. Ini pergi buat bantu sahaja. Hendak atasi, hendak pindah dekat pusat pemindahan. Itu tidak selesai masalah. Itu *temporary*, selesai sementara sahaja.

Jadi saya minta Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bincang dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar supaya buat satu saliran, *motion drain* sebab baru-baru ini air Sungai Kelantan kering. Air Sungai Golok sahaja banyak. Alirkan air itu masuk Sungai Kelantan, tidak ada banjirlah. Ini *dok* fikir hendak pindah, hendak bagi sumbangan. Itu tidak selesai masalah. Jadi saya minta benda-benda macam ini kena fikir duduk bersama.

Akhir sekali, saya hendak tanya Kementerian Kerja Raya. Pada 22 Ogos 2015, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, lawatan kerjanya ke Rantau Panjang, saya minta dengan dia supaya lebuhraya, orang Kelantan panggil lebuhraya tetapi itu jalan pendek sahaja. Akan tetapi sebab tidak ada lebuhraya, orang panggil lebuhraya. Lebuhraya Rantau Panjang-Pasir Mas, sepanjang 22 kilometer, orang Kelantan ini tidak ada lebuhraya Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itu 22 kilometer pun dipanggil lebuhraya.

Jadi saya hendak tanya, PM sudah setuju. Projek dahulu bila hendak dilaksanakan? Hendak minta Kementerian Kerja Raya jawab bila akan dilaksanakan setelah dua tahun diumumkan setuju dan kelulusan oleh pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jadi hendak tanya ini, bila hendak buat sebab rakyat *dok* tanya. Ini dekat pilihan raya. Nanti, tidak boleh buat apa. Kalau ada kerja-kerja ukur, tebas-tebas tepi jalan pun sudah okey dah. Itu dah hendak dimulakan kerja pembinaan, ini kosong. Jadi benda ini takut menjadi isu. Jadi saya rasa itulah, banyak lagi kalau hendak ikut Tuan Yang di-Pertua.

Cuma isu hospital ini saya hendak ulang balik, supaya kementerian Kesihatan pergi tengok, kaji dan siasat sebab ini rintihan rakyat dan ini bukan sahaja berlaku di Hospital Pasir Mas. Saya rasa di lain-lain hospital pun berlaku ini juga sebab ini rintihan rakyat. Jadi, saya rasa itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Kalau hendak kira ada lagi. Kita- semula pula Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Tuan Chia Song Cheng, 15 minit Yang terhormat.

3.07 ptg.

Tuan Chia Song Cheng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana telah memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada petang yang mulia ini. Saya menjunjung kasih kepada Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang memandang berat terhadap isu-isu yang berkaitan dengan kos sara hidup. Ini menunjukkan bahawa Baginda memanglah mengambil berat, prihatin juga kepada kehidupan dan juga kebajikan rakyat jelata.

Dengan ini saya akan menumpukan ucapan saya kepada aspek-aspek yang berkaitan dengan kos sara hidup iaitu persepsi negatif rakyat terhadap kadar inflasi am disebabkan kadar inflasi makanan yang melambung tinggi serta inisiatif bagi memperhalus sistem Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M). Pertama, saya mahu membangkitkan tentang kadar inflasi am.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan terus melaksanakan Program Bantuan Rakyat 1Malaysia atau BR1M dan pemberian subsidi bersasar bagi membantu mengurangkan beban rakyat terutamanya kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah atau B40 dan 40 peratus pertengahan atau M40.

■1510

Namun begitu, rakyat masih tetap berasa tertekan kerana kos sara hidup semakin meningkat akibat daripada kenaikan harga minyak masak, petrol, diesel, tepung dan juga gula. Kalau inflasi negara kita telah meningkat dari 1.8 peratus pada bulan Disember tahun 2016 kepada 3.2 peratus pada Januari tahun 2017. Walaupun angka ini dilihat meningkat sebanyak 77.78 peratus secara mendadak dengan kadar yang besar tetapi kadar inflasi negara kita masih dalam kawalan dan dalam trend yang stabil.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk sekejap. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ada kunjungan hormat daripada mantan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, Tan Sri Abu Zahar Ujang. Selamat datang Tan Sri. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Chia Song Cheng: Tuan Yang di-Pertua, berbanding dengan negara-negara di rantau Asia Tenggara, kadar inflasi Malaysia adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan Indonesia yang mempunyai 3.83 peratus dengan Filipina yang mempunyai 3.3 peratus dan juga negara Vietnam yang mempunyai 5.02 peratus. Walaupun kadar inflasi negara kita terkawal tetapi rakyat tetap mempunyai persepsi bahawa kos sara hidup meningkat, apakah sebabnya? Pada pendapat saya, ini adalah disebabkan kadar inflasi makanan di negara kita telah melampau tinggi sepanjang suatu tempoh yang agak panjang.

Tuan Yang di-Pertua, kalau inflasi makanan telah melambung tinggi iaitu melebihi 4% sejak cukai GST dilaksanakan pada 1 April 2015. Walaupun kadar inflasi makanan pernah menurun ke 2.5 peratus pada Oktober 2016 tetapi meningkat kembali ke 4.3 peratus pada Februari 2017. Itulah sebabnya walaupun kerajaan berjaya mengawalkan kadar inflasi keseluruhan di bawah 3 peratus, namun rakyat berasa kos sara hidup semakin meningkat. Ini adalah kerana harga barangan dan juga makanan tidak menurun walaupun harga petrol telah turun beberapa kali sepanjang tahun yang lepas. Ini telah terbukti bahawa walaupun kadar inflasi pengangkutan adalah menunjukkan trend yang menurun sepanjang tahun 2015 dan juga 2016, namun kadar inflasi makanan tetap melambung tinggi.

Sebagai contohnya, harga mi sup di restoran biasa adalah RM4.50 pada tahun 2014 dan harganya meningkat sehingga RM5.50 pada tahun 2016. Kadar peningkatan harga purata melebihi 10 peratus setiap tahun. Harga teh Cina adalah 60 sen pada tahun 2014 dan meningkat sehingga RM1 pada tahun 2016. Kadar peningkatan harga purata melebihi 30 peratus setiap tahun. Pada masa yang sama, harga petrol RON95 telah menurun dari RM2.30 se liter pada Oktober 2014 menjadi RM1.80 seliter pada Oktober 2016. Harga diesel telah menurun dari RM2.20 seliter pada Oktober 2014 menjadi RM1.75 seliter pada tahun 2016.

Tuan Yang di-Pertua, persoalannya sekarang, sekiranya bukan disebabkan kadar inflasi pengangkutan, apakah sebab kadar inflasi makanan meningkat pada tahun-tahun yang lalu? Pada pendapat saya, terdapat dua faktor yang utama yang mana kerajaan perlulah mengambil perhatian berat oleh sebab ini adalah kesusahan rakyat jelata. Masalah faktor yang pertama ialah harga import makanan meningkat akibat daripada penyusutan nilai pertukaran mata wang Malaysia.

Kedua, faktornya ialah kerana isu pencatutan. Pada masa ini, negara kita hanya berupaya mengeksport produk makanan seperti telur dan juga ayam sahaja. Akan tetapi apa yang kita lihat dalam negara kita, kita kena mengeksport lebih daripada 50 jenis bahan segar dan juga beku. Termasuklah sayur-sayuran, buah-buahan dan juga daging dari sekurang-kurangnya sebanyak 120 negara bagi memenuhi selera rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, pasaran makanan negara ini dikuasai oleh negara-negara asing seperti Thailand, Indonesia, China, Australia, New Zealand dan Amerika Syarikat dan juga lain-lain oleh sebab Malaysia tidak berupaya menampung pengeluaran makanan dalam negara kita. Ini telah menjadikan bilangan import makanan melambung dan juga menyebabkan peningkatan harga makanan.

Tuan Yang di-Pertua, nilai import makanan menunjukkan trend yang menaik dari tahun 2010 hingga 2015. Menurut Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, pada tahun 2015,

import makanan berjumlah RM45.412 bilion, peningkatan mendadak sebanyak RM15.158 bilion berbanding tahun 2010 yang hanya mencatat rekod sebanyak RM30.254 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu kerajaan telah memberikan peruntukan pembangunan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, termasuk institusi-institusi penyelidikan seperti Institusi Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda dan sebagainya untuk memajukan sektor pertanian negara ini. Peratusan peruntukan pembangunan dalam jumlah peruntukan kementerian tersebut telah meningkat setiap tahun dari 23.48 peratus pada tahun 2013 kepada 34.85 peratus pada tahun 2016.

Tuan Yang di-Pertua, maka saya ingin meminta penjelasan daripada kerajaan sedangkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah diberikan peruntukan pembangunan sektor pertanian setiap tahun.

Mengapa negara ini masih perlu bergantung kepada makanan import bagi memenuhi selera makanan rakyat kita? Apakah hasil-hasil penyelidikan yang telah dijana oleh institusi-institusi penyelidikan di bawah kementerian bagi mempertingkatkan pengeluaran makanan tempatan?

Tuan Yang di-Pertua, kelemahan ekonomi negara ini pada masa ini adalah kebergantungan terhadap makanan import dan hasil pengeluaran hasil makanan tempatan yang semakin berkurangan. Bagi menyelesaikan masalah ini, kerajaan haruslah mengkaji semula polisi penggunaan tanah iaitu lebih mengutamakan penggunaan tanah pertanian atau perladangan tetapi bukan sahaja projek-projek pembangunan sahaja.

■1520

Ini adalah masanya untuk menukar dasar polisi tersebut. Saya menyokong kerajaan melaksanakan polisi rasionalisasi. Pada masa yang sama juga perlulah meneliti dasar yang boleh menghasilkan lebih banyak pengeluar makanan tempatan. Faktor lain yang saya juga menyumbangkan kepada kenaikan harga makanan di negara ini adalah kegiatan mengambil untung oleh niaga. Peniaga restoran dan juga penjaja menaikkan harga makanan dengan alasan pelaksanaan GST dan kenaikan harga bahan api tarif elektrik, air dan juga sebagainya. Ada juga sebahagian orang tengah yang bertindak sebagai kartel dengan izin menggunakan helah dengan memberi alasan kos pengendalian dan juga pemasaran yang mengakibatkan kenaikan juga harga barangan makanan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contohnya kebelakangan ini adanya peniaga makanan yang menaikkan harga barang makanan dengan alasan peningkatan harga gula, minyak masak dan juga kos sewa.

Tuan Yang di-Pertua, makanan merupakan perbelanjaan harian yang besar bagi golongan B40 dan juga M40 mahupun di bandar ataupun di luar bandar. Menurut hasil kajian yang dijalankan oleh Bank Negara, kumpulan berpendapatan lebih rendah seperti B40 memperuntukkan lebih banyak perbelanjaan untuk makanan dan kurang untuk pengangkutan, penjagaan kesihatan dan juga pendidikan berbanding dengan kumpulan berpendapatan lebih tinggi. Dengan kata ini, anggaran dengan kata lain golongan B40 memperuntukkan sebahagian perbelanjaan yang lebih besar untuk makanan. Mereka mengalami inflasi yang lebih tinggi disebabkan peningkatan inflasi makanan. Maka kementerian perlulah mengambil inisiatif yang proaktif bagi mengatasi masalah

perkara inflasi makanan yang tinggi supaya bebanan kos sara hidup golongan B40 dapat diringankan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melaksanakan polisi rasionalisasi dan pemberian subsidi sasaran untuk memperluaskan perbelanjaan ke atas golongan B40. Ini adalah inisiatif yang positif. Namun begitu positif rasionalisasi mengakibatkan harga makanan meningkat. Ini pula adalah kesan yang negatif seperti mana yang saya cakap tadi salah satu faktor kenaikan harga makanan adalah kerana pencatutan. Dengan ini kesannya boleh menimbulkan kehilangan kepercayaan terhadap kerajaan di kalangan rakyat. Maka pihak kementerian yang berkenaan wajiblah mengambil tindakan yang tegas terhadap peniaga-peniaga makanan yang tidak bertanggungjawab bagi menjaga kepentingan rakyat khususnya dalam pilihan raya yang akan datang.

Kebelakangan ini, kadar inflasi pengangkutan meningkat dengan mendadak sehingga 7.9 peratus pada Februari tahun 2017. Pada masa yang sama, nilai pertukaran mata wang Malaysia masih berada di paras yang lemah. Ini pasti akan mengakibatkan kadar inflasi makanan terus melambung tinggi lagi berbulan-bulan yang akan datang. Tuan Yang di-Pertua, maka saya ingin meminta penjelasan daripada kementerian yang berkenaan apakah pelan kerajaan bagi membantu golongan rakyat B40 dan juga M40 yang dijangka akan terpengaruh akibat kadar inflasi makanan yang melambung tinggi. Sebagai contohnya, saya mencadangkan kerajaan meningkatkan lagi peruntukan BR1M kerana ini boleh membantu golongan berpendapatan rendah ini kerana secara langsung dan juga berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya- seterusnya saya membangkitkan tentang objektif berkenaan BR1M. Objektif utama BR1M adalah untuk memastikan bantuan kerajaan untuk golongan tertentu tercapai dengan efisien tanpa pembaziran. Dengan konsep tersebut BR1M dilaksanakan dengan penilaian *means test*, dengan izin ke atas penerima BR1M seiringi rasionalisasi subsidi tidak bersasar. Pelaksanaan BR1M juga diperbaiki dari semasa ke semasa seperti pangkalan data penerimaan dikemaskinikan setiap tahun. Pemberian BR1M dari bentuk baucar dijadikan perpindahan terus ke akaun bank penerima dan pemberian BR1M mengikuti kesesuaian tempatan terutamanya di kawasan pedalaman untuk memudahkan penerimaan BR1M.

Namun begitu saya menyarankan agar kerajaan memperhalus sistem BR1M terutamanya dalam sistem penilaian. Saya mencadangkan agar semua agensi kerajaan bolehlah kongsi maklumat untuk memperhalus pengiraan ke atas BR1M, penerimaan BR1M seperti *correction intelligent arrangement* dengan izin yang di bentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam bajet tahun 2017. Ini akan membolehkan bantuan kerajaan disampaikan kepada golongan sasaran secara efisien tanpa pembaziran. Kita kenalah menegaskan prinsip tanggungjawab dan juga cermat dalam peruntukan sumber kerajaan. Kita kena memenangi keyakinan rakyat bahawa bantuan BR1M adalah ikhlas untuk membantu golongan sasaran dan kita adalah tegas terhadap semua jenis pembaziran.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mengakhiri ucapan saya dan juga berharap agar huraian dan juga pencerahan yang saya kemukakan bolehlah dipertimbangkan semula oleh pihak kementerian yang berkenaan secara mendalam bagi memastikan rakyat dapat memperoleh manfaat daripada rasionalisasi subsidi kerajaan. Akan tetapi kesan negatif peningkatan kos sara

hidup dapat dikurangkan sehingga taraf minimum. Maka dengan ini saya menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Setiausaha usul. Yang Berhormat Menteri, silakan usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.30 malam, dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, pada hari Rabu, 19 April 2017.”

Tuan Yang di-Pertua: Seorang sokong.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas. Silakan Yang Berhormat.

■1530

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: *Bismillahi Rahmani Rahim... [Berucap dalam bahasa Arab] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1 Malaysia, salam sehati sejiwa dan salam negaraku Malaysia.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua serta rakan-rakan Ahli Dewan Senator yang saya hormati sekalian. *Alhamdulillah* syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin serta kinayah-Nya, pada petang yang indah ini kita dapat berada bersama-sama di dalam Dewan yang cukup indah untuk sama-sama kita membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang kepada saya walaupun giliran saya, saya kira nombor 8. Sepatutnya sebelum saya Dato' Haji Mohd Salim tetapi dilonjakkan. Mungkin Tuan Yang di-Pertua merasakan saya sememangnya mahu diawalkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengimbuai sedikit kisah dalam politik negara. Saya ingat Yang Berhormat Menteri tidak payah keluar dulu. Banyak hal bandar raya kita hendak cakap ini.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Sebelum ini sejak kita merdeka, negara kita telah melalui 13 kali PRU dan, dengan izin Allah SWT, dalam pilihan raya ke tiga-tiga belas itu, ia dimiliki oleh Barisan Nasional dan UMNO. Ini semua sedar, rakyat sedar malah pembangkang juga sedar. Pembangkang sememangnya dari awal dulu lagi beria-ia untuk mengambil alih tampuk pemerintahan negara. Sampai ke hari ini, hasrat mereka tidak pernah padam, Tuan Yang di-Pertua. Malah pada pilihan raya yang lepas, PRU Ke-13 yang dikatakan, "*Ini Kalilah*" mereka dapat menawan Putrajaya tetapi Allah SWT tidak mengizinkan mereka. Walaupun kita dilanda dengan pelbagai masalah, dilanda dengan pelbagai fitnah, tohmahan yang dibuat oleh mereka, tetapi di atas semangat perpaduan, di atas semangat kerjasama antara rakyat dan pemimpin, maka rakyat keseluruhannya masih memilih Barisan Nasional dan UMNO, tonggak pemerintahan negara.

Insyah-Allah Tuan Yang di-Pertua, PRU Ke-14 akan menjelang tiba. Entah esok ataupun lusa. Kita sama-sama menghadapinya. Sudah tentu untuk PRU kali ini, kalau dikatakan PRU Ke-13, semua orang mengatakan ini adalah ibu segala PRU tetapi barang diingat, PRU Ke-14 ini adalah bapa segala PRU. Akan menentukan kita orang-orang Melayu khususnya, akan menentukan nasib seluruhnya rakyat dalam negara kita. Kita berterima kasih, Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih kepada kerajaan yang sedia ada. Kerajaan yang telah terbukti membela rakyat selama ini. Pelbagai inisiatif yang telah dibuat oleh kerajaan tetapi masih lagi sesetengahnya tidak boleh menerima dan ianya menerima dengan umpatan, dengan kejian dan sebagainya kepada pemimpin kita. Ini yang masalah kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira di dalam ucapan perbahasan saya pada petang ini, ada beberapa isu penting yang hendak saya ketengahkan, terutamanya isu-isu yang melibatkan kos sara hidup dan yang keduanya isu rasuah yang harus saya bawa ke dalam Dewan pada petang ini. Akan tetapi saya kira masa yang diberi amat terhad sebab saya faham rakan-rakan yang sama-sama turut berbincang ataupun berbahas lebih kurang ada 17 orang hari ini dan sudah tentulah masanya agak tidak mengizinkan.

Maka saya tinggal yang itu dulu. Kos sara hidup telah dibawa oleh rakan saya tadi. Isu rasuah juga telah dibawa oleh rakan-rakan Ahli Dewan tadi. Dalam teks ucapan saya, isu ekonomi digital juga telah dibawa oleh Yang Berhormat Dr. Zaidi semalam. Saya rasa itu tidak perlu. Bagi saya, saya memberi keutamaan kepada masalah-masalah dalaman, masalah-masalah setempat yang dihadapi oleh rakyat keseluruhannya di dalam kawasan saya.

Pertama Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh isu pelan rumah teres Taman Koperasi Polis Fasa 2, dalam kawasan saya. Beberapa minggu yang lepas, beberapa bulan yang lepas, masyarakat setempat, penduduk di Taman Koperasi Polis agak gusar dengan apa peristiwa yang melanda mereka. Saya hendak beritahu Ahli Dewan dan Tuan Yang di-Pertua, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah memaklumkan bahawa ada garis panduan baru bagi ubah suai rumah kediaman jenis teres.

Yang pertama, peringkat pertama, satu garis panduan khusus ubah suai rumah teres, rumah berangkai satu, dua, tiga atas lot bersaiz kecil yang berukuran lebar lot 18 kaki atau kurang dan telah dikuatkuasakan pada 20 April 2015.

Kedua, garis panduan peringkat kedua pula telah dikeluarkan oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang mana garis panduan ubah suai garis teres berangkai satu, dua, tiga tingkat di atas lot bersaiz biasa iaitu 18 kaki lebar dan lebih.

Jadi, garis panduan yang pertama, peringkat pertama, satu garis panduan ubah suai rumah teres barangkali di atas lot bersaiz kecil yang berukuran lebar 18 kaki (5,490 milimeter) atau kurang adalah persamaan dengan perumahan Taman Koperasi Polis Fasa 2 iaitu lebar tanah lot standard 16 kaki lebar. Apa yang saya hendak beritahu di dalam Dewan hari ini, bahawasanya pelan rumah itu sudah dipersetujui oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sejak tahun 1972. Semasa itu, Datuk Bandar, Tan Sri Yaacob Latiff pada waktu itu. Akan tetapi hari ini tiba-tiba masyarakat kawasan itu dikejutkan oleh permintaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur supaya menghantar pelan baru padahal pelan itu sudah disetujui dan pembinaannya telah dibuat pada tahun 1982.

■1540

Oleh sebab ada ubahsuaian yang tidak mengikut kehendak Dewan Bandaraya dan sebagainya, maka Dewan Bandaraya mengarahkan penduduk Taman Koperasi Polis Fasa 2 mengemukakan pelan baru kepada pihak Dewan Bandaraya dan dengan bayaran. Sebab bayaran ini yang menjadi masalah, Tuan Yang di-Pertua. Saya kasihan, Tuan Yang di-Pertua, orang Taman Koperasi ini orang pencen. Orang pencen polis dengan gaji dulu hanya RM500, RM400 dan pencen beliau hanya berapa sen yang dapat. Tiba-tiba dipaksa oleh Dewan Bandaraya bayar pelan tersebut sebanyak RM500 dan ditambahkan dengan *fees* kepada Dewan Bandaraya sebanyak RM150. Jadi mereka terpaksa membayar kepada Dewan Bandaraya sebanyak RM650.

Kesalahan ini bukan kesalahan penduduk, Tuan Yang di-Pertua. Kesalahan ini adalah kesalahan daripada pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang meluluskan pelan tanah, rumah, jalan hanya 20 kaki di hadapan, di belakang rumah tidak ada jalan langsung. Kenapa di waktu itu dipersetujui dan dibuat dan hari ini diminta hantar pelan baru dan dikenakan caj?

Jadi saya mohon kepada Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan di dalam Dewan dan pegawai-pegawai Dewan Bandaraya yang ada di belakang, saya ingat Yang Berhormat Menteri ada tadi, Menteri tak ada. Saya mohon dengarlah rintihan masyarakat. Kita hendak menghadapi pilihan raya. Kalau semua hal di waktu saat kita hendak menghadapi pilihan raya, kita takut rakyat akan menolak kita di suatu hari nanti. Kita bimbang. Peti undi Taman Koperasi Polis tak pernah kalah dalam apa jua keadaan sekali pun setiap pilihan raya. Akan tetapi kalau isu ini kita membelakangi masyarakat, kita membelakangi penduduk setempat, saya bimbang dan saya kluatir takut ia akan menjadi sebaliknya nanti. Itu yang pertama.

Kedua, soal pajakan tanah 99 tahun. Dia ada dua tempat di kawasan Parlimen Batu. Pertama, di Taman Melewar. Taman Melewar yang tinggal hanya masih ada 60 tahun. Kedua, di Kampung Delima. Kampung Delima masih ada berbaki 11 tahun sahaja lagi. Padahal, di awal pemaju membuat rumah di situ menyatakan kepada penduduk di situ, pembeli di rumah itu bahawa

tanah ini adalah tanah pegangan bebas. Akan tetapi apabila menjadi hak milik, ia ternyata pegangan hanya 99 tahun.

Saya mohon pihak yang berwajib, Tuan Yang di-Pertua, pertimbangkanlah usaha yang dibuat oleh persatuan penduduk, NGO-NGO setempat untuk mohon berbincang supaya dapat dilanjutkan sedikit daripada yang baki 60 tahun, yang berbaki 11 tahun dilanjutkan sebab majoriti di situ adalah orang-orang Melayu, kepunyaan orang-orang Melayu, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi yang ketiganya, Tuan Yang di-Pertua, isu yang tidak pernah padam dalam ingatan saya. Sejak saya menduduki kerusi Senat daripada tahun 2013 sampai ke hari ini, isu Pasar Sentul tidak pernah padam dalam ingatan saya. Saya tidak tahu bagaimana, sama ada Dewan Bandaraya telah merancang program ataupun tidak, saya tidak tahu. Akan tetapi dengan pertumbuhan pesat di daerah Sentul hari ini dengan naiknya bangunan-bangunan pencakar langit, dengan naiknya rumah-rumah perumahan awam, perumahan mampu milik, perumahan mewah dan sebagainya.

Kalau kita tengok dari Batu Caves ke Sentul, perumahan-perumahan bagai cendawan tumbuh selepas hujan, banyak naik dan sudah tentulah ia menyukarkan masyarakat sekitar untuk mengambil jalan tersebut. Masalah *jammed* dan sebagainya. Kalau waktu pukul lapan, pukul tujuh pagi ataupun pukul lima petang, pukul enam petang, kita sangkut di kawasan itu kurang-kurang pun dua, tiga jam.

Saya pernah mengutarakan di dalam Dewan, masalah yang timbul di situ adalah masalah pasar. Pasar Sentul sudah tidak sesuai berada di situ. Jalannya sempit, orang *parking* tak tentu arah, keretanya lintang pukang. Itulah yang menyebabkan kesesakan. Jadi saya mencadangkan kepada pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, binalah pasar baru. Carilah tempat yang lebih sesuai supaya masyarakat di kawasan itu pagi-pagi dia tidak *tension*, balik rumah pun dia dalam keadaan yang tenang. Ini tidak. Kalau inilah masih kita biarkan keadaan sedemikian, saya yakin dan percaya lambat laun rakyat juga akan menjadi *fed up* dan bertambah benci kepada PBT yang ada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang keempatnya dalam turut sama-sama membahaskan menyokong Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, iaitu isu pembinaan Masjid Abu Hurairah di Kampung Batu. Walaupun masjid di situ sudah hampir siap, janji daripada Majlis Agama, janji daripada kontraktor yang membina masjid itu sepatutnya tahun 2015 akan siap semua pembinaan tetapi sampai hari ini tahun 2017, masih belum boleh digunakan masjid tersebut.

Saya hendak tanya pihak JAWI ataupun pihak Majlis Agama, kenapa saat untuk membina Masjid Abu Hurairah- kita orang Islam memang memerlukan. Dahulu masjid sangat uzur. Akan tetapi yang menyedihkan kita, kenapa sepanjang pembinaan masjid itu tidak pernah sekalipun diajak ahli jawatankuasa masjid berunding dan berbincang? Ini yang jadi masalah. Pengambilan tanah untuk pembesaran jalan, pengambilan tanah untuk pembesaran sungai di kawasan itu.

Barang diingat, Tuan Yang di-Pertua, tanah yang dibina Masjid Abu Hurairah itu adalah tanah wakaf orang-orang kampung di situ. Walaupun orang tua-tua dahulu sudah tiada tetapi anak cucunya masih ada yang mewakafkan tanah itu. Sudah tentulah apabila apa yang dibuat pun tidak pernah berbincang, ambil tanah membesarkan jalan tidak pernah berbincang sedangkan kita tengok

hari ini kawasan masjid itu terlalu sempit, pembangunan yang dibuat kiri dan kanan tidak pernah berbincang, ini yang menimbulkan masalah.

Kadang-kadang orang kampung kecil hati. Saya datang ke cawangan itu, ke kampung itu, mereka merintih, mereka bertanya, ini hak datuk nenek moyang kita, memang kita sudah wakaf tetapi kedai-kedai, bangunan-bangunan naik di sebelah terambil sedikit tanah-tanah masjid yang telah diwakafkan, mereka terluka, Tuan Yang di-Pertua. Mereka sedih, mereka sayu.

Jadi saya mencadangkan kepada pihak yang bertanggungjawab, buatlah satu program, panggil semua ahli-ahli jawatankuasa masjid di situ dan NGO setempat yang melibatkan orang kampung, panggil duduk semeja berbincang terangkan masalah kepada mereka dan mereka juga ada perkara-perkara yang hendak disebutkan apabila perjumpaan itu dilaksanakan.

■1550

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, sekejap Tuan Yang di-Pertua, minum sekejap... [Disampuk] Eh! *You* jangan banyak cakaplah, *you* di bawah, saya di atas tau.

Kelima, soal penjaja di Kuala Lumpur, ini melibatkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Kuala Lumpur adalah jendela kepada negara kita. Orang luar datang ke negara kita turun di Kuala Lumpur, hanya sedikit yang transit pergi Kota Bharu, pergi Terengganu pergi merata tempatlah dalam negara kita. Akan tetapi yang lebih ramainya adalah di Kuala Lumpur dan kita hendak menuju negara maju tahun 2020. Ini kah keadaannya kalau negara kita, negara maju hendak menuju negara maju, ini kah keadaan negara kita? Penjaja bersepah, penjaja tidak menjaga kebersihan.

Contoh, kawan saya beritahu tadi di Segambut, di jalan besar di tengah jalan besar dan di koridor jalan di pinggir jalan, dibina satu kanopi, dibuat satu tempat penjaja persendirian yang sudah tentu menyusahkan orang lalu lalang. *Parking* tidak terurus, penjajanya daripada kaum Cina, kalau orang India menjaja- saya bukan *racist* ya, saya hendak cakap perkara yang benar. Kalau orang India menjaja, kalau orang Melayu menjaja, jual durian kah, *whatever*-lah, buka payung, penguat kuasa Dewan Bandaraya ini semudah-mudahnya pergi rampas, mengambil barang, kerana tidak boleh tempat ini tidak sesuai.

Kenapa di Segambut orang Cina boleh buat secara berleluasa, yang sudah tentu lesennya juga tidak ada. Ini kena ambil kira kalau kita hendak pergi negara maju. Tahun 2020 hanya tinggal tiga tahun lagi Tuan Yang di-Pertua. Bukan sahaja di Segambut, keseluruhan dalam Wilayah Persekutuan kita kena melihat, kita kena buat secara baik, secara jujur, secara ikhlas. Hendak ambil tindakan, ambil tindakan pada semua orang, jangan orang ini kita ambil tindakan, orang ini kita tidak boleh ambil tindakan, tidak. Salah! Sampai bila pun tidak selesai dalam masalah di Kuala Lumpur ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau Tuan Yang di-Pertua pergi ke tempat menjaja Jalan Tunku Abdul Rahman kah, jalan mana-mana. Ya Allah, kalau kita tengok, tikus pun lebih besar daripada kucing Tuan Yang di-Pertua. Betul saya cakap. Kucing pun lari dari tikus. Bermaknanya dari segi kebersihan tidak dijaga dengan rapi. Penjaja yang cuai menjaga kebersihan tidak diambil tindakan. Inilah yang berlaku hari ini di Kuala Lumpur. Kadang-kadang dulu pun saya cakap Tuan Yang di-Pertua, banyak kali saya cakap. Menteri jawab, baca sahaja. Menteri jawab dalam Dewan hanya baca apa yang ditulis oleh pegawai. Kadang-kadang pegawai tidak turun pun kat bawah. Kadang-

kadang pegawai tidak turun, dia ikut kepala dia. Menteri pun jawab, padahal semua haram semua tidak betul apa dia jawab.

Betul. Saya duduk di Kuala Lumpur saya tahu. Walaupun saya orang Kelantan macam Abang Lah tapi sejak tahun 1975 lagi saya berada di Kuala Lumpur. Saya tahu. *[Disampuk]* Eh! Jangan kacaulah. Ini ada empat, lima orang dalam parti pun dah jadi Presiden, banyak *act-lah* dia... *[Menunjuk ke arah seorang Ahli Yang Berhormat]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila-sila Yang Berhormat. Sambung-sambung.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Dia kacau saya.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa. Dalam Dewan ini kita sopan sikit.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara lagi yang melibatkan Dewan Bandar raya yang agak menjengkelkan mata. Contohnya soal kebersihan kawasan-kawasan awam. Saya minta maaf kalau dulu setiap kontraktor yang ditawarkan oleh Dewan Bandaraya untuk mencuci kawasan, yang berjumlah dua juta ataupun tiga juta untuk dua tahun. Namun hari ini, Datuk Bandar telah mengambil keputusan, daripada tiga juta jadi sejuta, daripada dua juta jadi sejuta. Kalaulah kawasan yang sama yang dijaga oleh kontraktor untuk mencuci kawasan, daripada tiga juta dulu kita nampak elok, bersih. Mana mungkin mereka hendak membiayai kebersihan itu kalau tendernya, kontraknya diturun kepada satu juta, kawasan yang sama. Ini yang jadi masalah.

Kalau kita kata jumpa kontraktor, kontraktor jumpa kita. "*Dato' tidak boleh buat Dato', Datuk Bandar potong harga. Dulu saya dapat dua juta, sekarang saya dapat satu juta. Macam mana hendak jaga kebersihan, hendak potong pokok, potong ini.*" Macam-macam. Ini masalah yang timbul di kalangan kontraktor-kontraktor Melayu di Wilayah Persekutuan yang menyuarakan perkara ini kepada kita.

Jadi saya rasa Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi sebenarnya apa yang saya hendak perkatakan. Akan tetapi saya hendak memberi ruang kepada rakan-rakan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Ada masa lagi Yang Berhormat.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Ada? Oh! Kalau ada *alhamdulillah*, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih banyak-banyak. Terima kasih daun keladi, *insya-Allah* saya cuba sekali lagi.

Saya hendak soal rasuah ini, saya hendak bertanya kepada kementerian. Saya hendak bertanya kepada kementerian. Pertamanya, ramai orang tidak banyak mendapat maklumat atau maklumat tangkapan berhubung dengan kes rasuah yang melibatkan ahli politik, anggota NGO dan ahli perniagaan. Kadang-kadang maklumat itu terhad, maklumat itu tidak dihebohkan. Kita kadang-kadang kita lihat orang-orang politik ini, *alhamdulillah* dalam taklimat rasuah semalam, Ahli-ahli Dewan Negara seorang pun tidak terlibat. *Alhamdulillah* di atas kepimpinan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Ahli Dewan Negara bersih daripada isu rasuah.

Tuan Yang di-Pertua: Belum. Belum terlibat.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Oh! Belum lagi. Kita minta doalah jangan terlibat perkara-perkara macam ini. Tidak elok. Bukan sahaja kita orang Islam, salah di sisi agama. Jadi kita bagi makan harta anak bini kita pun dah tidak elok, barang-barang yang tidak elok. Jadi

kita hendak tanyalah, kalau boleh pihak-pihak yang bertanggungjawab cuba bagi secara *detail* ke dalam Dewan, kita hendak tahu. Penglibatan orang politik, penglibatan ahli-ahli perniagaan dan sebagainya.

Keduanya, mohon kementerian yang berkaitan memberi statistik Kertas Siasatan dan tangkapan serta jumlah kes yang melibatkan ahli politik, NGO dan ahli perniagaan yang telah di bawa ke mahkamah semenjak lima tahun yang lalu. Kita hendak tahu. Dato' Megat tahu kah? Tidak tahu kan... *[Disampuk]* Kita hendak tahu. Bukan soal terlibat ataupun tidak terlibat, kita hendak tahu, siapa orangnya. Manalah tahu Abang Lah kena kah, kita tidak tahu, contoh. Abang Lah, dia jual pil kuda sahaja.

Tuan Ramli bin Shariff: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencelah.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Ya sila-sila.

Tuan Ramli bin Shariff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, yang diminta yang disebut oleh kakanda saya tadi, Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas ini, dia minta kita mempamerkan ataupun SPRM mempamerkan senarai ataupun kes-kes yang melibatkan dan saya rasa pelaku rasuah ini semua individu-individu tertentu.

■1600

Akan tetapi ada proses yang saya, kita dimaklumkan oleh taklimat Pesuruhjaya Rasuah kelmarin bahawa dia peringkat ada tiga peringkat. Bahagian siasatan, pencegahan dan pendakwaan dan seterusnya sabitan. Peringkat mana yang Yang Berhormat mohon supaya dapat dipamerkan peringkat-peringkat ini, adakah adil sebelum mereka disabitkan dengan kes rasuah ini nama mereka telah dikaitkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Terima kasih rakan, bagi saya tidak adil kalau ia perkara itu belum disahkan bersalah, tidak adil. Contohnya Yang Berhormat, Tan Sri Nallakaruppan baru ditangkap SPRM katanya rasuah, contoh! Bukan betul, jangan marah saya. *You* depan saya, *alhamdulillah* Datuk Seri sudah masuk panjang lagilah nampaknya, *alhamdulillah*.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua: Contohnya ya.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Contoh, Tan Sri Nallakaruppan kena tangkap isu rasuah tetapi sebenarnya beliau belum didapati bersalah, itu dulu Anwar Ibrahim punya hal dan kalau kita pameran nama Tan Sri di khalayak ramai sedangkan kita tidak tahu Tan Sri ini bersalah ataupun tidak ianya memang tidak adil. Apa yang saya maksudkan adalah kita beritahu kepada rakyat, kita beritahu dalam Dewan khususnya bahawa yang telah bersalah mungkin ada yang kita tahu dan mungkin ada yang kita tidak tahu. Jadi inilah, terima kasih sahabat saya mengutarakan perkara tersebut dan yang ketiganya ada lagi?.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin: Ada.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Silakan.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin: Sila.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Panjang boleh ini.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin: Fasal ini baru ibarat bermulalah kerana Tuan Yang di-Pertua baru masuk. Tuan Yang di-Pertua, boleh Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin: Saya tertarik bila Yang Berhormat Datuk Abbas sebut fasal kes-kes ahli-ahli politik yang dipamerkan. Kadang-kadang ada juga yang rakan-rakan kita yang kena baru-baru ini. Semuanya menjadi hiasan muka depan surat khabar.

Jadi, adakah Yang Berhormat Datuk Abbas bersetuju, ada kes yang sudah disiasat yang sudah ada bukti. Saya bagi contoh, yang ini semua orang tahu macam di Pulau Pinang, sampai hari ini kita pun tidak tahu apa berlaku. Kalau nak dirujuk kepada kes itu, sama macam mantan Menteri Besar Selangor dulu. Akan tetapi sampai hari ini macam senyap saja, adakah macam ketidakadilan berlaku di situ? Bila melibatkan orang-orang tertentu ini lambat sangat dia punya *action*.

Akan tetapi macam rakan-rakan kita yang lain yang kena, muka depan surat khabar. Jadi yang ini minta pandangan Yang Berhormat Datuk Abbas kenapa kes-kes seperti ini macam dilengah-lengahkan?

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Seri Senator Megat. *Alhamdulillah*. Sebenarnya ini yang rakyat hendak dengar, telah didapati bersalah, telah dibuat *report* dan sebagainya walaupun belum dibawa ke mahkamah dan belum didapati bersalah.

Akan tetapi umum rakyat sudah mengetahui kes-kes fakta yang sebenarnya. Akan tetapi kenapa sampai sekarang senyap tidak tahu beritanya bagaimana. Kita rakyat di bawah ingin tahu apakah benar tuduhan yang dibuat kepada Ketua Menteri Pulau Pinang di waktu itu dan perkara-perkara ini kena jelaskan, kena beritahu. Pendakwaannya bila, kesalahan bagaimana, ada bukti kes ataupun tidak, inilah rakyat hendak tahu Tuan Yang di-Pertua.

Keempatnya, pernah satu ketika kerajaan telah menekankan dasar *no gift policy* di jabatan dan agensi kerajaan. Mengapa aktiviti pemberian cenderamata dan sumbangan berbentuk wang masih dilihat berlaku dalam program-program kerajaan. Apa pandangan kerajaan berhubung perkara ini, itu perlu saya tanya kepada pihak yang berwajib supaya beritahu atau pun bantangkan kepada rakyat kes-kes yang melibatkan terutama sekali orang politik. Kita takut terkena rakan-rakan kita dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok negara Hong Kong, 30, 40 tahun yang lalu. Hong Kong di waktu itu lebih kurang dengan Tanzania, lebih kurang dengan negara Gabon di Afrika. Rasuahnya teruk, rasuahnya berlaku tetapi kalau kita tengok hari ini negara Hong Kong berada di indeks nombor 14 daripada 176 negara dalam dunia. Kenapa boleh jadi demikian, kenapa terlalu drastik kes rasuah di Hong Kong menurun begitu mendadak. Kita kena lihat.

Kalau nak banding negara kita hari ini, kita hanya duduk dalam *ranking* 56 daripada 176 negara dan tahun ini menurun sedikit jadi 54 langkah dua saja, 54 daripada 176 negara. Contoh negara Hong Kong boleh kita buat panduan, mereka mengambil pendekatan menentang rasuah ini diabadikan dalam struktur organisasi Hong Kong, *Independent Commission Against Corruption* ataupun *ICAC* iaitu yang pertama *Department of Operation*, yang kedua *Department of Corruption Prevention*, dan yang ketiga *Department of Community Relation*.

Kita boleh ambil panduan sebab kita hendak membanteras rasuah ini Tuan Yang di-Pertua bukan dengan keupayaan kita. Kita kena jalin kerjasama dengan seluruh rakyat, kita kena beri pendidikan rakyat ini sejak daripada kecil barulah kita boleh menuju negara yang *zero corruption* di suatu hari nanti. Jadi saya harap kita boleh menjadi- faktor kejayaan Hong Kong membasmi rasuah yang pertamanya, sokongan yang kuat dari kerajaan dengan menampilkan *political wheel*, mewujudkan ruang lingkup perundangan dan peruntukan kewangan bagi membolehkan ICAC bergerak bebas dan fokus terhadap tanggungjawab mereka.

Kedua, pengambilan staf yang berkemahiran tinggi dan berpengalaman untuk berurusan dengan aktiviti sebenar pengurusan sektor swasta, sektor awam seperti akauntan, jurutera, bekas polis dan penjawat awam yang berpengalaman dengan cara ini dapat membantu ICAC merancang program pencegahan dan penyiantasan kes rasuah.

Ketiga, penglibatan klien di dalam semua fasa kajian dan membentuk SOP bersama dengan ICAC bermula daripada penetapan tugas melalui langkah tindakan pencegahan sehinggalah kepada bagaimana ia perlu dilaksanakan, program yang diaturkan ini telah mendapat sokongan dan komitmen daripada pihak awam dan swasta.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sajalah sedikit sebanyak ucapan saya di dalam Dewan yang mulia ini, dalam menyokong Usul ataupun Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan sekali lagi saya ingin tekankan, apa yang saya perkatakan sebentar tadi soal-soal di dalam Wilayah Persekutuan, soal-soal melibatkan tanah 99 tahun, soal-soal Masjid Abu Hurairah, soal-soal pasar di Sentul. Saya harap pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ataupun Kementerian Wilayah Persekutuan mengambil tindakan yang sewajarnya dan pihak JAWI juga saya harap dapatlah kira berjumpa dengan masyarakat setempat untuk membincangkan, untuk mengharmonikan keadaan.

■1610

Kalau tidak, walaupun cantik mana masjid dibuat, walaupun indah mana masjid yang dibina, akhirnya masyarakat setempat rasa terkilan dan tidak puas hati. Mereka terus menyoal, mempersoalkan pihak yang berkenaan kerana tidak pernah berjumpa dengan mereka, tidak pernah duduk semeja berbincang soal-soal kepentingan masyarakat di situ. Saya harap mereka-mereka yang mendengar dapat mengambil tindakan yang sewajarnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua sememangnya *handsome* orangnya. Kalau saya hendak sampai setengah jam lagi pun sudah pasti Tuan Yang di-Pertua membenarkan sebab Tuan Yang di-Pertua ini adalah mentor saya. Dia adalah mentor saya tetapi sayang, semasa dia mentor saya dulu, bertanding kalah, hendak buat macam mana tetapi *Alhamdulillah* hari ini ada rezeki Tuan Yang di-Pertua berada di puncak dan saya sebagai anak buah Tuan Yang di-Pertua tetap memberi sokongan padu bila-bila masa sekalipun.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Dengan kata-kata itu, saya mohon menyokong. *Wabillaahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani. Ucapan perbahasan yang dibuat oleh seorang yang berpengalaman, pemimpin akar umbi dan

banyak pengalaman. Itu dia pemimpin akar umbi iaitu banyak bahan-bahan baik untuk difikirkan sebenarnya. Dia tahu masalah berlaku di bandar raya ini, Wilayah Persekutuan.

Terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani. Terima kasih. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah bin Salleh.

4.12 ptg.

Datuk Haji Abidullah bin Salleh: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Yang Berbahagia Yang Berhormat ayahanda saya, Tuan Yang di-Pertua; Yang Berhormat Menteri-Menteri- ada seorang Menteri sahaja ya; Yang Berhormat sahabat-sahabat saya Ahli Dewan Negara; dan juga pegawai-pegawai yang berada di dalam Dewan ini dan juga di luar.

Pertamanya, marilah kita memanjatkan kesyukuran kepada Allah Taala kerana dengan izin dan limpah kurniaNya kita dapat kembali semula di Dewan yang mulia ini selama rasa saya sebelum saya berada di sini, tiga atau empat tahun di Dewan sementara di sini. *Alhamdulillah*, dengan ini saya tengok pagi itu boleh tahan dia punya cuaca dalam ini tetapi sebelah petang ini lebih sejuk Tuan Yang di-Pertua, mungkin dia naikkan suhu kesejukan.

Jadi, pertama sekali terima kasih diucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi izin kepada saya untuk membahaskan Menjunjung Kasih di atas Titah Diraja di dalam sesi persidangan kali ini. Di pati yang amat jelas boleh kita garap bersama daripada apa yang diktarkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah mengenai pentingnya semangat kerjasama dan perpaduan. Biarpun kita mungkin berbeza pendapat ataupun pendirian, pada asasnya kita hidup bersama sebagai rakyat Malaysia di bumi nan bertuah, perkara yang penting ini janganlah sesekali kita lupa dan alpa. Jadi Tuan Yang di-Pertua, perbahasan saya pada petang ini ramai rakan-rakan saya yang telah menyentuh sama juga dengan Yang Berhormat Datuk Abbas dan juga kawan-kawan lain seperti sara hidup, media sosial dan juga digital. Hari ini hanya lima perkara saja yang saya hendak sentuh walaupun ada perkara-perkara yang saya sentuh, saya mengambil masa yang serba ringkas kerana ramai yang hendak berbahas pada petang ini seramai 17 orang pada hari ini.

Yang pertama tentang pendidikan. Sebagaimana yang kita tahu, pendidikan merupakan satu perkara yang begitu penting di negara kita ataupun di mana-mana negara pun. Oleh kerana kalau hendak tengok negara itu maju atau tidak, tentang pendidikan terutama generasi-generasi muda yang akan menentukan masa akan datang. Jadi, kalau hari semalam disentuh oleh Dato' Sri Khairudin tentang anak-anak kita yang belajar di sekolah, terutama di sekolah rendah membawa beg yang begitu berat. Sepatutnya di negara kita yang telah maju dengan berbagai kaedah yang ada sekarang seperti komputer ataupun alat-alat yang begitu canggih.

Jadi, diharapkan terutama Kementerian Pelajaran cuba adakan suatu cara, kaedah supaya anak-anak kita tidak dibebankan dengan membawa beg yang begitu berat dengan adanya kaedah-kaedah sekarang yang begitu canggih. Kalau kita tengok anak-anak kita sekarang walaupun umurnya darjah empat, darjah lima dah pandai membaca kerana kemajuan di negara kita ini. Jadi, saya harapkan Kementerian Pelajaran cuba menitikberatkan silibus-silibus yang begitu supaya anak-anak kita tidak membawa beg yang begitu berat apabila datang ke sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua tentang keselamatan iaitu termasuklah tentera dan juga anggota polis. Kalau kita lihat sekarang kerana isu fasiliti ataupun kebajikan kepada anggota-anggota polis dan juga tentera, kita tengok rumah-rumah ataupun *flat-flat* yang didiami oleh anggota tentera dan juga polis begitu daif sekali. Ada sesetengah tempat dah dipulihkan dan ada sesetengah tempat yang belum dipulihkan.

Diharap pihak keselamatan terutama antara polis dan juga tentera dapat- kementerian ini dapat memperbaiki rumah-rumah tentera agar anggota-anggota ini dapat duduk atau tinggal dengan begitu selesa untuk menjaga keselamatan negara kita seperti yang ada yang kita tengok di tempat Dato' Haji Mohd Salim iaitu di Sendayan, di kawasan Sendayan. Kalau kita lihat minggu lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita melawat di Sendayan, begitu indah sekali. Jadi, kalau tempat-tempat yang indah ini didiami oleh anggota polis ataupun tentera, rasa saya mereka pun begitu gembira dan seronok dan dapat bekerja dengan begitu baik dengan menjaga keselamatan negara kita.

Isu yang kedua yang ingin dibangkitkan ialah mengenai kediaman dan para anggota yang berkhidmat, yang saya dah cakap tadi dan mungkin kerajaan juga boleh mengambil tindakan ataupun mengambil perkara-perkara yang perlu pada anggota-anggota polis dan juga tentera yang duduk di kuarters-kuarters atau di berek-berek yang ada di rumah-rumah mesra rakyat ataupun PPR ataupun PR1MA boleh diberi kepada mereka. Oleh kerana apabila mereka dah tamat berkhidmat, sekurang-kurangnya mereka ada rumah untuk mereka diami. Jadi, saya harap kementerian-kementerian ataupun yang terlibat untuk rumah PPR ataupun PR1MA ataupun rumah mesra rakyat ini agar mengambil berat atau mengambil perkara-perkara ini agar diutamakan kepada anggota-anggota keselamatan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga iaitu mengenai perumahan mampu milik. Saya lihat perumahan mampu milik ini berebut-rebut di antara GLC-GLC yang hendak membuat rumah seperti RISDA, PR1MA, PPR. Jadi, saya tengok terutama PR1MA. PR1MA membuat rumah terutama untuk golongan B40 ataupun M40 kerana yang kita tengok rumah yang didirikan oleh PR1MA ini begitu mahal sekali. Serupa macam di Melaka, PR1MA buat di satu tempat lebih kurang dalam 2 atau 3 kilometer daripada bandar Melaka, menjual rumah sampai RM280,000. Manalah katakan generasi B40 ini boleh mampu membeli, terutama yang mereka mempunyai pendapatan yang sederhana ataupun rendah.

■1620

Jadi saya harapkan PR1MA ataupun agensi-agensi yang membuat rumah ini supaya kawal sedikit harganya supaya generasi muda ini dapat membelinya. Ini menjadi satu beban kepada kita kerana generasi muda ini terpaksa menyewa. Berapa lama yang dia nak menyewa? Sewa berapa tahun pun bukan rumah mereka. Akhirnya mereka mempunyai anak yang ramai. Jadi kita harapkan agensi-agensi atau GLCs yang diwujudkan oleh kerajaan ini akan mengambil kira.

Kita tahu, janganlah sama seperti di Kuala Lumpur dan juga di Melaka. Kalau di Kuala Lumpur rumah PR1MA ini RM280,000, RM300,000 kemungkinan kerana tanahnya mahal. Akan tetapi di Melaka, tanahnya lebih murah daripada di Kuala Lumpur tetapi harganya sedikit pun tidak kurang. Ini terpaksa kerajaan atau kementerian harus mengawal harga-harga rumah ini.

Jadi isu yang keempat iaitu Tuan Yang di-Pertua mengenai pelancongan. Ini mengenai Melaka. Saban hari, setiap minggu ataupun di hujung minggu terutamanya kalau katakan hari Isnin cuti, Isnin depan 24 hari bulan ini cuti. Di Melaka ini, kita tahu negeri pelancongan, negeri bersejarah, negeri bandar warisan yang telah diiktiraf oleh UNESCO. Kesesakan lalu lintas ini sudah macam biasa tetapi ramai juga yang datang ke Melaka. Saya pun tidak tahulah.

Jadi saya harapkan kementerian yang terlibat sama ada Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kerja Raya cuba memikirkan. Ini kerana Kerajaan Negeri Melaka di bawah Yang Amat Berhormat Datuk Seri Ir. Idris bin Haji Haron telah mencadangkan pelbagai untuk menaiktarafkan jalan raya. Dahulu dua lorong, tiga lorong pun sesak. Jadi saya harap, kerajaan ataupun di bawah Jabatan Perdana Menteri di bawah ICU. Ini kerana permohonan telah dibuat supaya adakan LRT ataupun monorel daripada Ayer Keroh hinggalah ke Bandar Hilir. Ini kerana itulah menjadi satu tempat tumpuan bagi pengunjung-pengunjung di Melaka baik pengunjung domestik ataupun pengunjung dari luar negara.

Jadi saya harapkan kementerian yang terlibat dapat ambil kira tentang apa yang berlaku di negeri Melaka. Seheinggakan macam saya, Yang Berhormat Datuk Zali kalau hujung minggu ini hendak pergi sebelah Bandar Hilir itu memang kita tidak akan pergi kerana kesesakan. Kadang-kadang sampai satu jam. Dari rumah saya, terpaksa pakai Waze hendak tengok mana jalan yang lebih cepat sampai ke sana.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali tentang JAKIM di Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana pada tahun ini JAKIM telah mewujudkan satu jawatan. Saya tidak tahulah kalau di Melaka ada. Di negeri lain saya pun tidak tahu, telah mewujudkan Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam dan juga Pembantu Pegawai Hal Ehwal Islam yang membantu masjid DUN dan juga Parlimen. Masjid DUN dan juga Parlimen. Makna satu Parlimen, ada satu masjid Parlimen yang dibayar gaji oleh JAKIM dan dalam satu DUN itu ada satu masjid DUN yang dibayar gaji oleh JAKIM.

Jadi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada JAKIM. Akan tetapi saya harapkan JAKIM agar untuk memartabatkan pegawai ini, pegawai ini macam imam. Dia menjadi imam zuhur, asar. Mungkin kalau dia suka dekat situ lagi, dia akan jadi imam maghrib dan juga isyak walaupun ada imam tempatan di situ. Dia membantu. Biasanya kalau di kampung-kampung, kadang-kadang imam ini bukan bergaji sangat. Hanya dapat elaun mungkin RM100 atau RM150. Jadi dengan adanya pegawai ini sebenarnya dia kerja lapan pagi hingga lima petang.

Jadi untuk memartabatkan imam-imam ini saya harapkan JAKIM dapat mengubah balik atau dapat cuba kaji balik supaya dapat menaikkan taraf imam-imam yang telah dilantik daripada S17 tidak silap saya. Gaji dia tidak sampai RM2,000, itulah dana dia, dia hendak bayar sewa rumah. Kadang-kadang dia duduk tempat lain, bukan kampung itu sendiri. Jadi saya harap pihak JAKIM akan cuba ubah balik ataupun analisa balik gaji-gaji ataupun elaun-elaun yang telah dilantik oleh JAKIM ini supaya mereka boleh bekerja di situ. Tidak adalah mereka terpaksa kerja untuk mencari duit yang lain untuk keluarga mereka.

Jadi itu sahaja yang saya hendak sampaikan pada petang ini kerana ramai yang sudah cakap apa yang saya hendak beritahu. Jadi akhir sekali, saya menyokong Titah Diraja Yang di-Pertuan Agong. Sekian, *wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah bin Salleh yang menceritakan bandar Melaka yang masih lagi sesak katanya dan terima kasih. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin, dipersilakan.

4.27 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera, salam 1Malaysia dan salam Malaysia negaraku.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang dan kesempatan untuk saya berucap atas Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang Ke-15, Sultan Muhammad V kerana berkenan berangkat menyampaikan Titah pada Istiadat Pembukaan Persidangan Parlimen, Mesyuarat Pertama, Penggal Kelima, Parlimen Ketiga Belas pada 6 Mac 2017 yang lalu. Saya mendoakan agar Tuanku Yang di-Pertuan Agong akan terus menaungi dan memayungi negara dan meneruskan kesinambungan pemerintahan yang adil dan saksama serta mengutamakan kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.

Sesungguhnya pada 6 Mac 2017 adalah merupakan tarikh yang bersejarah kepada Parlimen Malaysia dan negara Malaysia amnya kerana buat pertama kalinya Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-15, Sultan Muhammad V telah menyampaikan Titah pada Pembukaan Persidangan Parlimen.

Di dalam Titah Baginda, Tuanku telah pertamanya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Jemaah Menteri, anggota-anggota pentadbiran, penjawat awam, pemimpin masyarakat dan rakyat jelata yang telah berpenat lelah membangunkan negara. Baginda turut merakamkan penghargaan kepada Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia dalam memastikan keamanan dan keselamatan negara terutamanya dalam mengurangkan kadar jenayah, membasmi fahaman radikal dan ajaran sesat serta ideologi militan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya di dalam ucapan Menjunjung Kasih Titah Yang di-Pertuan Agong ini menyentuh beberapa perkara termasuklah kadar jenayah negara, isu pendatang tanpa izin (PATI) dan sebagainya.

Saya ingin menyentuh berhubung dengan Kementerian Dalam Negeri. Tuanku dalam Titahnya telah menyentuh berhubung langkah kerajaan mempertingkatkan keamanan dan keselamatan negara.

■1630

Berhubung dengan ini, pertamanya saya ingin mendapatkan penjelasan kadar atau indeks jenayah, perjudian dan maksiat di seluruh negara bagi tempoh tiga tahun kebelakangan ini dari tahun 2014, 2015, 2016 dan 2017 kini. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apakah langkah dan tindakan tegas yang telah diambil bagi membendung kegiatan jenayah perjudian dan

maksiat yang merebak terutamanya di negeri Selangor dan juga perjudian secara atas talian atau *online*?

Berhubung dengan KDN ini juga, keduanya saya ingin menyentuh mengenai isu pendatang asing tanpa izin (PATI). Saya mengalu-alukan langkah kerajaan dalam melaksanakan pembiayaan kad sementara atau E-Kad mulai 15 Februari 2017 yang lalu bagi tujuan memberikan peluang kepada PATI tanpa dokumen perjalanan sah dan bekerja secara haram di negara ini diberikan kad kebenaran bekerja sementara. Langkah ini juga dapat memantau PATI. Saya ingin mendapat penjelasan, berapakah jumlah PATI yang telah diberikan E-Kad ini?

Saya difahamkan walaupun E-Kad ini diberikan percuma tetapi sebelum PATI mendapat E-Kad ini, PATI perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu di bawah Program Penggajian dan Penempatan Semula PATI, program *rehiring*, dengan izin, dan ia diuruskan oleh tiga syarikat. Saya ingin mendapat penjelasan, berapakah kos *rehiring* PATI ini?

Baru-baru ini dilaporkan terdapat cawangan Jabatan Imigresen yang mengeluarkan E-Kad ini tanpa mematuhi prosedur KDN dan saya ingin mendapat penjelasan, sejauh manakah kebenarannya isu ini dan apakah tindakan yang telah diambil berhubung dengan pengeluaran E-Kad ini?

Berhubung dengan PATI ini juga, saya ingin mendapat penjelasan kerajaan mengenai anggaran PATI yang terdapat di negara kita sekarang ini dan apakah benar jumlah PATI di negara kita ini sudah melebihi tiga juta orang? Apakah langkah kerajaan bagi menangani masalah kebanjiran PATI di negara kita ini khususnya di dalam aspek keselamatan?

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan KDN juga, saya ini menyentuh mengenai isu bayaran bagi gantian kad pengenalan yang hilang yang telah dilaksanakan sejak 15 Oktober 2015 yang lalu. Jabatan Pendaftaran Negara telah melaporkan kehilangan sejumlah 1,356,135 kad pengenalan dari tahun 2010 hingga 2015 menyebabkan kerajaan memperkenalkan dasar baru bayaran gantian kad pengenalan. Kadar baru bayaran yang dikenakan adalah RM10 bagi bayaran permohonan manakala RM100 bagi bayaran proses gantian kad pengenalan kehilangan kali pertama, RM200 bagi kehilangan kali kedua dan RM1,000 bagi kehilangan kali ketiga. Kadar gantian ini adalah bagi kehilangan yang disebabkan kecuaiannya individu tersebut.

Saya mendapat maklum balas yakni kadar bayaran gantian Kad Pengenalan yang hilang ini terutama yang baru ini membebankan rakyat khususnya di luar bandar terutama yang berpendapatan rendah. Malah, ada di kalangan mereka yang tidak melaporkan kehilangan Kad Pengenalan ini kerana tidak mampu membayar *fees* yang dikenakan.

Sehubungan dengan itu, saya meminta kerajaan mengkaji semula kadar bayaran gantian kehilangan Kad Pengenalan yang diperkenalkan ini supaya tidak membebankan rakyat, tambahan pula sekiranya kad pengenalan yang hilang ini bukanlah sesuatu yang disengajakan.

Saya ingin mendapatkan penjelasan, berapakah kos bagi pengeluaran setiap Kad Pengenalan dan apakah mekanisme yang digunakan bagi membantu individu yang tidak berkemampuan untuk membayar bayaran gantian Kad Pengenalan yang hilang ini?

Tuan Yang di-Pertua, Tuanku juga turut menyentuh bidang pendidikan. Berhubung dengan pendidikan ini juga, saya ingin membangkitkan tentang program untuk melahirkan generasi *ulul*

albab iaitu program pengajian bagi melahirkan ulama rabbani yang pakar dalam bidang agama dan kehidupan.

Program yang dikenali sebagai Al-Syahadah Al-Ulya Ulul Albab ini telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 6 Julai 2015 yang lalu dan perasmian program oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu pada 2 April 2016 yang lalu. Dengan pengambilan pertama seramai 50 orang pelajar kini sedang dijalankan di Sekolah Menengah Imtiaz, Besut. Program ini mendapat kerjasama Yayasan Terengganu, Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM), Kementerian Pendidikan Malaysia serta disokong oleh Kementerian Pendidikan Tinggi.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, idea ini diilhamkan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Haji Idris Jusoh, Menteri Pengajian Tinggi sekarang ini.

Kumpulan pertama pengajian Al-Syahadah Al-Ulya Ulul Albab ini akan menduduki SPM pada tahun ini dan pelajar-pelajar ini sepatutnya akan mengikuti pengajian asasi secara serentak dalam dua bidang iaitu bidang agama seperti syariah, usuluddin, hadis dan sebagainya serta bidang sains, kejuruteraan dan teknologi seperti perubatan, farmasi dan lainnya.

Saya difahamkan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Malaya, Universiti Islam Antarabangsa telah pun bersetuju untuk menyediakan program asasi ijazah berkembar atau *double degree* ini.

Saya ingin mendapatkan penjelasan, setakat manakah modul untuk program pengajian asasi ijazah berkembar atau *double degree* ini telah disediakan oleh universiti-universiti berkenaan? Adakah lain-lain universiti awam selain dari yang dinyatakan tadi ada yang bersedia menawarkan pengajian asasi berkembar ini? Dan adakah pihak JAKIM akan memberikan pengiktirafan atau persijilan kepada pelajar-pelajar ini yang telah mengikuti pengajian Kitab Turath yang dijalankan di bawah program ini? Dan setakat manakah JAKIM, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi dalam menyokong program Al-Syahadah Al-Ulya Ulul Albab ini di peringkat asasi, ijazah dan lepasan ijazah bagi memastikan kejayaan untuk melahirkan ilmuwan Islam ini tercapai?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh berhubung dengan Kementerian Pengajian Tinggi khususnya cadangan kerajaan untuk membenarkan semua universiti awam menawarkan lima peratus tempat kepada pelajar asing dalam bidang perubatan, farmasi dan pergigian mengikut yuran pengajian harga pasaran semasa. Langkah ini diambil kerana kerajaan berpendapat negara sudah pun mempunyai lebih dari segi bekalan doktor manakala bidang farmasi dan pergigian telah lebih daripada mencukupi.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan bilangan pelajar negara ini yang mengikuti kursus perubatan, farmasi dan pergigian di luar negara memandangkan bilangan doktor, ahli farmasi dan pergigian melebihi keperluan negara. Adakah kerajaan bercadang menghentikan penghantaran pelajar negara ini menuntut ke luar negara dalam bidang pengajian berkenaan termasuk menghentikan penajaan dalam bidang-bidang yang berkaitan?

Seterusnya saya ingin menyentuh berhubung dengan Kementerian Kesihatan. Baginda Tuanku telah bertitah menyentuh tentang keprihatinan berhubung dengan peningkatan yang agak membimbangkan kes-kes penyakit tidak berjangkit seperti diabetes, hipertensi dan paras kolesterol yang tinggi. Selain daripada itu, NCD juga berpunca daripada obesiti, rokok dan alkohol. Penyakit

tidak berjangkit sekiranya tidak dikawal akan mengakibatkan pelbagai komplikasi seperti kegagalan buah pinggang, strok dan penyakit jantung.

Saya ingin mendapat penjelasan, apakah langkah kerajaan dalam menangani penyakit tidak berjangkit ini secara lebih menyeluruh dan berkesan? Sejauh manakah kejayaan Program Komuniti Sihat Perkasa Negara (KOSPEN) yang telah dilaksanakan semenjak tahun 2013 yang lalu telah berjaya dengan berkesan dalam pencegahan dan kawalan penyakit di kalangan masyarakat? Saya juga ingin mendapatkan penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan, berapakah bilangan doktor yang berada di sektor kerajaan sekarang ini dan kalau lebih, berapa ramaiakah lebihan yang ada sekarang ini?

■1640

Saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa merokok sebagai haram telah pun berkuat kuasa semenjak tahun 1995 lagi iaitu lebih 22 tahun yang lalu. Umpamanya muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Hal Ehwal Fatwa, Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali yang 37 pada 23 Mac 1995 telah memutuskan merokok itu haram. Begitu juga Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah mengharamkan rokok pada 7 Disember 1995 di bawah Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989.

Isu rokok ini adalah berhubung kait dengan bekalan rokok yang mudah diperolehi. Memandangkan rokok adalah haram di sisi agama Islam sebagaimana kedua-dua fatwa berkenaan, maka menjual dan membeli rokok juga adalah haram untuk orang Islam. Saya ingin mencadangkan agar kerajaan mengharamkan penjualan rokok kepada orang Islam dan orang Islam juga dilarang daripada menjual rokok sebagaimana pengharaman menjual arak kepada orang Islam. Saya meminta Kementerian Kesihatan bersama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kepenggunaan (KPDNKK) serta JAKIM untuk mengkaji perkara ini. Kalau jual rokok marah pula, hisap rokok.

Tuan Yang di-Pertua, khususnya Kementerian Kerja Raya seterusnya saya ingin menyentuh Kementerian Kerja Raya berhubung dengan LPT2 dan LPT3. Pertamanya berhubung dengan LPT2 yang telah dibuka sepenuhnya semenjak 31 Januari 2015 sepanjang 184 kilometer daripada Jabor, Kemaman ke Gemuruh, Kuala Nerus. Bagaimanapun semenjak dibuka LPT ini telah dikenali sebagai lebuhraya maut kerana kerap berlaku kemalangan di LPT2 ini.

Sehubungan dengan itu saya ingin mendapat penjelasan bilangan kemalangan dan kemalangan maut yang telah berlaku di LPT2 semenjak dibuka sehingga kini. Kemalangan di LPT2 adalah antaranya berpunca dari haiwan peliharaan dan juga seperti lembu, binatang buas seperti babi, harimau pun ada dan sebagainya. Apakah langkah dan tindakan kerajaan bagi mengatasi kemalangan di LPT2 ini yang berpunca daripada haiwan dan apakah langkah yang diambil bagi meningkatkan keselamatan pengguna di LPT2 termasuklah kaedah turapan jalan yang tidak memuaskannya di beberapa tempat.

Saya menerima maklum balas bahawa pengguna LPT2 agak bimbang apabila memandu ataupun menggunakan lebuhraya ini pada waktu malam kerana kurangnya lampu jalan dan kemungkinan ancaman haiwan. Adakah kerajaan sudah mengenal pasti kawasan yang sering

berlakunya kemalangan akibat dari haiwan ini dan adakah kerajaan bercadang memasang lampu lebih banyak di lebuhraya ini bagi memastikan pagar-pagar sepanjang LPT 2 dalam keadaan baik.

Keduanya berhubung dengan cadangan LPT3 yang menghubungkan Gemuruh, Terengganu ini ke Tumpat, Kelantan melalui Setiu dan Besut meliputi jarak sejauh 124 kilometer dengan anggaran kos RM2.4 bilion. Adalah penting bagi mengatasi kesesakan lalu lintas semasa musim perayaan, menjimatkan masa perjalanan dan mengurangkan kadar kemalangan. LPT3 akan menjadi pemangkin bagi pembangunan sosioekonomi sepanjang laluan LPT3 ini.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan status projek LPT3 ini dan bilakah ianya akan dimulakan. Kalau kita tidak mula sekarang, kosnya akan lebih meningkat lagi pada masa-masa yang akan datang dan projek ini sangat dinanti-nantikan oleh rakyat khususnya dari Parlimen Setiu dan Besut yang sentiasa setia mengundi BN.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh Kementerian Belia dan Sukan. Pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada Jaguh Trek Negara, Azizulhasni Awang, anak Terengganu yang baru sahaja mencipta sejarah apabila menjuarai acara keirin di Kejohanan Trek Dunia di Hong Kong baru-baru ini. Kejayaan Azizulhasni bukan sahaja membanggakan rakyat Terengganu tetapi juga rakyat Malaysia seluruhnya kerana pemenang pingat gangsa Sukan Olimpik Rio ini menunggu selama 10 tahun sebelum muncul sebagai pelumba pertama negara memenangi emas di kejohanan yang berprestij ini.

Kejayaan Azizulhasni atau digelar, "*The Pocket Rocketman*" melayakkannya menjadi "Raja Keirin Dunia." Kejayaan beliau ini diharap menjadi penyuntik atau pembakar semangat kepada ahli pelumba basikal lainnya dan ahli sukan seluruhnya untuk mencapai kejayaan cemerlang dalam Sukan SEA di Kuala Lumpur 2017 atau KL2017.

Berhubung dengan KL2017 ini saya ingin mendapatkan penjelasan Kementerian Belia dan Sukan setakat manakah persediaan Kuala Lumpur untuk mengadakan KL2017 ini termasuk dari segi penyediaan tempat atau *venue* pertandingan dan persediaan atlet negara keseluruhannya serta apakah harapan dan sasaran Malaysia untuk memenangi pingat dalam Sukan SEA 2017 ini.

Seterusnya saya ingin menyentuh berhubung dengan TN50. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak yang mencetuskan idea untuk merangka wawasan Transformasi Nasional 2050 atau TN50 sebagai kesinambungan wawasan dan gagasan negara sebelum ini termasuklah Wawasan 2020 dan TN50 adalah merupakan hala tuju 30 tahun selepas itu. Lebih dari itu TN50 ini adalah satu pemetaan bangsa Malaysia 100 tahun selepas kemerdekaan negara.

Apakah rupa bangsa Malaysia selepas 100 tahun dari pelbagai bidang termasuklah dari segi budaya, ekonomi, pendidikan serta politik namun asasnya setiap rakyat mestilah mempunyai minda *par excellence* dalam melahirkan rakyat berwibawa dalam membina negara bangsa Malaysia yang terunggul. Sehubungan dengan itu saya ingin mendapat penjelasan sejauh manakah masyarakat desa dan luar bandar akan terus relevan dan inklusif dalam merangka TN50 ini kerana hakikatnya jati diri rakyat negara ini adalah mesti berakar umbi dari budaya kehidupan desa dan luar bandar.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Baginda juga dalam titahnya menyeru agar lebih banyak usaha diambil bagi memastikan jaminan makanan yang mencukupi dan berkualiti dengan harga yang munasabah bagi memenuhi keperluan rakyat. Saya mengalu-alukan langkah kerajaan dalam memperkenalkan Dasar Agromakanan Negara 2011 sehingga 2020 bagi meningkatkan sumbangan sektor pertanian kepada ekonomi negara dengan objektif dengan menjamin bekalan makanan yang mencukupi menjadikan industri agromakanan sebagai industri yang berdaya saing dan mampan dan seterusnya meningkatkan tahap pendapatan usahawan tani.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan apakah langkah kerajaan bagi memaju dan membangunkan lagi bidang pertanian khususnya dalam memajukan tanah-tanah pertanian yang terbiar dan tidak diusahakan.

Kedua, apakah langkah kerajaan bagi memperkenalkan dan menggalakkan pertanian moden di kalangan petani untuk menggantikan pertanian tradisional.

Dan ketiga apakah langkah kerajaan untuk meningkatkan pendapatan petani bagi membolehkan petani menjana pendapatan yang lebih tinggi supaya mereka keluar dari belunggu kemiskinan.

Berhubung dengan pertanian ini juga, saya mengalu-alukan inisiatif kerajaan dalam melaksanakan Program Gelombang Tani Nasional 2017, dan Agropreneur Muda TN50. Banyak kampung pertanian tradisional yang tidak produktif kerana kebanyakan penduduknya sudah tua manakala anak muda telah berhijrah keluar kerana belajar atau bekerja. Tenaga kerja dalam bidang pertanian ini juga amat terhad bilangannya.

■1650

Walaupun terdapat hasil kelapa, pisang dan sebagainya namun hasil pertanian ini tidak dapat dikeluarkan kerana ketiadaan tenaga kerja dalam bidang pertanian ini.

Saya ingin mendapatkan penjelasan bagaimanakah program GTN 2017 ini dapat dilaksanakan secara meluas dan menyeluruh ke serata negara serta apakah peranan agensi-agensi kerajaan yang akan terlibat bagi menjayakan GTN 2017 dan *Agropreneur* Muda TN50 ini. Saya juga ingin mencadangkan agar GLC-GLC, syarikat-syarikat milik kerajaan ini melihat peluang-peluang melabur dan membeli aset-aset yang berteraskan, berorientasikan pengeluaran makanan di luar negara seperti ladang gandum, ladang ternakan dan sebagainya kerana kita melihat banyak GLC yang melabur di luar negara beli hotel, beli bangunan, beli hospital dan sebagainya saya tidak dapat kepastian ada juga GLC buka ladang kelapa sawit.

Akan tetapi tidak ada satu pun GLC yang berusaha mendapatkan ladang ataupun aset-aset di luar negara bagi membeli ladang-ladang pengeluaran makanan seperti mengeluarkan susu, mengeluarkan gandum dan sebagainya. Kita mengimport bahan-bahan ini semenjak daripada dulu pun. Ini merupakan satu peluang yang baik seperti mana kita kalau kita ada ladang ternakan di luar negara, kalau kita dapat beli di negara China kah, di India dan sebagainya.

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai Kementerian Kemajuan Luar Bandar ini, dalam Titah Tuanku turut menyentuh berhubung dengan cabaran kehidupan rakyat untuk memiliki rumah. Dalam hubungan ini kerajaan dengan jelas

sentiasa memberikan komitmen untuk terus menyediakan lebih banyak rumah mampu milik kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana seperti Projek Perumahan Rakyat 1Malaysia, Rumah Penjawat Awam 1Malaysia dan sebagainya.

Saya ingin menyentuh berhubung dengan Perumahan Generasi Baru FELDA (PGBF) yang dianggarkan akan dibina 20 ribu buah dalam tempoh lima tahun ini. Saya difahamkan pembangunan rumah generasi kedua ini akan dilaksanakan oleh Syarikat Perumahan FELDA Sendirian Berhad dan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB). Saya ingin mendapatkan penjelasan, pertama, bilangan rumah yang telah siap dibina sehingga kini dan kedua, lokasi bagi pembinaan rumah generasi kedua di masa hadapan dan jumlahnya.

Saya juga ingin mencadangkan kepada kerajaan dan FELDA menggubal satu sistem bagi membantu generasi baru FELDA ini supaya membina lebih banyak perumahan ini di kawasan-kawasan rancangan FELDA itu sendiri bagi mengelakkan penghijrahan anak-anak FELDA ke tempat lain dan juga membina, memperbandarkan rancangan FELDA itu sendiri.

Seterusnya saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang terus memberikan keutamaan untuk mempertingkatkan pembangunan luar bandar dengan memberikan tumpuan kepada usaha untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat luar bandar, merangsangkan aktiviti ekonomi dan penyeliaan asas luar bandar. Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan setakat manakah kemajuan langkah kerajaan untuk mewujudkan profil 17,900 kampung seluruh negara yang lengkap dan komprehensif melalui sistem profil kampung peringkat nasional dan sejauh manakah profil kampung ini akan memberi manfaat kepada ke semua agensi kerajaan dalam perancangan dan pembangunan kawasan luar bandar serta bagi kegunaan orang ramai.

Kebetulan Yang Berhormat Menteri Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah pun ada di sini saya juga ingin mencadangkan agar kerajaan membina jalan dari Kampung Pecah Rotan ke Parlimen Setiu, dari Kampung Pecah Rotan ke Lingai di dalam Parlimen Setiu kerana jalan ini telah lama diluluskan oleh kerajaan tetapi tidak dilaksanakan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jalan ini telah pun di luluskan pada masa Tun Abdul Ghafar Baba menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah pada masa itu. Saya mohon perkara ini diambil perhatian oleh kerajaan khususnya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Satu perkara lagi sebelum saya pergi kepada KPDNKK ini Yang Berhormat Menteri, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan sama ada kerajaan sedar atau tidak bahawa Pembantu Pembangunan Masyarakat (PPM) TBK Kemas ini dibayar elaun hanya sebanyak RM500 sebulan sekarang ini dan jauh lebih rendah daripada gaji minimum RM900 sebulan.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan. Seterusnya saya ingin menyentuh berhubung dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan ini, dalam Titah Diraja Baginda menyebut bahawa kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk meningkatkan pendapatan dan bantuan kepada rakyat untuk menangani masalah kos sara hidup.

Dalam hubungan ini, Tuanku turut menekankan betapa pentingnya tindakan penguatkuasaan dipergiatkan ke atas peniaga yang tidak bertanggungjawab menaikkan harga barang sesuka hati dan mengaut keuntungan yang berlebihan. Saban hari rakyat bersungut kerana hakikatnya berlaku kenaikan harga barang keperluan termasuklah barang runcit ikan, ayam, daging dan sebagainya termasuklah makanan minuman restoran malah pakaian, ubatan dan yuran pendidikan.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan setakat manakah kita dapat mengawal harga barangan ini termasuk kawalan dari peringkat rangkaian bekalan atau *supply chain* bagi memastikan harga di peringkat runcit tidak membebankan rakyat. Saya ingin juga mendapatkan penjelasan setakat manakah keberkesanan jawatankuasa khas menangani kos sara hidup rakyat yang ditubuhkan dalam mendepani isu peningkatan kos sara hidup dalam pelbagai sektor ekonomi dan sosial. Sejauh manakah keberkesanan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dalam mengawal harga barangan pengguna dan nyatakan jumlah penguatkuasaan yang telah diambil bagi tempoh 2015 dan 2016 serta 2017 hingga kini.

Saya mengesah KPDNKK supaya memastikan tindakan berterusan pada peniaga-peniaga di tempat awam seperti Terminal Bersepadu Selatan, pasar dan hentian R&R yang didapati sering mengambil kesempatan menaikkan harga melampaui keuntungan. Saya ingin mendapatkan penjelasan KPDNKK apakah langkah kerajaan bagi memberikan harapan kepada semua pengguna, kepada rakyat bagi memastikan kos sara hidup rakyat tidak terus meningkat dan membebankan. Apa yang rakyat yang harapkan ialah kos sara hidup mereka tidak meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, Tuanku dalam Titah Baginda telah menyentuh berhubung dengan langkah kerajaan menjadikan negara ini mengamalkan prinsip *wasatiyyah* atau kesederhanaan termasuk sebarang unsur penghinaan terhadap agama Islam dan institusinya di negara ini. Langkah kerajaan mengangkat *wasatiyyah* sebagai dasar negara adalah daya upaya strategik dan tepat. Malaysia dalam kalangan negara besar seperti India, China dan lainnya mahupun dunia Islam seperti Arab Saudi dan dunia Islam lainnya mempunyai kekuatan dan keupayaan yang luar biasa. Aura positif diplomasi di peringkat antarabangsa diasaskan oleh pendekatan *wasatiyyah* atau kesederhanaan dalam semua perkara malah manhaj Malaysia tidak dikenali dengan sikap ekstrem *taksub* dan militan. Tidak keterlaluan kalau dikatakan berdaya dan tasawur kita adalah selamanya berasaskan kepada prinsip *wasatiyyah* atau kesederhanaan ini.

■1700

Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan. Apakah langkah kerajaan untuk mengangkat *wasatiyyah* ini sebagai dasar negara dengan penuh komitmen dan kesungguhan? Termasuklah memperkasakan peranan institut *wasatiyyah* Malaysia supaya memberi impak kepada bidang pendidikan, belia, ekonomi, pembangunan, pentadbiran, perundangan, sosial, politik dan kenegaraan serta keselamatan dan pertahanan negara.

Peranan IWM ini perlu gagah menghadapi era digital dan media alternatif masa kini, terutamanya bagi menghadapi kumpulan radikal, militan dan *terrorism* yang mengancam umat Islam di negara ini serta beriltizam menjadikan *wasatiyyah* sebagai dasar penting negara. Saya juga ingin menyentuh berhubung dengan pelancongan, khususnya *Visit Beautiful Terengganu 2017*.

Walaupun baru tiga bulan telah dilancarkan tetapi telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari pelancong domestik dan antarabangsa.

Yang Berhormat Datuk Seri Ahmad Razif, Menteri Besar Terengganu baru-baru ini menyatakan bilangan pelancong ke Pulau Perhentian, Terengganu telah meningkat 13 peratus daripada 19,623 orang tahun lalu kepada 22,175 orang bagi tempoh yang sama tahun ini. Kerajaan negeri menyasarkan peningkatan 30 peratus domestik dan antarabangsa atau 5.5 juta orang.

Saya ingin mendapatkan penjelasan. Apakah kerajaan, khususnya Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dalam membantu negeri-negeri dalam mempromosikan aktiviti pelancongan, termasuk negeri Terengganu yang bukan sahaja kaya dengan alam semula jadi seperti pulau dan pantai tetapi juga pelbagai barang kraf seperti batik, songket, tembaga, ukiran kayu, keropok lekor, nasi dagang dan sebagainya.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini menyeru kepada semua umat Islam dari semua peringkat tanpa mengira usia, apa fahaman supaya bersatu dengan mengetepikan fahaman politik dan bersama memartabatkan dan memperkasakan Islam demi kesejahteraan semua rakyat.

Kerajaan dan kepimpinan negara masa kini dengan visi yang jelas untuk memacu negara untuk menjadi negara maju dan memastikan kesejahteraan negara. Kerajaan juga telah membuktikan komitmen membela rakyat tanpa mengira bangsa, agama dan keturunan walaupun terpaksa menghadapi dan mengharungi fitnah dan cemuhan dari kelompok tertentu yang tidak bertanggungjawab. Namun, *insya-Allah* dengan keikhlasan dan kejujuran serta iltizam yang tinggi, negara ini akan terus mencapai kemuncak kejayaan kerana kepimpinan kerajaan hari ini adalah pemimpin yang dapat memberikan harapan untuk pewaris generasi masa depan untuk negara tercinta Malaysia. Malaysia negaraku tercinta. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin, telah banyak memberikan pandangan, juga banyak melakukan untuk Negeri Terengganu. Satu perkara yang saya nampak tadi ialah Program Ulul Albab iaitu dijayakan oleh negeri Terengganu di mana hasratnya itu untuk melahirkan insan cemerlang dari segi akademik dan juga agamanya tadi. Tahniah ya? Jadi, saya ucap terima kasih banyak Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman dan Yang Berhormat telah berucap lebih sedikit setengah jam, ya?

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad. Dipersilakan.

5.04 ptg.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Titah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Dengan menjunjung Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V, serta mewakili seluruh pimpinan UMNO Kelantan dan rakyat, saya ingin mempersembahkan ucapan tahniah ke atas Tuanku di atas pelantikan sebagai Seri

Paduka Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 13 Disember 2016 dan pertabalan pada 24 April 2017.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku atas lantikan untuk penggal kedua saya selaku Ahli Dewan Negara dan saya juga zahirkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, juga kepada Dato' Sri Mustapa Mohamed, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan dan juga Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil selaku ketua saya.

Tuan Yang di-Pertua, mewakili rakyat Kelantan, saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga di atas usaha dan inisiatif Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan Projek ECRL. Projek Lebuhraya Kota Baharu-Kuala Krai yang mana projek-projek ini bakal mengubah landskap pembangunan koridor pembangunan Kelantan dan memastikan jaringan pengangkutan darat lebih komprehensif.

Bagi memastikan pembangunan ECRL dan pengangkutan darat ini lebih inklusif dan memberi nilai tambah kepada penduduk Kelantan, saya ingin mendapatkan beberapa penjelasan daripada EPU berhubung:

- (i) Projek ECRL ini- bagaimanakah EPU atau ECER merancang penyertaan pasaran peluang kerja rakyat setempat dengan menekankan penyertaan kerja ataupun graduan lepasan diploma dan ijazah dan belia lepasan institusi kemahiran melalui konsep *engagement* dan perantisan?;
- (ii) bagaimanakah syarikat Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. dan CIDB meneroka dan membuka peluang-peluang perniagaan dan kontrak, kerja perundingan, pembinaan stesen dan kerja kejuruteraan pengangkutan dan awam bagi kontraktor-kontraktor tempatan di negeri Kelantan?;
- (iii) merancang atau membuka sebuah pusat latihan kemahiran kejuruteraan rel atau teknologi pengangkutan di Kelantan dengan kerjasama MRL, KTMB melalui kerjasama *Malaysia Railway Academy*, Batu Gajah, Perak; Prasarana dan Kementerian Pengangkutan agar belia-belia yang tidak mempunyai pekerjaan di Kelantan didedahkan dengan peluang pekerjaan di sektor teknologi pengangkutan dan rel kerana peluang sektor ini akan mengalami pertumbuhan apabila ECRL, *high speed rail* dan MR2 telah mula beroperasi sepenuhnya; dan
- (iv) apakah Kerajaan Persekutuan melalui EPU dan ECER menjalin kerjasama dengan kerajaan negeri melalui Majlis Pembangunan Fizikal Negara untuk merancang pembangunan koridor baru meliputi pertumbuhan bandar baru di sekitar stesen Pengkalan Kubor yang baru diumumkan ataupun Wakaf Baru, Kota Baharu, Jelawat dan Tok Bali akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi rakyat setempat.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan projek ECRL ini juga, saya mohon agar bayaran pampasan pengambilan tanah diberikan setimpal dengan harga yang berbaloi dengan prestasi ekonomi semasa walaupun tanah yang diambil merupakan tanah berstatus pertanian. Ini kerana

dalam cadangan pengambilan tanah projek ECRL ini, kebanyakannya melibatkan tanah-tanah pertanian dan melibatkan perumahan rakyat.

Justeru, saya minta agar taksiran pampasan yang dibuat mesti meliputi kiraan dari segi kerugian dan *goodwill* pemilik tanah memberikan kebenaran pengambilan tanah bagi pembinaan ECRL dan kepentingan pengangkutan awam.

■1710

Tuan Yang di-Pertua, dalam memartabatkan pembangunan warisan, budaya dan kesenian Kelantan, saya ingin menggesa Kementerian Pendidikan Malaysia menimbang untuk membina sekolah seni sebagaimana sekolah seni yang ada di Johor Bahru, sekolah seni yang ada di Kuala Lumpur iaitu di Bukit Jelutong, Shah Alam dan sekolah seni yang ada di Kuching. Rasional saya memohon pertimbangan Kementerian Pendidikan membina sekolah seni di Kelantan adalah untuk memastikan warisan seni persembahan seperti dikir barat, mak yong, wayang kulit dan persembahan rebana ubi terus di perkasa bagi menjadi kesinambungan dalam mengekalkan seni warisan budaya Kelantan atau Pantai Timur di Malaysia.

Memperkasakan juga seni visual yang mana kehebatan seni ukir halus logam emas, perak dan suasa yang menjadi reka corak barangan kemas wanita serta reka corak fesyen batik tekstil, tudung dan telekung wanita dan tenunan songket yang popular di kalangan rakyat Malaysia. Kita tidak mahu warisan budaya dan kesenian di Kelantan akan pupus dan rencat seiring dengan pembangunan ekonomi digital dan persaingan global seperti China, India dan Vietnam yang mana mendominasi pasaran seni fabrik, songket dan *textile* di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengemukakan isu berkaitan dengan sektor perikanan negara terutamanya yang melibatkan nelayan di Kelantan dan jumlah lesen laut dalam yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan di Semenanjung Malaysia. Masalah utama rakyat adalah harga ikan rakyat amat mahal di pasaran.

Soalan saya, berapa banyak subsidi minyak diesel yang diberi kepada nelayan yang berdaftar di Kelantan, jumlah pendaratan ikan di pusat pendaratan di negeri Kelantan dan ketiganya langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia atau agensi lain untuk memastikan bekalan ikan untuk pasaran tempatan mencukupi dan harga ikan rakyat seperti ikan kembung, sardin, selar, tongkol lebih murah dan mampu dibeli oleh rakyat. Rancangan kerjasama serantau kerajaan untuk mengelakkan pencerobohan nelayan asing dan menghalang pendaratan ikan yang ditangkap di kawasan Zon Ekonomi Eksklusif Laut China Selatan dan perairan maritim Kelantan ke pusat pendaratan ikan di Thailand, Laos dan Vietnam.

Berkaitan dengan isu pertanian juga, saya ingin mendapat penjelasan lanjut mengenai prestasi aktiviti pertanian di negeri Kelantan. Saya mendapat rungutan dari petani-petani bahawa tanah-tanah di lembangan sungai Kelantan dan kawasan yang terjejas banjir pada tahun 2014 tidak begitu subur. Kekhawatiran saya sehinggakan bekalan pisang tempatan di Kelantan pun terpaksa diambil daripada negeri Pahang.

Oleh itu saya mohon penjelasan, apakah langkah yang diambil Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam membantu petani Kelantan yang menghadapi masalah tanah tidak subur

pasca banjir tahun 2014? Perangkaan bekalan tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan tempatan di Kelantan, bagaimana kita boleh meningkatkan hasil pertanian Kelantan melalui tindakan proaktif MARDI, kerajaan negeri, FAMA dan Jabatan Pertanian, KESEDAR dan KADA agar tanaman makanan di Kelantan dapat menampung imbalan bekalan dalam pasaran setempat dan memastikan kos sara hidup rakyat lebih rendah. Program-program berstruktur dan terancang Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk memulihkan skim bangun semula tanah pertanian terbiar dan menjadikan sektor pertanian di Kelantan menyumbang angka pertumbuhan yang signifikan dalam KDNK negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapat penjelasan lanjut dari kementerian mengenai Peraturan-peraturan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan Keluaran Pertanian) 2008 yang mana akan dikuatkuasakan secara serius dalam jangka masa dua bulan akan datang. Kerisauan utama saya adalah kesediaan peniaga produk keluaran pertanian dan pengguna kerana dengan penguatkuasaan ini berlakunya peningkatan harga sayur-sayuran dan buah-buahan di pasaran akan meningkatkan kos sara hidup rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menzahirkan rasa bangga di atas pengiktirafan komuniti antarabangsa dan Kerajaan Thailand yang memberi kepercayaan kepada Kementerian Luar Negeri dan pejabat Perdana Menteri untuk menjadi fasilitator dan *mediator* rundingan Barisan Revolusi Nasional (BRN) Selatan Thailand dalam memuktamadkan isu damai Selatan Thailand. Harapan saya semoga dengan jayanya inisiatif rundingan damai ini, isu keselamatan sempadan dan kerjasama dua hala Thailand dan Malaysia akan memanfaatkan koridor pembangunan Selatan Thailand dan Kelantan.

Dalam isu keselamatan sempadan Malaysia-Thailand juga, saya ingin mendapat penjelasan KDN tentang apakah usaha KDN dan Pihak Berkuasa Thailand dalam mengawal aktiviti jenayah rentas sempadan, penyeludupan manusia dan narkotik serta *terorisme* di sempadan Malaysia-Thailand? Saya mendapat maklumat bahawa Kerajaan Thailand telah memasang sebanyak 800 kamera CCTV di sepanjang Sungai Golok bagi membendung aktiviti jenayah dan militan yang kerap membom Pekan Golok di Selatan Thailand.

Justeru, saya mohon perincian Menteri KDN untuk menyatakan, apakah tindakan kawalan keselamatan dan *monitoring* oleh agensi kawalan sempadan Malaysia? Perangkaan tangkapan dan pencegahan yang diambil sepanjang tahun 2015, 2016 dan 2017 dalam membanteras jenayah rentas sempadan. Kuasa lebih ketat pergerakan warganegara dan pelancong asing yang melalui sempadan Thailand di Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh isu RUU 355 dan hal ehwal agama Islam sering menjadi polemik politik dan diperhatikan trend segelintir kumpulan dan individu yang tidak beragama Islam melibatkan diri dalam memberi komen *cynical* dan berniat jahat menguji perpaduan umat Islam di negara ini. Saya mengambil serius perkara ini.

Justeru, saya ingin mendapatkan penjelasan dari kerajaan tentang apakah tindakan yang boleh dilakukan oleh PDRM dengan kerjasama JAKIM dan majlis agama negeri serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia bagi mengambil tindakan tegas ke atas provokasi jahat yang menggugat

ketenteraman umat Islam dan keharmonian beragama sebagaimana perkara yang termaktub dalam Perlembagaan negara? Begitu juga apakah tindakan yang boleh diambil oleh ROS terhadap hampir 60 lebih NGO yang membuat provokasi penentangan terhadap RUU 355 dan sentimen negatif yang dimainkan oleh NGO ini untuk menggugat ketenteraman umat Islam?

Tuan Yang di-Pertua, satu isu yang ingin saya mohon kerjasama strategik di antara JAKIM dan majlis agama negeri adalah untuk mencari satu jalan penyelesaian untuk mewartakan surau solat di sekolah berasrama penuh, maktab rendah sains mara, kolej vokasional dan sekolah teknik, sekolah-sekolah harian terpilih dan institusi latihan kemahiran lain agar solat Jumaat...

Dato' Dr. Johari bin Mat: Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila. Boleh Yang Berhormat?

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Ya, sila.

■1720

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Datin Rahimah. Berhubung dengan rang undang-undang tadi dan disebut ada berpuluh-puluh NGO yang telah melakukan perkara-perkara yang tidak wajar terhadap agama Islam, saya ingin tahu pandangan Yang Berhormat, apa sepatutnya yang dilakukan oleh pihak kerajaan atau ROS terhadap NGO-NGO yang berkenaan sedangkan mereka semuanya berdaftar dan tertakluk kepada perlembagaan di mana mereka telah mengatakan hal-hal yang berkaitan dengan yang tidak wajar tadi? Saya juga ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat, apakah tindakan yang patut kerajaan lakukan terhadap NGO-NGO tersebut supaya tidak menimbulkan kekeliruan dan kekacauan pemikiran di kalangan masyarakat? Terima kasih.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Johari. Saya juga amat bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato'. Kerajaan sepatutnya mengambil tindakan ke atas NGO-NGO kerana ada sebanyak 67 NGO yang terlibat yang saya juga bertanya apakah tindakan yang boleh diambil oleh ROS dalam hal begini. Jadi saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh menjawab dengan begitu *detail*.

Tuan Yang di-Pertua, satu isu yang saya mohon kerjasama strategik, tadi saya sebut- di mana dah saya berhenti? Okey, mengenai sekolah-sekolah tadi. Sekolah-sekolah harian terpilih dan institusi latihan kemahiran yang lain agar solat Jumaat diadakan di surau sekolah atau institusi terbabit kerana kos bagi pengangkutan setiap bulan untuk membawa pelajar-pelajar ini hampir mencecah RM8,000 hingga RM10,000 sebulan. Jadi saya mohon JAKIM bersama-sama dengan Kementerian Pendidikan, MARA dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Belia dan Sukan dapat mencari penyelesaian dalam isu solat Jumaat di surau institusi ini.

Dan saya cadangkan agar JAKIM dan Majlis Agama Islam Negeri dapat membuat penilaian kursus pentauliahannya imam dan khatib atau melantik imam Jumaat dari kalangan pegawai jabatan agama atau masjid jamek daerah agar kos solat Jumaat lebih murah dan menjimatkan peruntukan institusi-institusi ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah besar yang dihadapi oleh rakyat Kelantan adalah kekangan dalam pengurusan sistem saliran yang baik dan sempurna serta pengurusan tebatan

banjir di lembangan sungai-sungai utama Kelantan. Fenomena El Nino dan perubahan iklim menjadikan bencana banjir di Kelantan lebih kerap dan kemusnahan harta benda dan kemudahan awam yang merekodkan kerugian ratusan juta ringgit.

Justeru, saya mohon penjelasan dari Jabatan Pengairan dan Saliran tentang bagaimanakah rancangan kerajaan bagi menaik taraf sistem saliran di Kelantan dan projek tebatan banjir? Saya mohon agar JPS dapat bekerjasama dengan kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan untuk memastikan isu dan kekangan sistem saliran serta tebatan banjir dapat diatasi dengan kadar segera.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan secara rasmi *digital free trade zone* pada 22 Mac 2017. Kekangan utama rakyat Kelantan secara proaktif dan intensif melibatkan diri dalam perniagaan di pasaran digital adalah liputan internet berkelajuan tinggi. Walaupun berada di Kota Bharu, liputan jalur lebar talian *cellular* amat kritikal kelajuan aksesnya.

Justeru, saya mohon SKMM dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia untuk melihat perkembangan terkini liputan internet berkelajuan tinggi di Kelantan agar prestasi kelajuan kawasan liputan lebih menyeluruh untuk memastikan kejayaan DFTZ ini.

Dalam hal ini, saya rasa saya pernah sebut dalam ucapan saya pada awal saya menjadi Ahli Dewan Negara mengenai jalur lebar yang tidak begitu lebar di Kelantan. Sebab, pernah berlaku, ini cerita betul, Tuan Yang di-Pertua. Seorang ibu yang hendak bersalin, ini saya rasa berlaku lima tahun lepas. Dia hendak telefon suami dia oleh sebab internet nya tidak ada, dia pergi atas rel kereta api baru ada internet dan ibu itu dilanggar oleh kereta api. Itu cerita benar, lima tahun yang lepas. Saya pernah sebut. Begitu juga di sekolah-sekolah Tuan Yang di-Pertua, di sekolah cikgu-cikgu terpaksa keluar untuk mengakses internet sebab di sekolah tidak ada internet. Ini pun cerita benar, ada setengah apabila hendak menggunakan telefon, kena panjat pokok kelapa baru-baru ada telefon. Ini bukan cerita rekaan, ini cerita benar. Itu saya cerita di Kelantan, jalur lebar yang tidak begitu lebar.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri KKLW kerana mengumumkan MARA memberikan peruntukan berjumlah RM35 juta bagi membiayai tabung pinjaman DanaNITA untuk memastikan kelangsungan pertumbuhan usahawan wanita dalam sektor ekonomi negara. Jadi dalam konteks ekonomi desa dan luar bandar di Kelantan, saya ingin mendapat penjelasan dari MARA tentang apakah program intensif yang akan dilakukan oleh MARA untuk membimbing calon usahawan atau bakal peminjam atau bakal usahawan dalam strategi perniagaan dalam zon perniagaan bebas digital?

Kedua, dapat kah MARA dengan kerjasama DDEC membuat program khusus membantu usahawan desa dalam industri makanan tradisi dalam teknologi pembungkusan dan pemasaran global?

Ketiga, MARA melalui pusat GIATMARA mengadakan program eksklusif kepada kaum ibu dan wanita tentang kemahiran rekaan jahitan fesyen dan produk tekstil yang mana industri tudung, telekung, batik dan pakaian wanita Islam mendapat sambutan menggalakkan dan pertumbuhan signifikan dalam sektor ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2016, pindaan Akta Bekalan Gas 1991 telah dilakukan. Justeru, mulai tahun ini, Suruhanjaya Tenaga telah memulakan rasionalisasi dan liberalisasi bekalan gas negara yang mana sebelum ini pasaran gas petroleum dimonopoli oleh Petronas Gas dan Gas Malaysia.

Soalan saya, bagaimanakah mekanisme *third party access system* ini dilaksanakan? Apakah kerajaan memikirkan akan kesan dan impak kepada perolehan Petronas serta Gas Malaysia yang menjadi *anchorage entity* dalam penerokaan sumber tenaga ini?

Perundangan berkanun dan kawal selia keselamatan gas bagi skim bekalan *virtual gas pipeline, compressed natural gas* dari sudut prinsip keselamatan, risiko operasi serta *accountability* pelbagai pihak berkepentingan dalam projek *virtual pipeline*.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon penjelasan daripada EPU dan Suruhanjaya Tenaga tentang apakah Kerajaan Malaysia tidak mempunyai perancangan untuk menjadikan Kelantan sebagai *venue* baru bagi *gas power plant* dan projek *regasification* memandangkan pertubuhan pesat ECRL dan jarak yang paling dekat dengan lokasi *Malaysia-Thailand Joint Development Area*? Saya juga memohon pencerahan dari Suruhanjaya Tenaga, apakah pindaan Akta Bekalan Gas 1991 pada tahun 2016 tidak memberi impak kepada pengeluaran gas di *Malaysia-Thailand Joint Development Area* yang pada masa kini merupakan sumber pendapatan utama Kerajaan Persekutuan?

■1730

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mohon pertimbangan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi agar UiTM di Machang, di tempat saya dan Universiti Malaysia Kelantan mewujudkan Fakulti Kejuruteraan bagi menampung kemasukan pelajar lepasan SPM atau STPM dan Matrikulasi cemerlang Kelantan seiring dengan pembangunan pesat ECRL dan terdapat ramai teknokrat kejuruteraan yang berasal dari Kelantan di seluruh IPTA dan IPTS. Saya rasa sudah sampai masanya kedua-dua IPTA ini mempunyai sekolah pengajian kejuruteraan. Pada masa kini, pengajian kejuruteraan di Kelantan ditawarkan di peringkat diploma di Politeknik Kota Bharu dan KKTM Pasir Mas dan pengajian luar kampus SPACE UTM dan *Open University*. Justeru melalui pendekatan mewujudkan pengajian kejuruteraan di Kelantan, saya jangkakan lebih ramai jurutera profesional dapat diwujudkan di kalangan rakyat dan belia Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, sekian. Saya mohon menyokong dan mencadangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad menyampaikan ucapan yang baik dan banyak kita dapati ilmu-ilmu yang dicurahkan.

Sekarang, saya nak tanya ada tak Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan, ada?

5.32 ptg.

Puan Bathmavathi Krishnan: Salam sejahtera. Salam 1Malaysia dan salam satu negaraku Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk menyertai perbahasan menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 6 Mac 2017.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah di atas keprihatinan Seri Paduka Baginda terhadap kesejahteraan seluruh rakyat Malaysia termasuk golongan orang kurang upaya di mana Titah Baginda berbunyi, "*agar mereka terus dilindungi*".

Saya juga turut merasa bangga apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selalu dalam ucapan beliau meyakinkan rakyat bahawa dalam pembangunan negara, tiada siapa yang akan ditinggalkan dan dalam seminggu yang lepas ini, Perdana Menteri sendiri telah menjelajah ke seluruh negara untuk mendekati golongan OKU dengan melawat institusi-institusi, NGO dan juga OKU orang perseorangan juga untuk mengetahui apakah masalah yang dihadapi oleh mereka dan juga PM telah menguar-uarkan bahawa kerajaan telah pun sediakan pelbagai kemudahan dan bantuan bagi golongan OKU.

Memang saya akur bahawa ada 25 jenis kemudahan yang disediakan bagi golongan OKU dan saya rasa masih ada banyak lagi keperluan-keperluan asas OKU yang harus diberi perhatian oleh kerajaan secepat mungkin. Antaranya ialah di bawah pelepasan GST bagi barangan-barangan keperluan OKU, sekarang ada 31 jenis barangan yang menikmati pelepasan GST dengan dikenakan sifar GST tetapi masih ada banyak lagi barang keperluan harian yang masih belum mendapat pelepasan GST. Saya minta agar kerajaan memberi pelepasan-pelepasan ini secepat mungkin dan berhubung atau berdialog dengan NGO-NGO untuk mengetahui apakah jenis-jenis barangan keperluan itu.

Tuan Yang di-Pertua, usaha kerajaan dalam menyediakan rumah mampu milik bagi rakyat amat dialu-alukan. Pelbagai projek perumahan seperti PPRT, PPR, *MyHome* dan sebagainya adalah bertujuan untuk memenuhi hasrat kerajaan supaya setiap rakyat akan memiliki rumahnya sendiri. Golongan OKU pun amat bangga dengan hasrat kerajaan ini tetapi menghadapi pelbagai kesulitan untuk mendapat rumah kediaman mereka sendiri. Sebagai contoh, apabila mereka memohon untuk mendapatkan rumah PPRT ataupun *MyHome*, mereka dikehendaki membayar pendahuluan ataupun deposit dan walaupun jumlahnya mungkin tidak banyak bila berbanding dengan orang lain tetapi bagi mereka amat susah untuk mengumpul duit itu untuk dibayar sebagai pendahuluan.

Jadi saya ingin menanya kepada Kementerian Perumahan, apakah dasar kementerian dalam membantu golongan OKU untuk memiliki rumah mereka sendiri dan bagaimana kalau ada kemudahan ataupun dana yang khusus disediakan untuk membantu mereka, bagaimana maklumat ini akan diuar-uarkan kepada golongan OKU. Saya juga mencadangkan supaya kalau ada maklumat yang penting untuk disampaikan kepada golongan OKU, pihak KPKT boleh mengeluarkan brosur ataupun maklumat untuk diuar-uarkan dan hantar ia ke setiap pejabat JKM supaya pihak JKM boleh membantu menyebarkan maklumat tersebut kepada golongan OKU.

Satu lagi perkara yang saya ingin sentuh ialah mengenai Pelan Tindakan OKU. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kerana telah bertungkus-lumus untuk beberapa tahun untuk mengeluarkan suatu pelan tindakan OKU bagi tahun 2016 hingga 2022.

Pelan tindakan ini adalah untuk mencapai dasar OKU di mana hak dan peluang yang saksama akan diberikan kepada OKU bagi penyertaan penuh dalam masyarakat dan dasar ini

adalah berasaskan nilai-nilai hak kemanusiaan supaya pada akhirnya mereka dapat hidup berdikari juga di kalangan masyarakat umum dan di bawah pelan tindakan ini, terdapat 10 teras strategi yang merangkumi aspek aksesibiliti, memperkasa ekonomi golongan OKU, akses kepada pendidikan, kepada kesihatan, memperkukuhkan perkhidmatan sosial untuk OKU, meningkatkan penyertaan OKU dalam proses perancangan dan membuat keputusan berkenaan dengan risiko bencana dan juga penyelidikan dan pembangunan, advokasi dan juga konvensi mengenai hak OKU. Di dalam pelan tindakan ini juga, disenaraikan pelan dan juga tindakan secara terperinci dan juga KPI atau *key performance index* dinyatakan dan ada satu kolum untuk indikator dan juga sasaran dan juga kementerian atau agensi yang bertanggungjawab.

Pertanyaan saya kepada kementerian adalah, apakah mekanisme yang akan digunakan oleh kementerian untuk melaksanakan supaya pelan tindakan ini boleh menjadi suatu kejayaan bagi kerajaan dan juga kepada golongan OKU. Jadi saya akan beri contoh, sebab kalau KPI diwujudkan, diset ataupun disenaraikan atau disetujui oleh sesuatu jabatan, kita memerlukan pihak lain untuk menilai dan menghitung kejayaannya.

■1740

Kalau jabatan sendiri akan menilainya, jadi kita mungkin tidak akan dapat suatu keputusan ataupun *outcome* yang realistik sebab ia semua yang menentukan akan menilai dan membuat keputusan. Jadi mungkin tidak objektif. Jadi, saya akan beri contoh. Ada program-program jangka pendek 2016 hingga 2018 dan juga program-program jangka masa panjang, contohnya satu, menjalankan audit akses dan audit susulan pelaksanaan terhadap kemudahan dalam dan luar bangunan, ruang awam, terminal pengangkutan awam tempat kerja, kawasan perumahan. Ini di bawah strategik 1 untuk meningkatkan *accessibility* golongan OKU dan KPI. Indikator adalah bilangan kemudahan yang dalam dan luar bandar, ruang awam, terminal dan selepas itu perlu juga mengira bilangan audit susulan pelaksanaan yang akan diadakan dalam tempoh setahun selepas audit akses.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Sasaran juga diletakkan lima kemudahan dan juga audit susulan pelaksanaan akan diadakan sekali dalam tempoh setahun selepas audit akses. Agensi peneraju KPWK, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Wilayah Persekutuan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Kesihatan, MOTAC, *Ministry of Transport*, Kementerian Belia dan Sukan, PBT, NGO. Jadi pertanyaan saya ialah siapa di antara agensi ini yang akan meletakkan, yang dipertanggungjawabkan KPI itu. Adakah staf dari KPWK ataupun di KKR ataupun di KPM dan staf di tahap mana? Adakah ia staf sokongan, adakah dia pegawai, adakah dia ketua jabatan dan adakah dia ketua pengarah sendiri dan siapakah yang akan menilai dan pada akhirnya, siapakah akan menilai? So, jadi saya ada satu cadangan.

Saya mencadangkan supaya ditubuhkan suatu jawatankuasa yang terdiri daripada pihak yang berkepentingan iaitu wakil-wakil dari NGO, kumpulan sasaran, *you know*, yang *I mean*, pelan tindakan ini ditujukan kepada golongan OKU. Jadi golongan OKU adalah mereka ada di tempat yang

baik untuk menilai kejayaan ataupun tahap pencapaian pelan tindakan ini. Jadi saya harap pihak kementerian akan memberi jawapan nanti bila Menteri jawab atas mekanisme pelaksanaan dan cara penilaian kejayaan pelan tindakan ini.

Satu lagi perkara yang saya ingin sentuh ialah mengenai statistik OKU di negara ini. Mengikut laporan *World Report on Visibility*, di setiap negara terdapat hampir 15 peratus daripada penduduknya yang terdiri daripada OKU dan ini bermakna dengan jumlah penduduk seramai 30 juta orang di Malaysia, kita sepatutnya ada 4.5 juta OKU. Akan tetapi pada realitinya, hanya hampir setengah juta, hampir 500,000 sahaja yang telah mendaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Ini bermakna ramai masih belum mendaftar sebagai OKU dan di samping itu, saya juga ingin membawa suatu keadaan di mana kita semua tahu yang tidak lama lagi kita akan menghadapi pilihan raya umum dan didapati bahawa ada keluar berita dalam media yang menyatakan bahawa terdapat hampir empat juta rakyat yang layak mengundi tetapi masih belum mendaftar.

Jadi pada hemat saya, di antara OKU yang belum mendaftar untuk dapat kad OKU itu juga mungkin ada sebahagian besar yang umur dia 18 tahun ke atas yang layak mengundi. Jadi saya menyeru kepada kerajaan supaya mengguna *approach*, pendekatan serampang dua mata. Minta pergi cari mereka, mendaftar mereka sebagai OKU dan juga yang berumur 18 tahun dan ke atas, mendaftar mereka sebagai pemilih, pengundi. Jadi, kita akan juga membantu mencapai salah satu daripada strategi dalam pelan tindakan juga iaitu penyertaan OKU dalam proses perancangan dan pembuat keputusan. Mereka boleh melibatkan diri dalam politik dari *I mean* secara mengakseskan ataupun menggunakan hak sivil mereka untuk mengundi, untuk memilih kerajaan yang akan memerintah mereka.

Satu lagi aspek saya ingin menyentuh ialah mengenai pengangkutan. Negara kita amat bangga dengan berita yang baru kita terima dari *World Economic Forum 2017* yang menyatakan bahawa Malaysia menduduki tangga ke-11 antara 138 negara dalam ranking bagi menyediakan infrastruktur pengangkutan yang baik. Jadi ini adalah suatu pengiktirafan yang baik bagi negara kita. Dengan infrastruktur pengangkutan yang ada sekarang terutama ETS, MRT, LRT dan juga yang dirancang *high speed railway* itu, rakyat Malaysia akan menikmati sistem pengangkutan yang canggih setanding dengan negara-negara maju.

Pengangkutan rel merupakan suatu pilihan pertama yang makin menjadi popular di kalangan rakyat Malaysia dan juga bagi orang kurang upaya. Menyentuh mengenai pengangkutan, saya ingin mengutarakan suatu insiden yang telah berlaku sebab walaupun kita telah mencapai tahap yang agak moden, agak maju dalam perkhidmatan pengangkutan tetapi kita juga harus memberi perhatian kepada aspek-aspek yang menunjukkan ada kekurangan di mana aspek keselamatan dan aspek *similar continuity* bagi golongan orang kurang upaya untuk menggunakan pengangkutan yang canggih ini dan apa yang berlaku pada 27 Mac ini di mana seorang lelaki OKU penglihatan telah terjatuh dari platform ke landasan monorel di stesen KL Sentral dan yang menyebabkan dia patah tulang di pinggang dan bahu.

Pada masa itu didapati tiada polis bantuan di kawasan tersebut. Selepas 15 minit dia menjerit minta bantuan, pekerja monorel berjaya mengeluarkannya dan terus hantarnya ke hospital.

Menteri, Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Rohani, Menteri KPWKM telah pun melawat mangsa di hospital dan telah membuat kenyataan akan menyasiat perkara ini.

Susulan itu saya sendiri telah mengiringi Timbalan Menteri KPWKM, Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun bersama pegawai JKM dan juga wakil NGO ke stesen monorel tersebut untuk menyasiat lanjut kejadian yang telah berlaku. Kami diberi penerangan oleh pihak pengurusan Rapid KL dan didapati bahawa ada dua sebab mengapa insiden ini berlaku. Pertama, didapati bahawa dari *gate* masuk ke kawasan platform itu hingga ke platform, tiada disediakan ubin *tag tile* di lantai untuk membimbing OKU penglihatan dan yang kedua, *gate passenger automated gate system* yang dipasang di platform yang sepatutnya buka secara automatik untuk membolehkan penumpang menaiki tren dan tutup selepas penumpang naik didapati terbiar dalam keadaan sentiasa terbuka. Ini adalah kerana mengikut penjelasan pihak pengurusan itu, untuk tren yang ada dua gerabak, mula-mula Rapid KL gunakan tren dua gerabak, *gate* itu akan buka dengan keluasan yang tertentu.

■1750

Akan tetapi pada tahun 2014, semasa meningkatkan mutu perkhidmatan, pihak Prasarana telah membeli *train* 4 gerabak. Untuk *train* 4 gerabak, automatik *gate system* itu harus buka dengan lebih luas. Jadi, pihak RapidKL telah menggunakan gerabak 2, dan 4 secara *integrated* sejak 2014. Untuk mengelakkan masalah, *gate* itu sepatutnya di naik taraf juga dan pihak RapidKL telah pun meminta kepada kerajaan untuk memberi peruntukan untuk menaik tarafkan pintu *gate system* itu supaya ia boleh mengawal pengaliran penumpang masuk dan keluar untuk gerabak 2 ataupun gerabak *rail* 4 ya. Jadi, oleh sebab menaiktarafkan itu tidak dibuat, syarikat yang dipertanggungjawab itu tidak dapat menunaikan kerja itu. Dari 2011 hinggalah sekarang, *gate automatic system* itu terpaksa di biarkan dalam keadaan terbuka sahaja dan ini kita tahu amat-amat membahayakan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang awam, saya sendiri mendapati ini langsung tidak munasabah. Di mana orang awam yang guna *monorail* ini sentiasa terdedah kepada bahaya yang amat sangat. Ini hanya kepada monorel ya.

Jadi, saya minta agar pihak PEMANDU atau Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan mencari penyelesaian bagi masalah ini secepat mungkin sebelum perkara yang lebih dahsyat berlaku. Masalah ini sudah berlarutan sekian lama sejak 2011 dan saya menyeru kepada pihak PEMANDU supaya cari sajalah syarikat lain kalau perlu, untuk memberi perkhidmatan yang lebih cepat dan menyelesaikan masalah itu dengan secepat mungkin. Dengan ini, saya ingin mengakhiri ucapan saya dan saya menyokong dan menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jika Ahli-ahli Yang Berhormat yang sebelum Ahli Yang Berhormat berucap itu sudah berbincang dengan aspek kementerian tertentu. Ahli Yang Berhormat boleh tujukan perbahasan kepada nama Ahli Yang Berhormat supaya Yang Berhormat Menteri akan menjawab pada semua Ahli Yang Berhormat kalau ditujukan.

So, dengan izin, *you don't have to repeat the same issues again*. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun.

5.53 ptg.

Puan Hajah Azizah binti Haji Harun: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi keizinan untuk saya membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya mengambil peluang di sini untuk menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam perasmian sidang Parlimen Ketiga Belas, Penggal Kelima, pada 6 Mac 2017 bulan lalu. Di sini, saya ingin mewakili rakyat Selangor Darul Ehsan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas pelantikan Sultan Muhammad V sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-15 pada 13 Disember 2016, serta bakal ditabalkan dalam istiadat rasmi Pertabalan Diraja pada 24 April 2017.

Selaku Ahli Dewan Negara yang mewakili negara, khususnya negeri Selangor, kami semua mendoakan berkat dan rahmat Ilahi, Tuanku akan memayungi hamba rakyat dan menjadikan negara tercinta Malaysia terus utuh dalam aspek pembangunan ekonomi, kecemerlangan modal insan dan keamanan serta ketenteraman negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Perdana Menteri serta Jemaah Kabinet kerana usaha tanpa jemu memacu perjalanan jentera pentadbiran kerajaan dalam membangunkan ekonomi serta mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara. Walaupun kita berhadapan dengan situasi atau persekitaran global yang tidak menentu. Oleh sebab pasaran komoditi getah, kelapa sawit dan petroleum belum menunjukkan kenaikan harga paras global yang signifikan dan kekusaran pasaran global tentang ketidaktentuan dasar luar Amerika Syarikat, konflik *US*, Rusia, Syria, China, Korea Utara, Iran dan tindakan ketenteraan Amerika Syarikat, saya mohon penjelasan kerajaan tentang beberapa perkara berikut:

- (i) dagangan dua hala Malaysia dengan kuasa ekonomi utama global yang mana hasil lawatan Perdana Menteri ke India baru-baru ini;
- (ii) langkah intervensi prestasi kadar tukaran asing Ringgit berbanding USD dan mata wang utama dunia seperti Euro dan *Great Britain Pound* agar tekanan inflasi dan pertumbuhan ekonomi negara tidak mengalami gangguan;
- (ii) prestasi pelaburan asing ke dalam negara dalam membangunkan pembangunan institusi pengangkutan, hartanah dan petroleum; dan
- (iv) prestasi pasaran modal Malaysia dan *sukuk Islamic* yang akan mengukuhkan pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak kerajaan mengumumkan beberapa projek pembangunan ekonomi seperti RAPID Pengerang, TRX, MR2 dan LRT3 serta beberapa inisiatif lain yang bakal dilaksanakan menjelang separuh penggal pertama 2017. Seperti ECRL, saya dapati kebergantungan negara kepada tenaga buruh asing yang tidak mempunyai kemahiran masih berada pada tahap yang tinggi. Justeru, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada EPU tentang penambahbaikan pasaran buruh tempatan? Apakah impak yang diperoleh melalui *tele corporation* pelaburan asing swasta serta keberkesanan institusi maklumat dan analisa pasaran buruh yang

menyokong input dan rancangan perjalanan pasaran buruh dan institusi pasaran buruh dalam negara?

Saya menyokong penjelasan terperinci dari EPU dan ILMAN Ini kerana saya dapati trend pengangguran yang berlaku kini merencatkan pasaran kerja lepasan diploma dan ijazah pertama IPTA dan IPTS. Mereka tidak dapat kerja dengan kelulusan lebih rendah kerana majikan tidak mahu mengambil mereka kerana skor dalam SPM dan STPM cemerlang dan alasan majikan, mereka ini bekerja hanya sementara. Oleh itu, kita mohon EPU, sektor modal insan untuk memberikan hala tuju dan perancangan strategik bagaimana kita dapat atasi masalah pengangguran siswazah dan lepasan diploma ini?

Tuan Yang di-Pertua, prestasi GLC dan pelaburan Khazanah, Petronas serta agensi kerajaan seperti PERKESO, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan Wang Amanah Pencen amat penting dalam memastikan anggaran pendapatan utama kerajaan dapat dipastikan membantu kerajaan mengurangkan pengurangan defisit fiskal kerajaan. Justeru, saya mohon perincian daripada kerajaan untuk menyenaraikan prestasi semula syarikat-syarikat berkaitan kerajaan, syarikat pelaburan kerajaan, Khazanah dan Petronas serta badan berkanun tentang prestasi terkini. Jika ada syarikat yang tidak menunjukkan prestasi yang baik, kita mohon juga penjelasan, mengapakah ianya berlaku serta bagaimanakah langkah dan strategi berkesan yang bakal diambil kerajaan bagi memastikan syarikat GLC cemerlang.

■1800

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mengumumkan bahawa kerajaan akan menamatkan penganjuran F1 di Sepang pada tahun 2017 dan temasya tahun ini adalah merupakan yang terakhir semenjak tahun 1999. Oleh itu saya mohon terperinci dan bagaimanakah fokus kerajaan dalam merencana penganjuran temasya sukan permotoran peringkat kebangsaan dan *international* tahun 2017 agar litar Sepang tidak menjadi "*gajah putih*". Saya juga ingin mengetahui apakah litar Sepang ini akan menjadi *venue* peringkat *international* pertandingan sukan permotoran agar ianya dapat dimasukkan dalam kalendar pelancongan Malaysia.

Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, kerajaan merancang pembangunan *Malaysia Vision Valley* meliputi koridor pembangunan Sepang, Dengkil, Salak Tinggi, Nilai hingga ke Port Dickson. Ini sejajar dengan 80 peratus siap kem TUDM di Sendayan serta kepesatan pertumbuhan institusi penerbangan di KLIA. Justeru saya memohon kerajaan menyatakan bilakah *Malaysia Vision Valley* ini akan dirasmikan? Apakah lain serta pakej pertumbuhan yang dirancang dalam projek ini serta pertumbuhan ekonomi setempat dan bilangan peluang pekerjaan rakyat setempat.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang ingin saya mahu kemukakan kepada JPA adalah berhubung dengan dua perkara berhubung dengan pengiktirafan dan permulaan skim pengajian tinggi iaitu, pertama, pengiktirafan dan skim pengajian pelajar atau bekas pelajar Kolej Komuniti apabila mereka menjawat jawatan di dalam kerajaan atau badan berkanun.

Kedua, masalah pengiktirafan pelajar Jurusan Undang-undang USIM. Saya mohon penjelasan daripada JPA, apakah masalah dalam isu yang saya bangkitkan ini? Bilakah penyelesaian muktamad dapat dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, isu kedaulatan negara tidak harus di kompromi dan apa-apa provokasi atau perlakuan mempersendakan pemimpin negara atau apakah hak kedaulatan negara perlu dipelihara dengan baik. Baru-baru ini pada April 2017 rancangan *MediaCorp Singapore Channel 5* mempersendakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dan pada 6 Disember 2016 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dihina melalui pembikinan karikatur oleh mania. Oleh itu, saya ingin mendapatkan penjelasan dari Kementerian Luar, apakah bentuk bantahan diplomat yang dibuat ke atas kes-kes penghinaan pemimpin Malaysia? Apakah kedudukan kita terhadap isu sindiran dan provokasi jahat yang jelas menggugat kedaulatan negara Malaysia yang merdeka.

Begitu juga dengan segelintir rakyat kita terutamanya pemimpin, pembangkang yang secara terang-terangan mensabotaj ekonomi negara serta melakukan tindakan yang mencerminkan menggugat kedaulatan negara kita. Kita harap mereka yang melakukan perkara ini diambil tindakan tegas. Sekiranya perilaku perlu kerajaan menyekat dokumen perjalanan mereka agar mereka yang mensabotaj ekonomi negara di pentas antarabangsa benar-benar mengerti betapa bertuahnya kita hidup aman di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, usaha Jabatan Peguam Negara membuat rayuan semula keputusan tuntutan Pulau Batu Puteh di ICJ amat dialu-alukan. Justeru saya menyokong penuh Malaysia membuat rayuan semakan penghakiman ICJ yang memberikan hak Pulau Batu Puteh dan mendoakan agar rayuan semakan keputusan dan penemuan fakta baru ini bakal merubah kedaulatan negara dan hak ke atas Pulau Batu Puteh ini kepada Malaysia. Justeru saya ingin mendapatkan kepastian dari Kementerian Luar tentang proses rayuan semakan ini di ICJ.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menggesa Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Lebuhraya mengambil sikap proaktif dan lebih tegas agar menguatkuasakan audit berkala dan standard piawaian terhadap *hygiene* dan tahap operasi di seluruh R&R di semua lebuhraya di seluruh negara betapa isu yang saya ingin kemukakan adalah tahap *hygiene* tempat solat. Saya dapati kemudahan kain sejadah, kain telekung berbau hapak di kebanyakan surau R&R. Ini amat memalukan LLM sebagai pengelola rangkaian lebuhraya.

Kedua, tahap kebersihan tandas dan kadang-kadang terdapat pembersihan yang amat teruk. Saya perhatikan tahap kebersihan tandas seperti DUKE, ELITE ini Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak dan LPT amat teruk. Bayangkan paip air kita hendak pegang pun geli sebab sudah berkulat.

Ketiga, kepastian tandas R&R Gombak Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak amat minimum. Ditambah pula dengan reka bentuk pam tandas jenis bukan *high duty* dan dia punya tuannya yang layak pasang di rumah sahaja. Jadi menyebabkan ianya kotor dan tidak sesuai apabila menerima pengguna yang ramai.

Keempat, LLM juga perlu bertegas kerana lori-lori yang menggunakan tempat letak kereta awam di R&R terutamanya di hentian Gombak yang menyebabkan kesukaran kereta *parking* terutamanya di waktu maghrib. Oleh itu saya mohon agar Lembaga Lebuhraya Malaysia dan Kementerian Kerja Raya mengambil langkah segera berhubung dengan isu yang saya kemukakan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah kerana memperkenalkan DanaNITA MARA yang menyokong

pembangunan usahawan wanita di seluruh negara. Saya berharap melalui tabung yang berjumlah RM35 juta ini yang akan dimanfaatkan yang bakal diperoleh oleh wanita akan harus di sokong dan dibantu oleh semua agensi kerajaan. Bagi memantapkan penyertaan wanita dalam sektor usahawan dan pasaran global, saya ingin mendapatkan penjelasan dari KKLW berhubung dengan program-program yang dijalankan oleh MARA dan agensi di bawahnya untuk membantu usahawan wanita terutamanya golongan kaum ibu yang tidak bekerja serta menjadi suri rumah sepenuh masa.

Saya juga ingin mengetahui bagaimanakah perancangan inisiatif MARA Selangor dan Wilayah Persekutuan untuk memberikan pendedahan perniagaan yang akan dimanfaatkan oleh golongan wanita di Lembah Klang dan pasaran digital seiring dengan *Digital Free Trade Zone* yang telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tempoh hari. Berkenaan dengan pemeriksaan program keusahawanan wanita dan seiring dengan DanaNITA ini, saya ingin mendapatkan penjelasan Menteri KKLW bagaimanakah cara dan tumpuan MARA dalam program *groom* usahawan wanita menjadi usahawan global.

Modul latihan yang dijalankan oleh Bahagian Pembangunan Usahawan MARA untuk memastikan sasaran penyertaan wanita. Peranan MARA dalam mewujudkan persekitaran dan yang lebih jelas dengan komoditi masyarakat luar bandar di Selangor agar produk yang dihasilkan oleh usahawan wanita dapat memasuki pasaran global melalui perwujudan *of test entity* yang dipelopori oleh MARA ataupun kerjasama agensi kerajaan lain seperti FAMA.

Tuan Yang di-Pertua saya menyambut baik langkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melantik Yang Berhormat Menteri Pertahanan Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein sebagai Menteri Tugas-tugas Khas. Semoga dengan pelantikan ini bebas beban tugas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memastikan jentera kerajaan lebih efisien akan terus di perkasa.

Menyentuh mengenai isu rasuah dan integriti saya mengucapkan tahniah kepada SPRM kerana mengendalikan kes-kes siasatan rasuah dan pendakwaan kes rasuah dengan segera. Saya juga memohon kerajaan agar melihat dan mengkaji semula beban kerja penyiasat Suruhanjaya Integriti Agensi Penguat kuasa Jabatan Perdana Menteri.

■1810

Ini kerana saya mendapat maklumat bilangan penyiasat amat minimum dan sesuatu kes yang dilaporkan memakan masa hampir empat hingga enam bulan untuk diangkat ke Mesyuarat Jawatankuasa Aduan dan Mesyuarat Suruhanjaya bagi mencadangkan tindakan ke atas kes-kes melibatkan integriti agensi penguat kuasa. Di sini saya mohon pihak EAIC memberikan status terkini kes-kes yang disiasat dalam tahun 2015, 2016 dan 2017 mengikut agensi penguat kuasa yang dilaporkan, juga status tindakan yang telah dan bakal diambil.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2016, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah membentangkan satu akta yang dinamakan Akta Skim Kepentingan 2016. Saya difahamkan bahawa Suruhanjaya Syarikat Malaysia merupakan agensi yang mengawal selia skim kepentingan ini.

Justeru, saya mohon kepada KPDNKK menyatakan bilangan skim-skim berdaftar dan aktif di pasaran serta bagaimanakah keberkesanan peruntukan-peruntukan di dalam Akta Skim

Kepentingan 2016 dan Akta Syarikat 2016 membasmi skim-skim Ponzi atau skim cepat kaya yang berleluasa di pasaran kini.

Tuan Yang di-Pertua, pada November 2016, kerajaan telah melaksanakan rasionalisasi subsidi minyak masak dalam pasaran negara. Akan tetapi pada masa kini, masih lagi terdapat rungutan daripada pengguna-pengguna yang memaklumkan kepada saya mengenai kesukaran mendapat minyak paket satu kilogram bersubsidi terutamanya menjelang cuti sekolah ataupun cuti umum. Cuti sekolah ini selalunya ada buat kerja-kerja kahwin atau kenduri-kenduri.

Justeru, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada KPDNKK, apakah bekalan minyak bersubsidi ini mencukupi bagi kegunaan domestik terutama apabila umat Islam akan berpuasa dan Hari Raya Aidilfitri pada tahun 2017? Bagaimana persediaan KPDNKK mengenai isu bekalan minyak masak bersubsidi ini?

Tuan Yang di-Pertua, masalah harga rumah di Lembah Klang adalah tinggi jika dibandingkan dengan median pendapatan golongan B40 dan M40. Mengikut kajian Bank Negara Malaysia dalam Laporan Ekonomi 2016, berdasarkan median pendapatan isi rumah sebanyak RM4,585 sebulan, harga mampu milik sebuah rumah adalah di bawah RM260,000. Pukul rata, harga rumah jenis *apartment* di Lembah Klang adalah berada di antara RM334,736 hingga RM420,000. Ini menggambarkan betapa kemampuan global belia untuk memiliki rumah di Lembah Klang amat-amat tidak mampu. Masalah kos sara hidup, peningkatan kadar belia serta ketidakmampuan membeli rumah akan menjadi faktor ketidakstabilan jaringan keselamatan sosial dan menyebabkan kebanyakan belia kurang dipelihara.

Justeru, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apakah dalam tahun 2017 ini perancangan kerajaan untuk memastikan rakyat mendapat rumah mampu milik boleh berjaya? Saya memohon kepada kerajaan memperincikan statistik terkini pembeli berhasrat yang berdaftar dengan semua agensi pembangunan rumah kerajaan seperti SPNB, PR1MA, Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia, UDA, Dewan Bandaraya dan KPKT agar bilangan projek pembangunan perumahan mampu milik yang dirancang mampu menampung permintaan luar biasa rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai keselamatan jalan raya. Saya ingin menyeru Kementerian Pengangkutan memainkan peranan lebih tegas dan praktikal dalam menguatkuasakan segala peraturan dan standard atau piawaian pemandu di jalan raya. Kebanyakan kes-kes kemalangan maut yang melibatkan kenderaan berat adalah berpunca daripada kecuaiannya pemandu. Masalah terkini, kenderaan berat dan muatan lampu yang menyebabkan pemandu hilang keupayaan mengawal kenderaan berat. Justeru, saya memohon MOT memastikan semula reka bentuk wagon treler dan kelengkapan kenderaan berat adalah praktikal dengan kualiti jalan raya dan kesesakan laluan atau faktor geografi di satu-satu laluan.

Isu yang ingin saya kemukakan. Pertamanya, isu muatan pasir atau batuan di dalam treler panjang dan pemandu lori pasir, lori simen dan lori batu membawa laju dan tidak menutup baik bahan yang dibawa menyebabkan berlakunya kemalangan kepada pengguna lain di jalan raya dan lebuhraya.

Kedua, pematuhan had masa operasi di dalam Pusat Bandaraya Kuala Lumpur dan Putrajaya ataupun bandar dan sekolah yang saya lihat tidak dipatuhi oleh pemandu kenderaan berat.

Ketiga, pemandu memandu laju kenderaan berat yang membawa kontena.

Keempat, muatan melebihi had *LPG bottle of lorry*. Treler panjang meletakkan *LPG bottle* ini di dalam kerangka JIG yang bakal menyebabkan kemalangan dan pergerakan jatuh *LPG bottle* ke atas jalan raya.

Justeru, saya mohon penjelasan terperinci Kementerian Pengangkutan dan SPAD untuk mengatasi masalah ini.

Akhir kata, saya sekali lagi menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat. Silakan.

6.17 ptg.

Dato' Dr. Johari bin Mat: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi keizinan kepada saya untuk sama-sama menyampaikan ucapan junjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V, Yang di-Pertuan Agong Ke-15 dalam Titah Seri Paduka Baginda dalam Mesyuarat Pertama, Penggal Kelima, Parlimen Ketiga Belas, pada 6 Mac 2017 baru-baru ini.

Sesungguhnya keberangkatan Baginda untuk menyampaikan Titah di Parlimen ini memberi kekuatan kepada kita dan kita mendoakan kepada Allah SWT supaya Baginda dapat memimpin dan menerajui negara kita dengan aman, selamat, sentosa dan seterusnya mendapat keredaan Allah dan keberkatan-Nya.

Tuan Yang di-Pertua, banyak telah diperkatakan dalam titah baginda dan juga telah diperkatakan oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat Senator pada semalam sehingga hari ini. Saya melihat ada beberapa perkara yang saya boleh rumuskan iaitu kita semua ingin hidup di dalam dunia ini, dalam negara kita ini dengan penuh aman, selesa, tidak ada gangguan dan juga dapat hidup dengan bersefahaman yang boleh membawa keamanan dan kerukunan.

■1820

Dalam kita mendengar ucapan-ucapan tadi, kita mendapati bahawa apa yang telah dicapai oleh negara kita dan apa yang ingin dicapai pada masa depan. Kita tahu juga apa kekuatan dan juga kelemahan-kelemahan yang perlu diatasi dari masa ke semasa. Ini adalah fenomena yang ada di dalam kehidupan kita yang kita hadapi setiap hari dan setiap masa. Namun harapan manusia – kita sebagai manusia hanya mengharap hidup bahagia dan kita sedaya upaya untuk mengelakkan diri daripada kesusahan dan penderitaan.

Di dalam kehidupan ini ada beberapa tonggak untuk dicapai supaya negara kita, masyarakat kita dan rakyat negara kita ini aman bahagia. Antara tonggak yang besar yang telah disebut oleh Titah Baginda ialah keselamatan. Keselamatan merupakan asas di dalam kehidupan mana-mana masyarakat. Tanpa keselamatan maka kita akan lihat- tidak akan dapat melihat kebahagiaan.

Bayangkan negara yang mewah, hidup senang lenang dengan harta yang bertimbun tetapi setelah berlakunya kekacauan, peperangan maka semuanya hilang dan orang yang bahagia tadi tidak dapat mengembalikan dengan mudah. Apa yang berlaku di negara-negara Barat- di negara-negara Arab kita tengok, dulunya negara aman, dulunya negara hebat tetapi sekarang telah berlaku peperangan demi peperangan maka semua yang indah, cantik dan menawan itu tidak ada lagi dan sudah hilang dan sukar dibawa kembali.

Hal itu perlu kita sedari semua supaya negara kita ini terus aman dan bahagia, rukun damai dan tidak ada perkara-perkara yang buruk yang akan berlaku pada masa depan. Oleh sebab itulah maka Baginda memberi pujian kepada pihak keselamatan termasuk polis dan askar di dalam menjaga keselamatan khasnya dapat mengawal pemikiran-pemikiran radikal, keganasan dan apa-apa sahaja yang semakna dengannya di dalam negara kita. *Alhamdulillah* kita lihat ada sedikit sebanyak penurunan yang telah berlaku di dalam masyarakat kita khasnya dalam segi jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan yang telah disampaikan baru ini disebut juga tentang militan dan juga pegangan yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Waljamaah di Malaysia. Di sini saya ingin berkongsi bahawa di dalam kehidupan di negara kita ini ada satu kaedah yang perlu sama-sama kita akui bahawa pemikiran-pemikiran radikal atau penyelewengan atau ajaran-ajaran yang salah daripada hakikat yang sebenarnya atau dasar yang sebenarnya perlu ditangani dengan cara yang baik.

Saya juga melihat perkara ini dengan serius. Baru ini kita dengar ada seorang yang telah disebut di dalam media sama ada media baharu atau media yang biasa yang mengatakan melalui gegaran kita hasilkan tuhan. Ini satu kenyataan yang telah tersebar luas di kalangan masyarakat kita. Menurutny lagi, *"Kita ada aura tentang positif yang baik oleh itu saya percaya tuhan yang baik. Akan tetapi sekiranya terdapat kenegatifan di kalangan kamu lalu kamu akan menghasilkan tuhan yang jahat."* Ini merupakan pemikiran radikal. Ini merupakan pemikiran yang tersasar jauh dari landasan Islam. Kalau orang Islam bercakap seperti ini, maka perlu pihak yang berkenaan menanganinya. Menangani dengan cara yang terbaik dengan memberi penjelasan kerana orang-orang seperti ini ada pengikutnya.

Tidak pernah kita belajar di dalam agama Islam ada tuhan baik, ada tuhan jahat. Tidak ada. Oleh sebab itu kalau sekiranya orang Islam bercakap mewakili orang Islam, maka ia merupakan satu perkara yang perlu ditangani dengan cepat dan supaya ia tidak tersebar di dalam masyarakat kita. Jadi oleh sebab itu kita sebagai umat Islam dan juga masyarakat Islam perlu bekerjasama di dalam menangani perkara-perkara yang boleh mengacaukan pemikiran dan juga apa-apa perkara yang boleh membawa kerosakan dari segi pemahaman.

Perkara yang kedua yang saya ingin tarik perhatian di sini ialah istilah Ahli Sunnah. Saya meminta pihak kerajaan supaya menangani dengan baik. Sekarang saya mendengar di dalam masyarakat kita dan golongan-golongan yang membahaskan mereka sebagai Ahli Sunnah yang mendakwa mereka sebagai Ahli Sunnah dan ada pelbagai kumpulan sehingga ada kumpulan yang mengatakan mereka sahaja Ahli Sunnah dan begitu juga kumpulan yang lainnya.

Jadi bagi saya pihak kerajaan melalui institusi agama perlu menangani dengan baik dan cermat sehingga perkara ini tidak akan menjadi merebak lebih luas. Apabila ia tidak ditangani

dengan baik dan membiarkan hal ini berlaku, ia akan jadi meruncing yang tidak memberi faedah apa-apa. Oleh sebab itu saya ingin menyeru kepada pihak yang berkenaan termasuk JAKIM dan juga institusi agama di seluruh negeri di dalam negara kita ini menangani dengan berhemat dan memberi tumpuan walaupun ia baru kecil tetapi kita jangan lihat ia kecil tetapi tidak berbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan juga- di sini ialah keselamatan kita perlu menjaga negeri dan negara kita daripada pelbagai angkara dari sama ada dari dalam atau dari luar. Kalau kita lihat SPRM yang datang pada hari Isnin kelmarin telah memberitahu kepada Ahli Dewan Negara, "*isytihar rasuah, salah guna kuasa musuh nombor satu*". Saya yakin semua kita mengetahui bahawa apa yang berlaku di dalam negara kita ini kita perlu tangani dengan sebaik-baiknya kerana apabila rasuah ini berlaku dan salah guna kuasa berlaku ia akan berlaku ketirisan, penyeludupan dan pelbagai macam lagi daripada sekecil-kecilnya sampai sebesar-besarnya dan ini menyentuh keselamatan. Kalau sekiranya hal ini berlaku maka penyeludupan juga berlaku.

Penyeludupan itu bukan sahaja dari segi barangan tetapi termasuk manusia. Kita telah dikejutkan setahun yang lepas kubur besar di Perlis di mana berlaku penyeludupan dan juga penganiayaan kepada mereka yang tidak berdosa itu. Ini semua ialah berlaku di dalam negara kita walaupun hal ini sebenarnya dibawa ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga penyeludupan di sempadan. Penyeludupan ini berlaku juga dari luar untuk ke dalam dan dari dalam untuk ke luar. Kita sering disebutkan, dikejutkan dengan penyeludupan untuk minyak masak dan juga petrol. Begitulah juga penyeludupan barangan daripada luar. Penyeludupan ini kalau kita lihat ia satu yang serius. KPDNKK juga menghadapi hal yang sama yang menangani perkara-perkara ini. Kalau kita lihat penyeludupan ini boleh memberi kesan yang sangat besar di dalam pendapatan dan hasil negara kerana hasil yang masuk sepatutnya dibayar cukai tidak dibayar dan hasil yang kita ada dikeluarkan dengan harga yang memberi ancaman kepada penduduk kita sendiri yang menyebabkan kewangan kita tidak dapat dikawal dengan baik.

Begitulah juga- saya ingin berpindah kepada alam sekitar. Kita melihat alam sekitar merupakan satu aset yang sangat penting kepada negara kita dan setiap hari alam sekitar merupakan tajuk utama dan kita tidak akan hidup selesa tanpa alam sekitar yang bersih, tanpa alam sekitar yang dijaga dan dirawat dengan sebaiknya. Oleh sebab itu saya melihat pada hari semalam dikatakan disebut RM750 juta laksanakan 10 projek di Terengganu iaitu pemulihan muara Sungai Setiu, Paka membabitkan 300 juga antara yang diberi tumpuan.

■1830

Saya menyambut baik perkara seperti ini dan saya rasa semua sungai di seluruh negara perlu dibaik pulih. Sebelum ini ramai kita boleh mandi sungai tetapi sekarang ini hendak turun sungai pun takut. Toksik banyak Tuan Yang di-Pertua. Kalau dulu kita boleh makan ikan, cari begitu sahaja, tetapi sekarang sudah tidak mahu lagi makan ikan. Ini adalah hasil daripada pengawalan yang dilakukan dengan tidak bertanggungjawab. Kalau kita melihat, Islam melarang orang buang air kecil di dalam tempat bertakung. Kencing sahaja. Maaf saya sebut perkara itu.

Akan tetapi hendak menggambarkan Islam telah memberi pemerhatian yang sangat serius berhubung dengan penjagaan alam sekitar termasuk menjaga air. Tidak dibenarkan membuang air

kecil di tempat air yang bertakung. Dalam kolam, dalam apa-apa sebab ia memberi kesan yang tidak baik pada kesihatan. Apa lagi membuang air besar. Kalau air kecil dilarang, apa lagi air besar. Kalau air besar itu tidak seberat mana dibandingkan dengan toksik dan juga sampah-sarap ataupun apa-apa sahaja yang dibuang dari kilang ke sungai-sungai yang menyebabkan kita kehilangan alam sekitar yang baik. Dengan sebab itu boleh menyebabkan terjadinya pelbagai penyakit yang tidak diduga.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kehidupan kita ini saya melihat kita adalah orang-orang yang ditugaskan atau diamanahkan untuk membuat peraturan dan undang-undang di dalam negara kita dan kita ahli Dewan Negara termasuk dalam orang-orang yang diberi amanah untuk itu. Maka kita sebagai orang yang diberi tanggungjawab, biarlah kita merasai ini satu peluang yang sangat baik dalam hidup kita dan undang-undang ataupun akta yang telah diluluskan di Dewan Negara dan juga sebelumnya di Dewan Rakyat merupakan satu panduan di dalam kehidupan-kehidupan manusia.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Oleh itu, biar kita merasakan bahawa kita berada di sini merupakan orang yang telah diberi tanggungjawab dan ini merupakan satu *ubudiyah* kepada Allah SWT. Menurut Islam, mereka yang diberi tugas untuk merangka, merumus dan akhirnya menjadikan ia sebagai peraturan-peraturan di dalam kehidupan yang diberi amanah oleh rakyat untuk supaya mereka hidup selesa dan aman. Kerana itulah biar kita, khasnya kepada orang-orang Islam, biar kita merasai bahawa kita adalah mempunyai satu peluang yang baik, di mana undang-undang ataupun peraturan ataupun akta yang telah diluluskan ini, kita mempunyai saham di dalam kehidupan. Saham ini bukan sahaja setakat dunia, tetapi ia membawa kepada akhirat. Kerana itu undang-undang yang diluluskan yang selaras dengan syariat Islam, ataupun ia tidak bercanggah dengan mana-mana undang-undang Islam, ia merupakan termasuk di dalam undang-undang yang dibenarkan oleh agama kita Islam yang amat suci.

Oleh itu, setiap kali peraturan atau akta-akta yang diluluskan, saya secara peribadi, sentiasa menyokong asal sahaja peraturan itu tidak bercanggah dengan syariat. Namun mana-mana undang-undang yang telah digubal atau dibawa ke sini yang bercanggah dengan Islam maka saya tidak bertanggungjawab tentang hal itu. Saya tegaskan di sini Tuan Yang di-Pertua, sebab kita merupakan orang-orang yang diberi tanggungjawab dan kita hanya pasti ia hanya berlaku mengikut apa yang diredai oleh Allah SWT.

Tuan Yang di-Pertua, kita hidup sebagai insan ini hendak- makna hendak minum yang halal. Hendak cari rezeki yang halal, hendak pakai pakaian yang halal. Hendak tinggal di rumah yang halal. Kerana itu biarlah kita makan dan minum, menjaga kesihatan kita dengan yang halal. Kerana itu kaedah, kita perlu satu kaedah untuk memastikan supaya semua barangan yang dikeluarkan untuk dipasarkan adalah halal dan tidak ada syak dan ragu-ragu.

Apabila sesuatu makanan atau pakaian itu atau apa jua halal, maka ini dapat digunakan oleh semua orang, tanpa mengira agama. Kalau sekiranya barang itu tidak halal, mungkin dari segi perniagaan, *businessnya* ia akan berkurangan kerana orang Islam tidak akan menggunakannya.

Oleh itu, semua barangan yang masuk ke dalam negara kita, pastikan ia halal dan kalau tidak halal perlu ditandakan dengan "Tidak Halal."

Oleh itu, saya meminta kementerian yang berkaitan supaya memastikan hal-hal ini yang tidak berlaku sebagaimana berlaku sedikit kekecohan baru-baru ini, namun demikian KPDNKK dapat menyelesaikan masalahnya. Syabas kepada kementerian. Dalam negara kita, kita melihat, saya ingin menyebut halal ini, bukan sahaja makanan, bukan sahaja makanan, termasuk pakaian, dan pakaian itu bukan materialnya sahaja, tetapi corak berpakaian.

Saya semalam terkejut apabila Dato' Sri menimbulkan bahawa ada orang pergi *interview* dengan sebuah syarikat penerbangan supaya membuka pakaiannya. Ini sebenarnya perbuatan yang tidak halal. Walaupun orang ingin mendapat pekerjaan dan mungkin dia terpaksa, tetapi sebenarnya kita telah memaksa orang melakukan perkara bertentangan dengan nilai manusia, nilai kehormatan manusia dan apa lagi bertentangan dengan nilai agama. Perkara ini patut diberhentikan serta-merta dan pihak kerajaan sepatutnya mengambil tindakan ke atas golongan seperti ini supaya ia tidak berlaku lagi.

Kalau sekiranya tindakan tegas tidak diambil, sudah pasti perkara ini akan berulang, mungkin ia akan berulang dalam corak yang lain. Kerana itu kita perlu kepada ketegasan dan tindakan yang tidak perlu diberi, dilengahkan hal-hal seperti itu dan ini adalah menjaga kehidupan manusia, menjaga kehormatan manusia, menjaga kedaulatan agama, menjaga kedaulatan negara dan negara kita tidak mengajar orang seperti melakukan perbuatan yang tidak bermoral dan beretika seperti itu.

Bagi saya ini adalah ekstrem. Inilah perbuatan yang kita katakan ekstrem. Boleh jadi orang kata ekstrem nanti sekadar menyerang orang dan sebagainya. Sebenarnya ini ialah telah menyerang kehidupan manusia dengan cara yang tidak betul. Saya melihat di sini perpaduan negara, perpaduan negara merupakan satu perkara yang sangat penting dan diberi perhatian di dalam masyarakat dan hal ini, integrasi nasional, tindakan untuk pelaksanaan pelan perpaduan, kesepakatan dan penyatupaduan yang telah digubal berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

Ini merupakan asas di dalam kelangsungan kehidupan dalam perlembagaan. Kalau sekiranya perkara ini tidak diberi titik berat, sudah pasti kekuatan negara dan keutuhannya akan terhakis dan kerana itulah Islam meletakkan asas perpaduan itu kepada kemanusiaan. Allah SWT berfirman... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] "*Wahai sekalian manusia, sesungguhnya kami cipta kamu, lelaki dan wanita dan kami jadikan kamu berpuak-puak dan berbangsa-bangsa adalah untuk saling kenal-mengenal antara satu sama lain*".

■1840

Di sini kita melihat Allah SWT menyeru membina hubungan itu dengan kesejagatan manusia dan adanya pelbagai etnik, bangsa dan keturunan itu hanyalah untuk berkenalan. Pada asalnya, manusia adalah dari Adam dan Hawa. Tidak perlu dijadikan bangsa itu sebagai asas untuk kita bermusuhan dengan bangsa yang lain, itu gagasan yang telah diberikan oleh agama Islam. Namun, apabila manusia telah lari daripada prinsip dan dasar yang asal, maka mereka jadikan gagasan bangsa dan sebagainya.

Itu menyebabkan kadang-kadang boleh berlaku pertikaian dengan yang lain sedangkan ia merupakan satu kekayaan yang ada. Kalau kita di dalam negara kita Malaysia banyak bangsa, banyak etnik dan itu merupakan satu kekayaan yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada kita masyarakat Malaysia. Kita bina gagasan itu untuk memperkuat negara. Kalau semalam ada lawatan daripada pemimpin tertinggi daripada negara Arab Saudi, memuji negara Malaysia, negara kita sebagai negara yang dapat hidup harmoni di dalam sebuah negara yang ada pelbagai bangsa, etnik dan juga agama.

Ini suatu kelainan dan dia memberi pandangan supaya ia diteruskan dan dikekalkan dan ia nya merupakan satu aset yang sukar dilaksanakan di tempat-tempat yang lain. Saya melihat bahawa dalam perjumpaan itu Tuan Yang di-Pertua, Dewan kita telah memberikan satu gambaran yang sangat baik berhubung dengan Islam sebagai agama negara, agama Persekutuan di samping agama-agama lain boleh diamalkan dalam bahagian Malaysia ini dengan aman. Ini merupakan satu gagasan yang telah disepakati sebagaimana termaktub di dalam Perlembagaan.

Kalau ini kita sama-sama dukung, sama-sama berpegang teguh dengan hala itu, maka sudah pasti keamanan, keselesaan, kesejahteraan, kedamaian, perpaduan dapat kita hayati bersama. Tuan Yang di-Pertua, saya melihat juga Baginda mengaitkan berhubung dengan B40 dengan M40. Ini merupakan satu golongan masyarakat teramai di Malaysia dan golongan ini telah dibantu dengan pelbagai cara, antaranya pemberian BR1M. Saya melihat pemberian BR1M ini boleh menampung sedikit sebanyak berhubung dengan keperluan-keperluan kepada golongan ini.

Namun, apa yang saya ingin sebut di sini apabila saya perhatikan, pembahagian tahun ini agak berbeza dengan tahun-tahun sebelumnya. Nampak tahun ini, kalau sebelum ini BR1M ini di masuk dalam akaun. Akan tetapi tahun ini berbeza sedikit, beratur panjang, sampai orang yang beratur tadi, orang tua, orang yang kurang upaya, terpaksa berdiri lama. Saya nak tanyalah, kenapa hal ini berlaku begitu? Sedangkan kalau kita dari segi proses perkhidmatan, kita semakin baik, semakin baik, semakin baik. Akan tetapi ini saya melihat ia semakin berkurangan daripada tahun lepas. Tahun lepas lebih baik daripada tahun ini. Ini sepatutnya tidak terjadi di dalam pentadbiran yang kita merasakan kita mempunyai kecekapan yang hebat. Sepatutnya kita telah mempunyai kecekapan yang hebat pada tahun lepas, tahun ini kita dapat elakkan.

Akan tetapi hal yang sebaliknya ia terjadi, maka ini saya ingin tahu daripada pihak yang berkenaan, kenapa ia terjadi? Seterusnya, banyak juga rungutan sebelum ini, hal kehidupan kita ini adalah rumah tangga atau rumah, bukan rumah tangga, rumah. Keperluan masyarakat kita perlu rumah dan semua orang perlu rumah, terutamanya orang yang baru berkeluarga dan yang sudah lama berkeluarga, tidak mempunyai rumah. ni merupakan satu hambatan kepada mana-mana masyarakat di dalam negara kita dan juga bukan saja kita di Malaysia dan juga negara-negara lain. Dalam konteks negara kita, saya ingin tahu berapa sebenarnya keperluan yang diperlukan oleh rakyat di dalam negara kita pada setiap tahun?

Kalau kita perincikan kalau mengikut negeri, berapa di peringkat negeri dan berapa di peringkat Persekutuan dan sebagainya? Supaya jumlah dan angka itu kita dapat tahu bersama dan juga kita boleh berfikir bersama. Begitu juga istilah makanan kita, masa depan kita. Kita merupakan negara pertanian, negara kita luas dan tempat pertaniannya luas juga dan ladang padi kita pun

banyak, begitulah juga komoditi kita yang lain juga banyak. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian berkenaan, sebenarnya sebanyak mana yang kita dapat hasilkan untuk kegunaan kita setakat ini? Apa perancangan kita pada masa depan dan sebanyak mana yang kita terpaksa import makanan-makanan atau keperluan kita dari negara luar? Kalau saya tengok di sempadan, serupa Dato' Lah ini, dia duduk di Rantau Panjang, dia boleh tengok tiap-tiap hari, saya tengok jarang-jarangnya. Saya tengok jarang-jarang, sayur-sayur dari Thailand dibawa masuk ke Kelantan banyak.

Jadi, apabila bawa masuk itu banyak, tentulah ia bawa masuk dengan permintaan. Jadi, kita ingin tahu sebenarnya sebanyak mana kekurangan yang ada di tempat kita? Apa langkah yang boleh dilakukan supaya hal ini dapat kita menampung dan tidak perlu lagi membeli sayur dari luar? Kita pun tahu, sayur kita juga kualitasnya tinggi dan kita hantar ke luar negara. Jadi, sebenarnya kalau kita boleh dapat maklumat, kita boleh tahu berapa sebenar keperluan kita dan begitu juga berapa sebenar apa yang kita tidak ada dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, rasuah yang telah disebutkan tadi, saya sebut merupakan gejala sosial. Ia merupakan rentetan daripada perkara-perkara lain lagi iaitu lah kalau kita nak atasi perkara ini, sudah pasti kita tidak dapat atasi dengan hanya undang-undang semata-mata. Akan tetapi kita perlu membuat jangka panjang dan jangka pendek, yang terlibat ialah pegawai penguat kuasa, yang ramai terlibat, yang pegawai penguat kuasa yang mempunyai kuasa dalam bidang-bidang yang tertentu yang berkaitan. Bagaimana kita dapat mengatasi hal ini?

Kalau dalam jangka panjang, kita boleh menggubal, kita boleh melihat kembali sistem pembelajaran persekolahan kita, pendidikan kita. Oleh kerana yang menjadi pegawai dan kakitangan itu semuanya lalu sekolah. Tidak ada yang tidak masuk sekolah, semua masuk sekolah dan masuk sekolah pun sampai yang tinggi-tinggi. Akan tetapi kenapa ia berlaku? Maka, di sinilah kita perlu melihat sistem pelajaran kita, di mana yang perlu kita perlu *top-up* dan cukup, perlu kita baiki. Kedua ialah kepada sistem latihan dan juga kursus dari semasa ke semasa, peningkatan peribadi dan boleh dibuat dari semasa ke semasa di dalam perkhidmatan.

Di samping itu juga, boleh jadi juga orang yang terlibat dengan hal-hal ini mereka mempunyai keinginan yang tinggi tetapi keupayaan yang terbatas. Oleh kerana itulah perlu ada pengurusan diri, bagaimana mengawal selia perasaan-perasaan tadi sehingga ia tidak boleh membawa kepada keadaan-keadaan yang tidak diinginkan. Oleh kerana itu bagi saya, kita tidak boleh menyalahkan satu pihak sahaja tapi kita perlu melihat keseluruhannya sekali supaya kita dapat garap kehidupan di dalam negara kita ini dengan lebih baik dan lancar.

■1850

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak rumuskan perbincangan saya ini kepada satu doa. Kita sentiasa berdoa di dalam hidup kita. Bagi orang yang solat Subuh, maka dia tentu akan baca Qunut. Bagi orang yang solat witir, juga dia baca Qunut. Cuma kalau dalam masyarakat kita, witir ini dia sembahyang bulan puasa saja. Sebenarnya solat witir itu perlu dilakukan dan digalakkan pada setiap malam, paling-paling tidak satu rakaat. Kalau rajin sikit tiga dan boleh tambah sampai sebelas.

Dalam doa witir itu ataupun doa Qunut, kita membaca... [*Membaca doa Qunut*] "*Allah humah dini fiman hadait,*" maksudnya, "*Ya Allah, aku mohon dengan Mu petunjuk di kalangan orang yang Engkau beri petunjuk.*" "*Wa'a fini fiman 'afait,*" "*dan aku mohon pada Mu ya Allah diberi kesihatan*

kepada ku di kalangan orang yang Engkau beri kesihatan.” “Watawallani fiman tawalait,” “dan pimpinlah aku, uruskanlah hidupku di kalangan orang yang Engkau pimpin dan uruskan kehidupan mereka.” “Wabarikli fima a’tait,” “wahai Tuhanku, tolong Engkau memberi keberkatan terhadap semua anugerah yang Engkau telah anugerahkan kepadaku.” “Waqinii syarramaa qadzait,” “wahai Tuhanku, aku minta Engkau sisihkan daripada kehidupan ku segala keburukan yang Engkau telah tentukan berlaku.” Ada lima. Akhir sekali kita baca, “Waastaghfiruka wa’atubu ilaik,” iaitu “dan aku memohon kepada Mu ya Allah supaya Engkau mengampunkan aku dan aku bertaubat kembali kepada Mu.” Ada tujuh perkara yang kita mohon dan minta.

Pertama, kita minta hidayah, hidayah ini minta ilmu. Orang yang ada ilmu tidak akan hina dalam hidup ini. Jadi sebab itulah Islam mengajar kita supaya kita mencari ilmu dan kerana itulah kalau kita besarkan ilmu itu- dalam negara kita ialah pendidikan.

Kedua, kita minta sihat. Orang yang berilmu tidak akan dapat menggunakan ilmunya kecuali ada diberi kesihatan dan kesihatan adalah besar sama ada individu, keluarga dan juga masyarakat. Oleh kerana itu tunggak yang kedua di dalam negara kita ialah Kementerian Kesihatan.

Ketiga, “Watawallani fiman tawalait,” “ya Allah bimbing aku, urus aku, pandu aku di kalangan orang yang Engkau beri panduan.” Panduan-panduan ini ialah kita minta Allah beri panduan dalam hidup kita, kita minta Allah urus, pimpin kita. Jadi dalam sebuah negara perlu ada pemimpin. Tidak ada dalam masyarakat manusia, apa pun, di mana pun mereka perlu kepada pemimpin. Maka pemimpin ini dengan masyarakat bukan setakat di dunia tetapi sampai ke akhirat. Memimpin masyarakat bukan main-main tetapi ia juga merupakan ibadah. Dalilnya ialah Rasulullah menyebut ada tujuh golongan yang mendapat bayang Arasy di akhirat nanti.

Antara yang pertama Rasulullah sebut *imamun adil*, iaitu imam yang adil. Ini adalah golongan yang mendapat bayangan Arasy di hari akhirat nanti yang pada waktu itu tidak ada apa-apa bayang. Imam yang adil itu ialah pemerintah yang adil. Jadi memerintah, pemerintah adalah orang yang diberi bayang Arasy kalau memerintah dengan adil. Adil di sini adalah mengikut agama, agama Islam. Jadi berbahagialah orang yang meletakkan Islam sebagai agama dalam kehidupannya, dia turut agama Islam sebagai pemerintah, mentadbir dan mengurus negara, maka dia akan dapat kehidupan yang amat lumayan.

Oleh kerana itu kita perlu melihat orang yang diberi tanggungjawab memerintah, dia sedang beribadat kepada Allah, dalam ubudiah pada Allah. Jangan merasa kecil, kerana itulah orang yang adil cepat masuk ke syurga sebaliknya orang yang tidak melakukan keadilan, dia adalah orang yang terlambat dan terakhir. Oleh kerana itu kita pun akan ada pilihan raya dan hal ini pun juga merupakan satu perkara yang diperlukan oleh masyarakat.

Saya hendak sentuh di sini, saya mendengar ramai orang mengatakan pilihan raya ini *non-Islamic*. Saya ingin menyatakan pilihan raya adalah sunah yang ditinggalkan oleh Rasulullah SAW. Dalilnya, apabila sahaja Rasulullah wafat, maka kaum Ansar bergegas ke Saqifah Bani Sa’idah untuk melantik pengganti Rasulullah. Pada ketika itu sebahagian sahabat sibuk dengan pengurusan jenazah Baginda. Lalu Sayidina Abu Bakar dan Abu Ubaidah juga Sayidina Umar menyertai sama. Di situ berlaku perbincangan antara mereka dan lalu dicadangkan dilantik Saad bin Abu Ubaidah dan ada mencadangkan Sayidina Abu Bakar. Di sini kita melihat satu pemilihan berlaku.

Begitu juga apabila Sayidina Umar ditikam dan hampir mati, dia mewasiatkan ada enam orang untuk mengendalikan urusan pelantikan khalifah selepasnya. Keenam-enam orang tadi termasuk Sayidina Ali dan Sayidina Othman, keempat yang lain tidak mahu dilantik sebagai khalifah tetapi Sayidina Ali dan Sayidina Othman dilantik sebagai dua calon dan seorang daripada mereka telah menerima undi yang terbanyak. Ini menunjukkan bahawa pelantikan itu berlaku pada zaman itu.

Oleh kerana itulah, yang seterusnya, *“Waqinii syarrama qadzait, wabarikli fimaa a'tait,”* iaitu *“wahai tuhan Ku, berilah keberkatan terhadap semua yang Engkau anugerahkan kepadaku.”* *“Waqinii syarramaa qadzait,”* iaitu *“dan aku mohon kepada Mu ya Allah supaya semua keburukan yang telah ditentukan berlaku supaya tidak terkena ke atas ku.”*

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali kita bertaubat dan memohon ampun dengan Allah. Bertaubat itu tentulah orang yang membuat kesilapan dan tidak ada orang yang membuat di atas ini orang tidak silap, dan orang yang paling baik ialah orang yang bertaubat. Namun dalam bertaubat itu ada juga kadang-kadang orang yang sengaja buat dosa. Sengaja buat dosa itu yang tidak baik. Orang yang tersalah diminta bertaubat dengan cepat tetapi jangan sengaja membuat salah. Jadi oleh kerana itu saya menyeru di Dewan yang mulia ini supaya semua pihak memberi tanggungjawab dan membimbing masyarakat kita yang suka membuat, menyebarkan perkara-perkara yang tidak benar dan tidak betul melalui media baru dan menuduh orang itu, orang ini sehingga melaga-lagakan antara satu sama lain.

Kalau dulu mungkin agak sukar dan payah untuk melagakan orang dan membawa berita palsu tetapi sekarang ini dengan media baru, ianya tersebar dengan baik dan kadang-kadang ia berlaku satu fitnah, satu penganiayaan kepada pihak lain. Apabila disengajakan, maka ia bukan tersalah tetapi melakukan kesalahan. Oleh kerana itulah, Allah SWT menyebut di dalam Al-Quran... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Maksudnya, fitnah lebih dahsyat daripada pembunuhan.

Mungkin pembunuhan berlaku kepada seorang individu tetapi apabila fitnah berlaku, mungkin ramai orang yang terkorban kerana itu dosanya sangat besar dan sangat dahsyat berbanding dengan orang-orang lain. Jadi oleh kerana itulah saya menyeru supaya kita semua masyarakat umat Islam dan juga semua masyarakat di Malaysia supaya jati diri betul-betul dan supaya kita dapat melakukan kerja-kerja kita dengan baik dan mendapat keredaan Allah SWT.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat itu ucapan saya. Yang baik daripada Allah, kalau ada salah silap daripada saya dan saya mohon untuk menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat. Kita mendengar ucapan dia tadi seolah-olah mendengar ceramah daripada dia. Saya juga bertambah insaf. Itu yang mencari kita tadi minuman yang halal, makanan yang halal supaya lebih kebaikan itu. Itu dia.

■1900

Pada petang ini kalau lalu sahaja Perdana Menteri kita nampak Ahli Senator Dewan Negara di sini masih lagi di Dewan ini, dia mesti puji Yang Berhormat, pasti dia puji. Inilah contoh-contoh orang perjuangan. Orang perjuangan katanya. Sanggup. Yang mencari- bak kata Yang Berhormat

Dato' Dr. Johari tadi, supaya kita sentiasa hidup dalam harmoni, menghormati satu sama lain dan selalu kita budaya bagus.

Saya sambung lagi. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail. Dipersilakan.

7.00 mlm.

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: *Bismillahi Rahmani Rahim...* [Membaca sepotong doa]
Saya berterima kasih kepada Dewan ini kerana memberikan saya peluang untuk sama-sama membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya pada peringkat permulaan ini, Tuan Yang di-Pertua, hanya hendak memfokuskan kepada isu yang pertama ini kepada Parlimen, integriti Parlimen ini. Saya sebenarnya bersetuju dengan Presiden Majlis Senator yang pernah membangkitkan isu untuk Dewan Negara ini dipanjangkan had harinya. Bukan masa tetapi hari. Ini kerana kalau kita lihat hari ini, esok perbahasan, Khamis dan Selasa penggulungan Menteri, kemudian kita hanya ada dua hari untuk membahaskan ada 13 lagi rang undang-undang. Ini bagi saya menjadikan Dewan Negara ini ibarat terkejar-kejar. Sedangkan saya yakin kita ada banyak masa untuk membahaskan perkara-perkara sepeenting ini. Ini saya rasa harus dilihat.

Saya minta Presiden Majlis Senator untuk bawa isu ini agar tidak dipendekkan. Ini kerana apabila saya tengok untuk bulan Ogos nanti, hanya enam hari sahaja Majlis bersidang Dewan Negara. Kita ada tiga bulan masa berehat. Apabila bersidang masa pendek, jadi memberikan kita ruang yang sedikit.

Lebih mendukacitakan saya ialah apabila sesi persoalan jawapan lisan pagi itu tidak boleh ada celahan. Sedangkan apabila kita datang itu, kita hendak tanya soalan. Apabila disekat itu, macam kita pun jadi dungu, duduk sahaja dengar. Hendak lawan tidak berani. Jadi saya minta perkara ini diteliti. Saya ingat tadi Tuan Yang di-Pertua duduk sini tadi tetapi Timbalan Yang di-Pertua boleh tolong sampaikan kepada Tuan Yang di-Pertua agar jangan ada sekatan. Sekurang-kurangnya buka satu soalan tambahan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat agar kita dapat sampaikan apa yang rakyat mahu kita bangkitkan.

Perkara kedua yang saya hendak sebut ialah isu lambakan warga asing. Tadi sudah ada dibangkitkan soal jumlah. Hendak tahu jumlah berapa sebenarnya warga asing dalam negara kita. Saya tak nak bangkit isu itu tetapi saya hendak masuk dalam isu yang dibangkitkan oleh Kementerian Kesihatan yang mengatakan bahawa negara kita mengalami kerugian hingga nilainya mencecah RM50 juta dalam isu warga asing lari dan bolos dari bayar kos perubatan mereka sendiri. Kalau nilainya RM20,000, RM30,000, Tuan Yang di-Pertua, saya boleh terima. Maknanya dia makan ubat, dia segar, dia lari. Saya boleh terima. Akan tetapi ini mencecah hampir RM50 juta. Di HKL sendiri dia mencecah RM1 juta.

Saya menyarankan kepada Kementerian Kesihatan, kalau perlu, kalau ini adalah isu yang berlanjutan dan berulang-ulang, disediakan satu wad khas untuk warga asing ini. Dan perlu ada satu sistem keselamatan yang lebih baik untuk memastikan mereka ini tidak culas dari membayar kos perubatan mereka sendiri. Apabila ini berlaku, saya rasa- ya lah, kalau rakyat Malaysia hendak

keluar wad itu, sampai kena kejar. Kena kejar sebab tidak bayar kos perubatan dan tidak ada kompromi. Akan tetapi apabila isu melibatkan warga asing, ini adalah suatu yang membimbangkan.

Perkara kedua yang saya hendak tanya ialah soal penempatan warga asing. Saya duduk di kawasan perumahan saya di Ipoh. Kawasan perumahan itu kawasan perumahan yang berstatus peribadi, *private*. Akan tetapi apa yang membimbangkan saya ialah hampir boleh dikatakan 20 peratus ke 30 peratus penghuninya ialah di kalangan warga asing. Teman-teman Senator boleh buka, sekarang tengah *viral* di Kampung Tawas, Ipoh, bagaimana satu *flat* yang pada awalnya Kerajaan Negeri Perak nyatakan untuk rakyat Malaysia tetapi didiami sepenuhnya oleh warga Myanmar, Vietnam dan Bangladesh. Apa yang berlaku, *viral* ini, mereka mengadakan hiburan, mengadakan pesta perayaan agama mereka waktu maghrib pasang lagu kuat-kuat, berdisko di kaki lima *flat*. Ini menjadi *viral*.

Ini yang menyebabkan rakyat kita ini kadang-kadang takut untuk pergi duduk di kawasan-kawasan ini. Contohnya juga di Klang. Saya juga ada bangkitkan isu ini kepada Kerajaan Negeri Selangor. Bagaimana kalau di *Port Klang* itu ada banyak *flat* ini yang majoriti orang Melayu itu telah tiada, rakyat Malaysia tiada dan yang ada hanya warga asing.

Akan tetapi apabila kita tanya kementerian, kementerian kata kita sudah hantar pulang banyak, sudah tangkap banyak. Akan tetapi yang ada ini, satu komen daripada video yang *viral* ini, dia sebut dia ada permit, dia dijaga oleh syarikatnya, cubalah ambil tindakan. Seolah-olah dia mencabar sistem undang-undang Malaysia kerana atas dasar permit semata-mata.

Jadi saya minta agar kementerian memandang perkara ini secara serius agar ia tidak berulang-ulang kerana kawasan kediaman ini kita hendak lepas anak-anak kita pun takut sebab mereka itu keluar masuk, keluar masuk dan ini membimbangkan.

Juga saya hendak sebut soal yang ketiga ialah saya minta penjelasan Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan graduan perubatan yang dikejutkan dengan penangguhan untuk dimaklumkan kemasukan mereka selepas ditemu duga. Hari ini kita dimaklumkan hari keputusan itu ditangguhkan tanpa ada sebab. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam gagal menyatakan tarikh baru untuk dimaklumkan kepada mereka ini sama ada mereka ini diserap masuk di sektor kerajaan atau pun di sektor swasta.

Apa yang lebih menyedihkan, Tuan Yang di-Pertua, saya berkongsi, ramai teman-teman ini dia sudah tunggu setahun. Dia sudah habis belajar, dia tunggu setahun untuk tahu sama ada dia boleh kerja atau tidak boleh. Akan tetapi sayangnya, hari yang ditunggu itu ditangguhkan. Lebih sedih, tidak tahu bila pula tarikh hendak diberitahu. Jadi saya minta penjelasan Menteri dalam soal ini.

Saya juga hendak membangkitkan isu yang berkaitan dengan jawatan pegawai dalam Skim Pegawai Sains Fizik. Ini bagi saya satu isu penting yang harus diteliti oleh pihak kementerian. Kajian pindaan Skim Perkhidmatan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1, Tahun 2016, tidak memberi penyelarasan atau pindaan gaji kepada Skim Pegawai Sains Fizik jika dibandingkan kepada skim-skim lain dalam perkhidmatan awam.

Apa yang hendak saya utarakan ialah, yang pertama, adakah Jabatan Perkhidmatan Awam mengamalkan sikap pilih kasih semasa membuat pindaan gaji dan penambahbaikan kepada skim-

skim perkhidmatan yang terpilih sahaja? Sementara itu, Skim Pegawai Sains Fizik dilihat sering dipinggirkan. Adakah Jabatan Perkhidmatan Awam akan membuat- sekiranya jawapannya kita tidak pilih kasih, kita sedang melihat. Jadi saya hendak tanya soalan, adakah Jabatan Perkhidmatan Awam akan membuat tindakan penambahbaikan serta-merta untuk Skim Pegawai Sains Fizik iaitu meningkatkan gaji minimum dan pemberian elaun khas fizik kepada mereka?

Saya hendak ingatkan Ahli-ahli Dewan tentang kejayaan seorang anak muda wanita yang mana namanya disebut di peringkat dunia sekarang. Siapa dia? Adik Nur Adlyka Ainul Annuar yang hari ini gembira apabila dia dapat surat pengiktirafan daripada Perdana Menteri Malaysia.

Akan tetapi apa yang saya hendak sebut, adik Nur Adlyka Ainul Annuar yang berasal dari Muar, Johor dan penerima biasiswa MARA, baru-baru ini beliau telah menjalankan analisa menggunakan teleskop X-ray terbaru milik Agensi Aeronautik dan Angkasa Amerika (NASA) dan berjaya membuat penemuan mengenai lubang hitam gergasi, dengan izin, *super massive black hole* di dalam galaksi kita.

Ini adalah pencapaian yang baik, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita ada pencapaian yang setinggi ini dalam bidang sebaik ini tetapi dalam masa yang sama kita meminggirkan jawatan ini, meminggirkan segmentasi ini, saya kira baik macam mana pun pencapaian dia, akhirnya nanti apabila dia hendak cari ruang-ruang kerja ataupun ruang-ruang untuk dia duduk, apabila dia lihat ruang ini sentiasa dipinggirkan dan ditinggalkan, akhirnya dia akan berubah kepada bidang-bidang yang lain.

Oleh sebab itu, saya mencadangkan supaya satu mesyuarat khas dianjurkan oleh JPA untuk duduk semeja dan bersemuka dengan semua Pegawai Sains Fizik seluruh negara bagi membincangkan langkah-langkah untuk memartabatkan kerjaya skim ini dan mencari penyelesaian bagi segala isu atau kemelut yang dihadapi oleh Pegawai Sains Fizik sekarang. Kalau kita hendak bermula Tuan Yang di-Pertua, kita kena mula sekarang sebab segmentasi ini sudah lama dipinggirkan.

■1910

Saya masuk kepada soal yang seterusnya. Isunya apa? Isunya ialah dadah. Kalau sebelum ini kita sebut dadah ini musuh utama negara, nombor satu dalam negara. Saya ada bertanya kepada Perdana Menteri dalam soalan saya tetapi dibalas secara bertulis, mengenai pengujuduan mahkamah-mahkamah yang membicarakan kes-kes spesifik mengenai dadah dan dijawab oleh Yang Berhormat Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said yang memaklumkan bahawa ada dua mahkamah khas dadah iaitu di Kuala Lumpur dan dua lagi di Shah Alam.

Saya sambut baik tetapi boleh atau tidak kerajaan menilai semula, melihat kes-kes dadah ini mengikut negeri untuk kita lihat bagaimana perlu juga diwujudkan mahkamah-mahkamah yang sama fungsinya untuk memberi penumpuan kepada kes dadah diwujudkan di setiap negeri. Maknanya dia tidak hanya berpusat di Kuala Lumpur dan Selangor sahaja, maknanya direbalkan lagi ke negeri-negeri yang kes dadah itu tinggi agar mahkamah-mahkamah lain boleh memberikan tumpuan sepenuhnya kepada isu-isu ataupun kes-kes lain yang melibatkan perkara-perkara lain.

Saya nak masuk yang seterusnya, tak lama dah Tuan Yang di-Pertua. Pendek sahaja. Isu SOP pembinaan tandas di stesen-stesen minyak. Kita banyak kali dikejutkan dengan *viral* isu

bagaimana cubaan rogol, cubaan cabul, intip, pasang kamera, duduk atas siling yang mana stesen-stesen minyak ini merupakan tempat lokasi yang menjadi ancaman kepada wanita sekarang. Ada banyak stesen minyak meletakkan tandas mereka ini di bahagian belakang bangunan. Mereka kata kita dah letak CCTV untuk pengawasan tetapi CCTV ini hanya bersifat CCTV kerana tak ada orang yang memantau CCTV. Tapi apa berlaku?

Ini yang saya hendak sebut. Perlu ada garis panduan yang dikeluarkan oleh kementerian kepada semua stesen minyak di seluruh negara. Nak bina stesen minyak mesti tandasnya duduk betul-betul di tengah. Ada banyak stesen minyak sekarang yang tandasnya itu di tengah. Ini memberikan peluang untuk berlaku masalah-masalah jenayah seksual ini berkurangan. Jadi saya rasa ini juga perlu dijadikan inti pati penting yang dilihat untuk menjamin keselamatan khususnya golongan wanita di kawasan-kawasan seperti ini.

Saya juga hendak bangkitkan soal SOP pembaikan jalan raya, Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang kita tak payah pergi negara Arab untuk rasa berjalan atas padang pasir sebab dekat negara kita pun jalan dia dah sama macam naik kuda. Ini yang saya hendak bangkitkan Tuan Yang di-Pertua, SOP penurapan jalan yang ada dalam negara kita. Kalau dulu, saya masih ingat waktu kecil-kecil, bila berjalan, orang nak turap jalan, kita nampak *bulldozer* besar. Dia nak turap jalan, jadi kita tahu dia hendak turap jalan dan kita tahu jalan itu akan baik tapi sekarang tak lagi.

Banyak tempat dia bagi pada kontraktor kecil, dia bawa satu mesin kecil itu, *bulldozer* kecil sahaja Tuan Yang di-Pertua, berjalanlah dia atas tar itu dan tempoh matang tar itu pun tak sempat nak matang, lori dah lalu akhirnya bersopak balik. Saya boleh nyatakan sistem pembaikan jalan yang berlubang di negara kita ini ibarat tampal koyok kalau pening kepala yang mengakibatkan akhirnya tak payah tunggu satu kilometer pun nak jumpa tampalan yang lain. Kadang-kadang itu tampal sini, depan tampal, depan tampal, depan tampal. Ini kualiti jalan negara kita. Rakyat bayar *income tax* tetapi akhirnya rakyat terpaksa berhadapan dengan jalan-jalan raya seperti ini yang rungutannya itu sering timbul ialah kos pembaikan kenderaan. Sebab itu saya minta kementerian perjelaskan SOP pembaikan jalan ini kepada Dewan.

Seterusnya saya hendak masuk kepada lebuhraya di Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, sering kali berlaku kemalangan dalam lebuhraya di Malaysia tetapi apa berlaku? Kita tidak ada *emergency plan* yang diberikan oleh lebuhraya bagi membantu pengguna untuk lari daripada kesesakan. Kalau contoh berlaku kemalangan di kilometer 65.3, di kilometer 60.3, ada *exit* yang terdekat. PLUS ataupun mana-mana ruang tidak menggunakan *exit* itu sebagai *exit* untuk *divert*, dengan izin, kenderaan keluar daripada duduk tersekat dalam kesesakan lalu lintas dan bila ini berlaku, rakyat terpaksa berhadapan dengan *jammed* hampir tiga jam kalau kemalangannya itu besar. Apa yang lebih menyedihkan, ada yang saya lihat kenderaan dia ini uzur Tuan Yang di-Pertua, dia terpaksa *jammed* lama, kenderaan dia itu sampai berasap terpaksa berhenti tepi *highway* lepas itu nak kena fikir pula kos pembaikan dan sebagainya.

Sebab itu saya katakan dalam isu ini, perlu ada satu garis panduan yang diberikan kepada lebuhraya sekiranya berlaku kesesakan lalu lintas ataupun kemalangan di lebuhraya, *exit* terdekat harus digunakan sebagai jalan keluar untuk memastikan pengguna selesa dalam perjalanan dan tidak berlaku komplikasi yang lain.

Saya hendak masuk dua akhir, Tuan Yang di-Pertua. Sekatan jalan raya di Malaysia. Isunya bukan tak boleh sekat, boleh sekat tetapi apa yang kita nyatakan ialah cara mekanisme sekatan itu dibuat. Apa yang menjadi rungutan rakyat, jalan tiga *lane* disempitkan ke satu *lane*. Bila sekatan dibuat? Waktu puncak nak balik tengah hari nak bagi anak isteri makan, nak hantar anak sekolah dan ini memberikan rakyat- oh bang... [*Duduk menghormati azan*].

Saya sambung balik walaupun bukan azan rasmi daripada masjid tetapi saya hargai. Saya nak sambung tadi soal sekatan jalan raya. Sebab itu saya minta kementerian memberikan saranan kepada trafik dan juga JPJ. Mana-mana sekatan jalan raya nak dibuat itu haruslah mekanisme caranya itu diubah. Kalau buat di jalan tiga *lane*, pastikanlah sekatan itu melibatkan ketiga-tiga *lane*. Maknanya kelancaran kenderaan itu tidak disekat-sekat dan menyebabkan satu kesesakan yang panjang.

Saya hendak masuk yang akhir, Tuan Yang di-Pertua. Semalam SPRM datang menyebut Dewan Negara harus memutuskan menjadikan rasuah itu sebagai musuh utama dalam negara. Saya rasa ini tidak perlu ada penolakan kerana ini adalah perkara penting yang harus kita jadikan isu yang baik kita angkat. Saya menyambut baik saranan ini namun kita juga mengharapkan SPRM dalam isu ini ketegasan ini dibawa bagi menghapuskan istilah, 'ikan bilis ditangkap, jerung terlepas'. Maknanya apa? Kalau betul-betul SPRM tegas dalam isu rasuah, ia harus meliputi kepada semua perkara, semua aspek. Maksud dia apa? Seseorang individu, apa nama dia, apa pangkat dia, apa kedudukan dia tidak harus menjadi satu ketakutan kepada SPRM untuk mengambil tindakan ke atas dia.

Namun apa-apa pun saya ucap syabas kepada SPRM kerana nampak dua tiga minggu ini semakin agresif untuk memastikan negara kita kosong rasuah kalau boleh. Akan tetapi apa pun yang paling penting ialah kesepakatan kita dalam menangani isu ini haruslah menjadi perkara pokok, perkara yang memudahkan dan saya yakin Tuan Yang di-Pertua, kalau kita sama-sama menggembleng usaha dan menyokong isu ini, kita akan dapat menangani isu ini dengan baik.

Untuk itu Tuan Yang di-Pertua, saya akhiri ucapan saya. Terima kasih kerana memberi laluan dan saya menyokong usul Titah Diraja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail yang telah menyampaikan ucapan yang baik dan peringatan kepada kita. Seterusnya Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim. Dipersilakan, ada 12 minit.

7.19 mlm.

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: *Bismillahi Rahmani Rahim...* [*Membaca sepotong doa*]. *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam negaraku Malaysia juga salam negeriku Perak.

■1920

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan setinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan ruang dan peluang buat saya untuk turut membahaskan Usul Menjunjung Kasih atas Titah Diraja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama, Penggal Kelima, Parlimen Ketiga Belas.

Selain dari itu, saya ingin menzahirkan rasa syukur kepada Allah SWT atas limpah perkenan serta keizinannya juga yang membolehkan saya berucap di sidang Dewan Negara yang mulia ini. Juga saya ingin melafazkan setinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Perak iaitu setelah saya diberikan amanah untuk duduk sebagai Ahli Dewan Negara, wakil daripada negeri Perak pada 20 April 2014. Maka pada hari ini bertarikh 18 April 2017, maka hanya ada dua hari lagi untuk saya menamatkan tempoh memegang amanah itu untuk sesi ataupun satu penggal. Jadi, sekali lagi saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Perak. Nanti sebut Dato Seri untuk sambung.

Di dalam kesempatan ini, dalam saya ingin menyatakan terima kasih saya kepada negeri tercinta saya iaitu negeri Perak dan sehubungan juga sebagaimana yang di dalam Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga turut menyentuh soal pelancongan. Dalam konteks ini, izinkan saya menyuarakan dua perkara yang ada kaitan secara langsung dengan negeri saya Perak berhubung dengan pelancongan tadi.

Pertamanya iaitu berkenaan dengan hasrat negeri Perak untuk menjadikan Pulau Pangkor sebagai pulau bebas cukai. Jika Pulau Pangkor dapat diberikan status bebas cukai, ia akan menjadi pemangkin kepada usaha meningkatkan daya tarikan pelancongan ke negeri Perak. Sekali gus menjadikan Pulau Pangkor dan kawasan sekitarnya sebagai salah satu hab pelancongan. Saya difahamkan beberapa perbincangan mengenai perkara ini telah diadakan dengan Kerajaan Persekutuan. Pada kesempatan ini, saya ingin menyatakan setinggi-tinggi harapan semoga perkara ini segera diluluskan.

Perkara kedua, bersabit dengan keperluan di negeri Perak iaitu saya ingin bangkitkan berkenaan dengan Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah Ipoh, Perak. Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah Ipoh telah dinaiktarafkan kepada lapangan terbang antarabangsa selepas kerja penambahbaikan dan perluasan kawasan lapangan terbang pada Disember 2012. Cabarannya pula Tuan Yang di-Pertua iaitu selepas penambahbaikan itu terdapat pula cabaran tanah jerlus di penghujung landasan yang sepanjang 2.1 kilometer sedia ada dan keluasan jerlus tersebut adalah seluas *30 meter square*, dengan izin.

Dengan berlakunya perkara ini, maka landasan untuk keperluan pendaratan kapal terbang besar tidak boleh mendarat iaitu sebagai contohnya iaitu sekiranya daripada syarikat MAS, *Boeing 732* ataupun daripada *AirAsia Airbus A320*, daripada *AirAsia* tadi. Akhirnya syarikat-syarikat kapal terbang enggan memberikan perkhidmatan untuk laluan ke Ipoh yang mengakibatkan pelancong daripada luar negara tidak berminat untuk datang ke negeri Perak. Juga perkara ini saya mohon Kementerian Pengangkutan supaya dapat membantu Perak demi menjana ekonomi Perak yang lebih baik.

Perkara ketiganya adalah bersangkut paut dengan lapangan terbang juga, di mana kita mempunyai lapangan terbang yang berada di Gerik, Perak. Lapangan terbang ini sudah lama tidak digunakan, jadinya saya mohon bertanya kepada Kementerian Pengangkutan sama ada lapangan terbang ini boleh lagi di- sekiranya boleh dapat kita gerakkan semula kerana kalau kita melihat daripada segi kedudukan, Gerik itu adalah kawasan sempadan dengan Thailand dan sekiranya perkhidmatan ini dapat dilaksanakan, maka sudah pasti pelancong-pelancong daripada luar negara

ada kemungkinan besar akan lebih ramai datang ataupun singgah di Gerik terlebih dahulu sebelum pergi ke Thailand.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merafakkan setinggi syukur kepada Allah SWT di atas limpah kurnia dan segala keberkatan yang membolehkan negara tercinta ini terus maju dan mencatatkan pertumbuhan ekonomi 4.2 peratus pada tahun 2016 sekalipun berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam suasana ekonomi yang masih tidak menentu. Dalam Titah Diraja, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menzahirkan harapan semoga mengambil langkah-langkah konkrit untuk meningkatkan lagi saiz ekonomi negara daripada RM1.3 trilion pada masa ini kepada RM2.0 trilion dalam tempoh tujuh hingga lapan tahun yang akan datang.

Baginda juga menyeru supaya semua pihak berganding bahu menghadapi pelbagai cabaran dengan meningkatkan lagi produktiviti ke arah ekonomi yang lebih mampan. Sehubungan dengan soal pertumbuhan ekonomi ini, saya ingin melontarkan pandangan dari dua perspektif. Pertamanya Tuan Yang di-Pertua, dari perspektif kerajaan. Segala macam usaha dan strategi telah, sedang, akan terus dilaksanakan oleh kerajaan bagi merangsang pertumbuhan ekonomi. Dari soal meningkatkan pelaburan hinggalah kepada mewujudkan peluang-peluang baru, memperkasakan daya saing, meningkatkan produktiviti, kreativiti dan inovasi. Selain dari itu, pelbagai usaha dilakukan untuk melahirkan tenaga kerja yang mampu melonjakkan pencapaian ekonomi negara melalui teknologi dan keupayaan berdepan dengan pelbagai cabaran yang semakin sengit.

Perspektif yang kedua yang ingin saya sentuh ialah peranan pihak-pihak tertentu yang memperlihatkan kerakusan berpolitik sehingga sanggup melakukan apa sahaja bagi menggagalkan usaha kerajaan supaya di atas kegagalan yang mereka rencanakan itu akan lebih mudah untuk meruntuhkan kerajaan sekarang untuk diganti dengan kerajaan yang baru iaitu kerajaan yang bakal mereka bentuk.

Malangnya kerakusan berpolitik sedemikian itu dipelopori oleh parti-parti pembangkang yang secara bersepakat melakukan serangan terhadap kerajaan dan secara sengaja memburukkan-burukkan negara sendiri di mata dunia. Usaha pihak kerajaan menarik pelabur asing cuba dibantutkan dengan menimbulkan keresahan seolah-olah negara ini tidak selamat untuk pelaburan. Apabila kerajaan berjaya menarik pelaburan besar dari negara China, timbul pula tohmahan mengatakan Kerajaan BN menggadaikan negara kepada pelabur daripada negara China.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, terima kasih. Ucapan baik. Jam sampai 7.30 dan sebelum saya- dan saya hendak sampaikan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat yang menunggu petang ini seorang pejuang-pejuang handal... [*Tepuk*] Saya petang ini dengar banyak ceramah berbentuk keimanan. Bak kata Profesor Hamka, "*Jadilah kamu pemimpin yang berilmu yang beriman*". Kalau kamu beriman tidak mahu berlaku perkara mungkar. Apa dia mungkar? Arak, zina dan fitnah. Fitnah itu lebih kejam daripada membunuh, itu satu.

Dan seperti yang Berhormat kata tadi, berlaku *interview* yang disuarakan oleh kita punya presiden tadi, dan diutarakan oleh Datuk Mustapa tadi. Kita rasa keji, dimalukan banyak. Petang ini saya dengar banyak ceramah berbentuk keimanan. Kita buatlah sebaik mungkin masa kita hidup ini. Kita singkirkan yang keji itu. Ingatlah kita buat persiapan ke akhirat juga. Bak kata pantun orang Melayu.

*Bukan Melayu bukannya Boyan,
Anak haruan dalam lumpur,
Biar kita menangis dalam buaian,
Jangan kita menyesal dalam kubur.*

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 19 April 2017. Sekian. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.32 malam.]